



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 11 APRIL 2014 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Hajah Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrudin Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana Binti Razali
Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Mohd. Hafizan Bin Yusoff
Encik Redzuan Bin Adam
Encik Hairudin Bin Omar
Bentara

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaukum Warahmatullihi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang kelima 11 April 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. BACAAN DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

45. Kenderaan berat sewenang-wenangnya di parkir yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah statistik pemberi maklumat di bawah Akta 711 di Negeri Selangor dan PBT?
- b) Apakah cadangan kerajaan negeri untuk menggalakkan lebih pemberi maklumat?
- c) Apakah cadangan kerajaan negeri untuk menambahbaik perlindungan kepada pemberi maklumat, terutamanya di PBT?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Akta 711 adalah satu akta Parlimen. Sehingga kini, tiada pemberi maklumat yang tampil di PBT-PBT sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta 711 sejak Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dilaksanakan. Antara cadangan dan langkah kerajaan negeri bagi

menggalakkan lagi pemberi maklumat ini tampil ke hadapan ialah satu, pendedahan kepada masyarakat tentang kewujudan saluran aduan kepada pemberi maklumat. Dua, pemahaman dan perspektif yang jelas dalam aspek perundangan dan hukuman dalam pelaksanaan akta tersebut. Tiga, melantik pemberi, pegawai integriti seperti yang telah dilaksanakan oleh Ahli Parlimen Selayang dan Ahli Parlimen Ampang Jaya. Empat, memberi hebahan dan publisiti kepentingan pemberi maklumat dan keberkesanan kepada agensi. Antara cadangan kerajaan negeri untuk menambahbaik perlindungan kepada pemberi maklumat terutamanya PBT ialah menubuhkan jawatankuasa serta melantik Pegawai Integriti bagi tujuan memantau pelaksanaan akta tersebut di semua PBT.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Puan Speaker, soalan 46.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN DAERAH

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan bilangan mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) mengikut daerah sejak 2008.
- b) Adakah kerajaan Negeri berhasrat menetapkan JKTD yang merupakan jawatankuasa tertinggi di peringkat daerah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali? Jika tidak, nyatakan sebabnya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, Kuala Kubu Baharu, bertanyakan tentang Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah sejak 2008. Daripada 9 daerah sejak daripada 2008, saya ada senarainya tiap-tiap 1 tahun. Sebagai contoh pada 2008, Petaling tak ada mesyuarat. Pejabat Klang 1, Gombak 6 kali, Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat sekali pada 2008, Kuala Langat 5 kali, Hulu Selangor 5 dan Sabak Bernam 2. Tapi pada 2009, Pejabat Tanah Petaling 10 kali, Klang 10 kali, Gombak 6 kali dan Hulu Selangor 7 kali. Dan, pada tahun lepas 2013, Petaling 3 kali, Klang 1 kali, Pejabat Gombak 5 kali, Pejabat Hulu Langat 4 kali, Sepang 5 kali dan Sabak Bernam 4 kali. Pada tahun ini, semua Pejabat daerah telah mengadakan sekali Mesyuarat Tindakan Daerah melainkan Klang sebab D.O. baru akan memanggil mesyuarat tersebut. Jadi, tapi yang penting sekarang ialah Seksyen Agihan dan Pembangunan Unit Perancang Ekonomi Negeri, kerajaan negeri telah menetapkan supaya Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah jawatankuasa yang tertinggi di peringkat daerah dan bermesyuarat sekurang-

kurangnya sekali sebulan. Ini untuk memastikan masalah berkaitan dengan peringkat daerah dapat dibincangkan, diselesaikan bersama antara agensi dan jabatan teknikal berkenaan. Oleh sebab itu kita akan mengadakan satu sistem pemantauan. Kedua, saya juga mencadangkan supaya Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli Parlimen mestilah menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah ini.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Berkenaan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah ini satu mesyuarat yang boleh mengumpulkan semua jabatan tetapi saya nampak prestasi mesyuarat yang dilakukan oleh Pejabat Tanah ini seperti jawapan yang diberikan oleh YAB Dato' Menteri Besar, Klang pada tahun yang lepas satu sahaja mesyuarat. Maknanya, saya nampak masih kurang mendapat sambutan dan perhatian daripada, inisiatif daripada Pejabat Daerah sendiri. Ini perlu satu pemantauan yang lebih kerap supaya betul-betul berfungsi. Ini satu perkara, ya, supaya betul-betul berfungsi, dan keduanya, kadang-kadang mesyuarat yang diadakan tidak memikirkan, tidak mengadakan notis yang lebih awal. Ini dua perkara yang minta Yang Berhormat bagi satu jawapan yang jelas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, saya akan mengadakan satu program yang dikatakan turun padang. Maknanya, Menteri Besar bersama dengan EXCO akan turun padang ketiap daerah dan dalam program turun padang itu, satu daripada program itu ialah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Dengan cara itu, kita akan dapat memahami dan masalah-masalah yang didapati oleh daerah dari segi pelaksanaan dan koordinasi. Kita belum tahu kesannya tetapi itu berlaku, kedua, kita juga boleh mendapat laporan. Saya ingat, saya minta UPEN mengadakan laporan tiap-tiap kali ada dewan bersidang. Satu laporan dibuat mengenai mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa daerah yang boleh diberikan kepada dewan untuk dewan sendiri memantau dan ingin membuat beberapa pertanyaan mengenai perkara tersebut.

TUAN SPEAKER: Sri Muda. Tidak hadir. Rawang?

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Peraturan Tetap Muka Surat 2 Taman Medan mengambil soalan tu sebagai soalan sendiri. Soalan No. 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : SURI RUMAH TANGGA

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah suri rumah tangga mengikut pecahan daerah dan kaum bagi tahun 2008-2014?
- b) Apakah polisi dan skim Kerajaan Negeri Selangor untuk golongan suri rumah tangga?

TUAN SPEAKER: Baiklah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker. Sri Muda bertanyakan tentang jambatan..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang, Soalan 48. Soalan Rawang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : SURIMAH TANGGA

48. Bertanya kepada Y. A. B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah suri rumah tangga mengikut pecahan daerah dan kaum bagi tahun 2008-2014?
- b) Apakah polisi dan skim Kerajaan Negeri Selangor untuk golongan suri rumah tangga?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Rawang dan juga Taman Medan yang mengambil soalan ini. Rawang bertanya tentang jumlah suri rumah tangga dan suri rumah tangga mengikut pecahan daerah. Ingin saya maklumkan bahawa sebab masa ini walaupun di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri, belum ada satu statistik yang khusus tentang pecahan mengikut kaum. Untuk suri rumah bagi tahun 2008 hingga 2014. Yang ada hanyalah satu statistik yang dibacakan oleh bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia iaitu mengikut statistik terdapat 95.7 juta golongan wanita negara ini dan rata-ratanya boleh dikatakan seramai 4.98 juta daripada mereka berada di luar pasaran kerja. Jadi, istilahnya yang digunakan ialah di luar pasaran

kerja tetapi, walau bagaimanapun, saya telah pun memohon pihak statistik negeri Selangor untuk memastikan ada pengkhususan tentang kategori suri rumah dimaksudkan. Tapi, apa pun menurut Jabatan Perangkaan setelah mengambil kira data-data yang ada di dalam negara boleh dianggarkan bahawa daripada 4,886,300 perempuan di luar tenaga buruh yang dikatakan 2,000,919 orang masih belum berkahwin iaitu 59.5 %. Dan dianggarkan daripada yang belum berkahwin ini maknanya yang masih berkahwin, maaf, dengan izin, saya minta maaf. Yang masih berkahwin, maknanya kita anggap bahawa yang tidak bekerja dan ia berkahwin, itulah dikategorikan sebagai suri rumah. Jadi, untuk Selangor, boleh dikatakan 59.9% merupakan ya, daripada, separuh daripada 50% wanita di negeri Selangor ini merupakan dalam sektor *informal* iaitu dalam, sebagai suri rumah tangga.

Dan juga, apakah polisi dan skim kerajaan negeri Selangor untuk golongan suri rumah. Saya ingin menyatakan bahawa skim khusus telah pun saya berikan jawapan kepada soalan 41 tetapi polisi yang kerajaan letakkan pada tempoh 2008 hingga sekarang, sekarang ini kerajaan Selangor telah pun meletakkan bahawa golongan suri rumah tangga merupakan salah satu daripada 12 golongan yang perlu ada pelan tindakan yang tersendiri. Jadi, daripada pelan tindakan ini, polisi yang paling utama adalah untuk memastikan selain daripada wanita atau suri rumah tangga ini mendapat satu penjelasan yang betul dan hak-hak mereka sebagai wanita dan juga hak ataupun bagaimana akta anti pemerdagangan, *anti domestic violence* itu, dengan izin, dilaksanakan, kita mahu melihat wanita di negeri Selangor ini boleh menambahkan pendapatan mereka dan akhirnya boleh mendapat jaminan kewangan dengan beberapa rangkaian program-program yang dilaksanakan. Jadi, itu jawapan saya Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sg. Panjang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Soalan No. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : GO RURAL

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan khusus bagi menjayakan polisi 'Go Rural' ini?
- b) Manakah kawasan atau zon yang terlibat?
- c) Apakah bentuk program dan pengisian bagi melaksana dasar ini?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker, terima kasih Sg. Panjang. Saya jawab bersekali. Makna kerajaan negeri dari dulu sehingga sekarang memberi tumpuan yang spesifik kepada pembangunan desa. Matlamat kerajaan negeri secara amnya adalah untuk meningkatkan pendapatan serta taraf ekonomi penduduk desa. Ini sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup serta merapatkan jurang ekonomi masyarakat bandar dan desa. Pada ketika ini, kerajaan negeri Selangor sedang merangka satu dasar iaitu pembangunan desa bersepadu dan mampan. Ini bertujuan bagi meningkatkan pendapatan penduduk di samping mewujudkan nilai kepunyaan penduduk bagi suatu kampung tersebut. Perkara ini masih di peringkat awal di mana segala kajian sedang dilakukan di peringkat akar umbi bagi memastikan segala perjalanan berhubung perkara ini berjalan seperti yang dilaksanakan mengikut perancangan yang dibuat. Kawasan serta zon yang terlibat dalam pembangunan desa ini ialah di seluruh kawasan desa di negeri Selangor. Setakat ini dalam pelaksanaan program pembangunan desa, program-program yang dilaksanakan ialah program pemberian insentif bas sekolah, dan program teknikal belia negeri Selangor. Pembangunan desa akan dilaksanakan secara holistik dengan melibatkan kesemua kampung akan diambil kira dan ia akan dijalankan secara berfasa. Langkah-langkah pelaksanaan projek pembangunan desa adalah seperti berikut:

Pertama ialah peringkat memberi kesedaran terhadap kepentingan dan keperluan pembangunan desa. Pada peringkat pertama ini ketua-ketua akan mendengar sendiri mandat daripada Kerajaan Negeri terutama daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada peringkat ini juga akan diadakan sesi perbincangan untuk mempelajari sebab-sebab dasar-dasar terdahulu gagal pembuat atau pelaksana.

Yang kedua, ialah peringkat memperkenalkan agenda polisi, *create policy, policy agenda*. Pada peringkat kedua ini akan diadakan bengkel kenali kampung ku. Struktur pelaksanaan bengkel ini akan diketuai oleh Jawatankuasa Pemandu dikendalikan jawatankuasa pelaksana dengan kerjasama JKK. Menterinya akan diwakili oleh Pegawai Daerah, Ketua-ketua Kampung, Setiausaha JKK, Wakil wanita. Bengkel ini bertujuan mengenal pasti pelanggan serta profil kampung seperti aset tenaga manusia yang dimiliki. Kemudahan serta sumber sedia ada, potensi suatu kampung, sistem kewangan dan politik setempat, proses komunikasi kampung itu. Selain itu bengkel ini juga membolehkan perbincangan dua hala mengenai masalah-masalah yang dihadapi di kampung-kampung yang menyekat kemajuan ekonomi mereka. Disamping itu bengkel ini juga bertujuan untuk mendapatkan cadangan-cadangan daripada masyarakat kampung sendiri tentang kemajuan yang diinginkan di kampung mereka.

Peringkat ketiga yang ialah peringkat menyusun agenda yang dibincangkan di dalam bengkel mengikut keutamaan. Peringkat yang keempat peringkat menggubal dasar baru. Peringkat penggubalan dasar baru ini akan diadakan hasil daripada

pemantauan terperinci daripada masa kesemasa terhadap projek-projek yang dalam proses pelaksanaan. Bagi memastikan dasar digubal wajar dengan keperluan yang diteliti diperingkat akar umbi. Dan peringkat yang kelima ialah memantau dan menilai polisi-polisi. Maka pelaksanaan pembangunan desa bersepadu dan mampan ini bergantung kepada kemajuan dalam pembangunan komuniti sesuatu kawasan tersebut dan empat langkah secara ringkas saya sebut ialah pertama membina sokongan yang merupakan tunggak yang paling utama di dalam dasar ini. Yang kedua, membuat perancangan mendapatkan maklumat yang diinginkan, perancangan bagi memastikan program ini berjalan secara lancar adalah di perlukan. Ketiga ialah implementasi dan menyesuaikan pelan perancangan yang telah dirancang hendak dilaksanakan mengikut kesesuaian sebuah kampung tradisi dan yang keempat mengekalkan momentum sekiranya pelan yang dirangka bersesuaian dengan kampung tersebut ia akan diteruskan sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan.

Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang dahulu.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Beberapa kali EXCO menyebut sedang merangka dasar terhadap polisi *Go Rural* ini. Maknanya adakah pelaksanaannya masih belum lagi dilaksanakan atau masih di peringkat perbincangan dasar dan polisi.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Sungai Panjang. Kita sebenarnya sedang melaksanakan apa yang telah pun kita rangka sejak daripada awal lagi di samping kita menilai kepada pelaksanaan yang lalu mana-mana yang perlu kita ubah, kita ubah, yang perlu kita mansuh kita mansuh untuk kita membina satu dasar baru yang lebih praktikal semasa sebab itu program seperti pemberian insentif bas sekolah dan begitu juga tentang program kemahiran teknikal belia Selangor yang ini telah pun kita laksanakan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker berkenaan dengan pembangunan desa *Go Rural* ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sabak jawapan yang diberikan tadi kita ada dalam perangkaan-perangkaan dalam rancangan dan ada lima peringkat ya, lima peringkat, saya nak jawapannya sekarang kita sampai peringkat mana, peringkat mana, ia ada lima peringkat, peringkat mana sebab di bawah rakyat tertanya-tanya mana pembangunan desa. Terima kasih.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Kajian terhadap lima peringkat ini ialah base kepada program, satu-satu program yang kita buat. Sebab itu peringkat yang kedua untuk kenali kampung ku ini sedang berjalan dan kita telah pun melaksanakan paling tidak bagi dua daerah dan kita akan memastikan semua daerah akan terlibat dalam program ini dan begitu juga beberapa program yang, yang baru kita akan laksanakan selepas daripada peringkat dengan menilai kelima-lima peringkat ini program seperti kerjasama kita dengan Nestle bagi memastikan Nestle dapat membantu bagi meningkatkan ekonomi masyarakat desa masyarakat kampung. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, soalan no. 50.

**PERTANYAAN –PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: SKIM BANTUAN TADIKA SELANGOR (TUNAS)

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima TUNAS sehingga tahun 2014?
- b) Berapakah jumlah institusi/tadika yang terlibat sehingga tahun 2014?
- c) Berapa banyakkah tunggakan bayaran kepada penerima sehingga tahun 2014 sekiranya ada?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Taman Tampler. *Bismillahir rahmannir rahim*, jumlah penerima tunas sehingga tahun 2014 adalah sebanyak 10,59 orang dan jumlah institusi atau tadika yang terlibat sehingga 2014 adalah sebanyak 627 buah tadika dan buat masa ini tiada sebarang tunggakan bayaran kepada penerima. Saya nak jawab soalan ini bersama dengan soalan 177, 242 dan 311. Jadi untuk Paya Jaras ya, peruntukan yang telah diperuntukkan untuk skim tunas adalah sebanyak RM3,000,000.00 setahun dan Jawatankuasa Tetap Pendidikan sedang mengkaji keperluan menambahkan peruntukan melihatkan perkembangan permohonan yang begitu banyak setelah kelayakan ibu bapa yang layak iaitu kita tambahkan pendapatan keluarga sebanyak RM2,500 ke bawah yang kita mulakan selepas PRU yang Ke 13 ini. Untuk kita bawa kepada kerajaan negeri Selangor supaya tambahan peruntukan akan kita mohon bagi menampung keperluan tersebut.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Mengapakan kadar yang ditetapkan tidak diselaraskan dengan skim-skim yang lain iaitu 3,000 ringgit dan ke bawah.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Taman Medan. Keperluan ketika itu ialah di mana dia punya penyelarasan kenaikan garis kemiskinan kita ambil 1,500 pada ketika itu kemudian kita melihatkan ramai pula yang tidak layak apabila kita letakkan 1,500 kemudian kita naik 2,500 tapi ada di antara skim MES ini telah kita naik kepada tahap 3,000. Insya-Allah kita akan bersama-sama dengan EXCO untuk melihatkan satu keselarasan angka 3,000 ringgit itu.

TUAN SPEAKER: Morib. Tidak hadir. Soalan 52 telah dijawab bersekali dengan soalan 5. Balakong.

Y.B. TUAN NG TEN CHEE: Perintah tetap untuk 24(2)

TUAN SPEAKER: Ya Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ya saya ambil untuk Balakong soalan 53. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK: PERLAKSANAAN UUK FI LESEN 2007

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peningkatan hasil bagi setiap PBT setelah pelaksanaan UUK Fi Lesen 2007?
- b) Adakah Kerajaan bersedia mengkaji semula kenaikan tersebut memandangkan kebanyakan pemegang lesen menganggap kadar kenaikan ini agak tinggi dan membebankan?

Y.B. DATO' TENG CHAN KHIM: Tuan Speaker, jumlah peningkatan hasil bagi setiap PBT setelah pelaksanaan dan kecil bagi lesen 2007 adalah seperti berikut;

Majlis Bandaraya Shah Alam kutipan RM1.92 juta peningkatan sebanyak 24.5 peratus.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya kutipan RM4 juta setahun.

Majlis Perbandaran Klang kutipan RM2.9 juta
Majlis Perbandaran Ampang Jaya peningkatan lima peratus iaitu RM234,440.

Majlis Perbandaran Subang Jaya pertambahan hasil RM3 juta.

Majlis Perbandaran Selayang belum melaksanakan kadar Fi lesen secara keseluruhan atas beberapa teknikal. Pelaksanaan akan dilakukan pada tahun 2015.

Majlis Perbandaran Kajang jumlah peningkatan hasil lesen 5 peratus.

Majlis Perbandaran Sepang tiada peningkatan hasil yang dipungut berdasarkan penambahan kadar Fi sedang dalam proses semakan.

Majlis Daerah Kuala Langat peningkatan hasil RM99,750.00

Majlis Daerah Hulu Selangor tiada maklumat

Majlis Daerah Kuala Selangor kenaikan terendah sebanyak 20 peratus dan;

Majlis Daerah Sabak Bernam kenaikan 10 peratus.

Kerajaan negeri tidak bercadang untuk mengkaji semula memandangkan kenaikan yang dikenakan adalah berpatutan melainkan penyelarasan kepada beberapa butiran yang perlu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas tidak hadir.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMMED TALHA: Peraturan Tetap 24(2) saya mengambil soalan Sri Andalas sebagai soalan saya.

TUAN SPEAKER: Baiklah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMMED TALHA: Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR
(SERI ANDALAS)**

TAJUK: LAMBAKAN PEKERJA ASING

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi lambakan Pekerja Asing di Negeri Selangor ini?

b) Apakah pula peranan PBT dalam mengekang lambakan ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker. Bidang kuasa untuk mengatasi lambakan pekerja asing terletak di bawah kuasa kerajaan persekutuan iaitu di bawah bidang tugas Jabatan Imigresen. Dari segi dasar pula tenaga kerja warga asing adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Manakala peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengekang lambakan ini ialah satu menguatkuasakan tindakan penguatkuasaan terhadap warga asing yang mengusahakan perniagaan seperti di premis-premis terutama di premis makanan, kedai runcit dan lain-lain. Dua menyekat sebarang penglibatan warga asing dalam aktiviti perniagaan.

TUAN SPEAKER: Batu Caves tidak hadir. Hulu Bernam.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Peraturan Tetap 2.4(2) mengambil soalan 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK: PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN

56. Program ini adalah bantuan pembinaan atau baik pulih rumah golongan miskin dari sumbangan anak syarikat negeri

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah syarat kelayakan dan prosedur permohonan?
- b) Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan dan senarai penerima manfaat ini di DUN Hulu Bernam?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalnya berhubung dengan Program Kerajaan Prihatin. Program bantuan pembinaan dan baik pulih rumah, program bantuan kerajaan prihatin adalah program bantuan pembinaan dan baik pulih rumah sedia ada secara percuma. Syarat-syarat kelayakan adalah:

1. Terbuka kepada anak Selangor atau pemohon yang bermastautin di negeri Selangor melebihi daripada lima belas tahun.
2. Pemohon-pemohon yang bukan kelahiran Negeri Selangor mestilah dipastikan telah menduduki kawasan berkenaan tidak kurang daripada lima belas tahun. Bukti diperolehi daripada ADUN kawasan, Penghulu Mukim berkenaan, JKK serta Ketua Kampong kawasan berkenaan

3. Pendapatan isi rumah pemohon hendaklah di bawah 1,500 sebulan.
4. Umur pemohon adalah di antara 50 tahun hingga 65 tahun sahaja kecuali orang kurang upaya.
5. Hanya ketua keluarga sahaja yang layak memohon dan ketua keluarga mestilah merupakan ketua keluarga bagi isteri pertama sahaja.
6. Hanya satu keluarga sahaja yang layak menerima bantuan rumah.
7. Keadaan rumah pemohon adalah daif dan tidak sesuai untuk diduduki. Kerosakan asas sahaja akan dipertimbangkan untuk tujuan baik pulih.
8. Rumah pemohon mestilah berada di kawasan kampung tradisi, kampung baru, tanah lot persendirian yang mana rumah tersebut atas tanah milik sendiri atau tanah TOL yang diberi kebenaran oleh Pejabat Tanah Dan Daerah.
9. Mempunyai tapak untuk membina kediaman baru. Kedudukan tapak mestilah berdekatan dengan punca bekalan air dan elektrik dan bukan kawasan banjir. Sekiranya tiada punca air dan elektrik, penerima bantuan bersetuju untuk menanggung kos pemasangan bekalan elektrik.
10. Bagi bantuan bina baru rumah pemohon perlu dirobuhkan.
11. Pemohon dikehendaki untuk melampirkan surat kebenaran menduduki atau surat kuasa menduduki daripada tuan atau pemilik tanah sekiranya tanah bukan hak milik pemohon.
12. Terdapat bukti bahawa rumah berkenaan diduduki pemohon dan tanggungannya.

Bagi bahagian jumlah yang dibelanjakan senarai yang penerima manfaat di DUN Hulu Bernam. Program bantuan rumah kerajaan prihatin adalah melibatkan sembilan daerah. Program ini tidak dipecahkan mengikut DUN. Permohonan yang diterima adalah berdasarkan perkiraan yang diduduki oleh pemohon. Bagi DUN Hulu Bernam yang terletak di daerah Hulu Selangor, penerima bantuan rumah kerajaan prihatin adalah seramai 78 orang sejak 2008 hingga 2013. Jumlah penerima bantuan bina baru sebanyak 44 unit di mana telah menelan belanja sebanyak RM1.5 juta dan bantuan baikpulihan rumah sebanyak 34 unit di mana telah menelan belanja sebanyak RM180,000 dan keseluruhannya sebanyak RM2.2 juta telah dibelanjakan di Daerah Hulu Bernam. Berikut itu sahaja.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras. Paya Jaras tidak hadir. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker soalan no. 58

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YANG BERHORMAT IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: PELABURAN

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Nyatakan pelabur-pelabur luar negara yang telah melabur di negeri Selangor sepanjang tahun 2013 dan nyatakan jumlah pelaburan bagi setiap pelabur tersebut?
- b) Apakah faktor utama yang menarik minat pelabur asing melabur di negeri Selangor?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker terima kasih kepada Tanjung Sepat kerana menanya tentang isu pelaburan di negeri Selangor saya akan jawab soalan ini bersekali dengan soalan 113,137, 157, 161 dan 235. Tuan Speaker bagi tahun 2013 Selangor mencatatkan jumlah pelaburan kedua tertinggi antara negeri-negeri lain dengan nilai pelaburan berjumlah RM9.833 bilion dengan 228 buah projek yang diluluskan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM3.625 bilion adalah dari penyertaan pelabur asing. Dan RM6.08 bilion dari pelaburan tempatan. Manakala dari jumlah kelulusan projek pula Selangor menduduki tempat pertama dengan 228 projek berbanding dengan negeri-negeri lain. Lima negara pelabur asing yang paling utama di Selangor pada tahun 2013 ialah Jepun RM1.017 bilion. Singapura RM840 juta. Amerika Syarikat RM459 juta. China RM 228 juta dan Switzerland RM 211 juta. Merujuk kepada projek perkilangan yang telah diluluskan oleh MIDA di negeri Selangor ini bagi tahun 2013 antara contoh projek-projek yang berasaskan teknologi tinggi (*high tech*) adalah (saya bagi lima contoh syarikat).

1. *Schlumberger* bidang perusahaan adalah Oil & Gas *Service Centre for Asia Pacific Region*.
2. Upeca Aerotech Sdn Bhd – *Design, development and manufacturer of aero structure components for fancowl project*.
3. Upeca Flowtech Sdn Bhd – *Sub-modules and components for packers, down hole tools, flow control equipment and subseatrees*.
4. Denso (Malaysia) Sdn Bhd – *Semiconductor devices*

5. Shin – Etsu Polymer – *Thermal interface*

Antara faktor utama yang menarik minat pelabur asing melabur di negeri Selangor adalah kedudukan yang strategik dengan Pusat Pentadbiran dan berdekatan dengan KLIA dan Pelabuhan Klang. Kedua ialah kestabilan politik dan Polisi Kerajaan. Ketiga, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua memudahkan para pelabur berkomunikasi dengan pekerja tempatan. Keempat, Hak Perlindungan Harta Intelek. Kelima, jaringan jalan raya dan lebuhraya yang selesa. Keenam, industri sokongan seperti perkhidmatan logistik, perbankan dan lain-lain. Ketujuh, sumber tenaga mahir dan separuh mahir. Kelapan, kemudahan pendidikan untuk anak-anak *expatriate* seperti *International School*. Kesembilan, kemudahan pusat perubatan bertaraf antarabangsa. Antara inisiatif dan pendekatan pro aktif yang dilakukan bagi menarik minat ramai pelabur asing adalah seperti berikut. Pertama, meningkatkan promosi di luar negara seperti program lawatan menggalakkan pelaburan. Setiap tahun Kerajaan Negeri melalui.....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Seri Kembangan sila ringkaskan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Kerajaan Negeri bersama dengan SSIC akan berusaha lagi untuk meningkatkan jumlah pelaburan di Selangor dan mengekalkan Selangor sebagai sebuah negeri dengan status sebuah destinasi pelaburan utama di Malaysia. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Soalan tambahan. Berkenaan dengan pelaburan ke negeri Selangor di mana ada lima negara disenaraikan antaranya negeri China juga disenaraikan di ranking yang kelima untuk pelaburan di negeri Selangor. Soalan saya adalah sama ada insiden MH370 akan memberi kesan jangka pendek dan jangka panjang antara pelaburan di negeri Selangor dan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan pelaburan ini akan terus ke negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Sekinchan. Saya nampak untuk kesan jangka pendek memang ada *effect* dengan pelaburan dari China ke Selangor tapi apa yang kita buat adalah kita akan teruskan promosi kita ke China seperti apa yang telah dirancang oleh SSIC kita akan mengadakan pameran pada akhir tahun ini di Xiamen nanti.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Puan Speaker. Soalan ke 60.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: TANAH RIZAB PERKUBURAN

60. Tanah rizab perkuburan di Kg. Ginching tidak dapat menampung kehendak penduduk tempatan akibat penambahan penduduk yang pesat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Rizab tanah perkuburan di Kg. Ginching tidak dapat menampung kehendak penduduk akibat penambahan peningkatan penduduk yang pesat. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah ini?. Kita telah membuat beberapa kajian tentang keperluan tanah perkuburan semua kaum dan semua agama dan berdasarkan kepada kajian kita, kita telah membuat perangkaan untuk menyediakan tanah-tanah ini sehingga tahun 2060 dan telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Terdapat dua tapak perkuburan wilayah bersepadu yang dikenal pasti di kawasan sepang. Pertama, Plot 5758 seluas 400 ekar yang kita akan ambil alih dalam Ladang Sepang dan di Sime Darby. Itu sudah kita wartakan. Plot 3366 juga 100 ekar di Jalan FT32 (KLIA – Nilai). Bersebelahan Taman Perindustrian Tanjung Balai dan KLIA.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan. Kinrara ingin tanya bilakah dua plot ini akan beroperasi dan sekiranya telah beroperasi siapakah yang akan menjaga tapak perkuburan ini. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, pengambilan tanah sekarang dalam proses. Kedua-dua plot-plot itu akan diberikan kepada komuniti yang berkenaan dan untuk kaum Tionghoa kita akan meminta cadangan daripada komuniti ataupun persatuan-persatuan yang tertentu untuk memberikan kita cadangan tentang pentadbiran perkuburan tersebut. Untuk perkuburan agama Islam ia akan dilakukan melalui Jabatan Agama Islam Selangor.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan. Masih mengenai tanah perkuburan tapi lain sedikit kalau dibenarkanlah. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri Besar sama ada dalam setiap kelulusan pembangunan yang akan

dikeluarkan apakah Kerajaan Negeri menetapkan ada memberikan gazet tanah perkuburan kepada kaum-kaum dan sekiranya menetapkan syarat itu berapa saiz minimum yang perlu ada untuk setiap kelulusan pembangunan di negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, terima kasih Permatang. Untuk pembangunan masa depan tiap-tiap pembangunan yang melebihi 100 ekar ada peruntukan dan piawaian yang ditetapkan mengikut komuniti dan seterusnya tiap-tiap 100 ekar. Jadi oleh sebab itu pembangunan-pembangunan yang agak besar tidak ada timbul masalah dari segi peruntukan tanah untuk perkuburan. Tetapi pembangunan-pembangunan yang kecil 5 ekar, 10 ekar itu terdapat masalah yang besar kerana kita tidak boleh mengambil sebahagian kecil daripada tanah tersebut. Kedua, kita mengenakan caruman mengikut jumlah densiti ataupun pembinaan yang dibuat. Walau bagaimanapun itu sangat sukar dilaksanakan tetapi kita terpaksa melaksanakan oleh sebab kita terdapat banyak tanah-tanah kecil yang masih perlu dibangunkan. Jadi jawapan saya untuk pembangunan-pembangunan masa hadapan tidak ada isu mengenai tapak-tapak perkuburan, sekolah, tanah lapang dan seterusnya tapi dari segi pembangunan yang kecil, tanah-tanah kecil kita masih terpaksa mengadakan perundingan dan ada kalanya kita terpaksa mencari tanah lain untuk menyelesaikan masalah-masalah tentang keperluan tanah perkuburan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik. Tidak hadir. Bukit Antarabangsa. Tidak hadir. Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan no. 63.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK: LEBUH RAYA

63. Kerajaan negeri memiliki pegangan saham di syarikat konsesi lebuh raya tertentu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan nama syarikat konsesi lebuh raya dan jumlah pegangan saham yang dimiliki?
- b) Nyatakan jumlah nilai pelaburan dan keuntungan yang diperolehi Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2013?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Batang Kali ingin bertanyakan tentang pegangan saham syarikat konsesi di lebuh raya-lebuh raya tertentu. Buat masa ini Tuan

Speaker, nama syarikat konsesi lebuhraya dan jumlah pegangan saham adalah seperti berikut. Pertama, Kumpulan Darul Ehsan melalui anak syarikatnya Kumpulan Peransang Berhad memiliki 20% kepentingan ekuiti dalam sistem penguraian trafik, KL Barat Holding Sdn Bhd yang lebih dikenali dengan nama SPRINT jumlah pelaburan Kumpulan Peransang dalam SPRINT ialah sebanyak RM 131.7 juta manakala sepanjang tempoh 2008 hingga 2013 SPRINT telah merekodkan kerugian di mana pihak SPRINT tidak dapat mengisytiharkan dividen kepada pemilik-pemilik saham. Saya akan cek ini lagi sekali. Kedua, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memiliki pegangan saham sebanyak 30% kepentingan ekuiti dalam KESAS Holding iaitu yang dipanggil KESAS. Jumlah pelaburan PKNS ialah sebanyak RM141.2 juta dengan mencatatkan keuntungan dividen yang sudah dibayar melebihi RM25 juta.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Minta maaf Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya ada dua soalan tambahan yang nak diutarakan pada pagi ini. Yang pertama adakah ada usaha dari pihak kerajaan negeri untuk mengambil alih pengurusan kedua-dua lebuhraya berkenaan sama ada dengan meningkatkan majoriti *shareholding* atau keseluruhannya. Yang kedua saya nak bertanya sama ada *intent* atau hasrat dan inisiatif bagi kerajaan negeri untuk menggunakan keuntungan dividen yang didapati terutamanya dari PKNS yang dikhabarkan kaya raya ni bagi lebuhraya KESAS untuk menurunkan kadar tol. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, oleh sebab pagi Jumaat ni, saya ingin berseloroh sedikit tapi untuk mengambil alih air saja sudah teruk kita nak mengambil alih, kalau lebuhraya lagilah. Lagi besar masalahnya. Walau bagaimanapun rakan-rakan saya dalam Pakatan Rakyat bercita-cita untuk menyusun semula lebuhraya-lebuhraya ini supaya dapat dibetulkan dari segi hasil dan pulangan dan kedua supaya dapat menjamin harga tol yang munasabah dan konsesi-konsesi tidak mendapat keuntungan yang melampau dari perkara tersebut. Dan jika perlu, jika mereka sudah mendapat keuntungan yang dapat membayar semua modal-modal yang mereka lakukan dan mereka terima dan kita berharap tol walaupun dijanjikan selama 60 tahun tetapi jika hasil-hasil itu boleh diselesaikan dalam masa 20 tahun maknanya tahun ke 20 itu konsesi itu mestilah memulangkan balik ke kerajaan supaya tempat dan perjalanan itu tidak dikenakan tol lagi. Itu harapan kita untuk usaha tersebut.

Kedua, pengambilalihan lebuhraya lebih sukar daripada pengambilalihan air pada pandangan saya kerana harga kontrak membuat jalan itu tidak tetap dan teratur.

Oleh sebab itu apabila perbincangan mengenai kos pembinaan lebuhraya itu kita lihat kosnya adalah ada kalanya sangat tinggi untuk boleh diambil alih sebagai satu usaha, usaha pelaburan. Akhir sekali jawapan sama ada keuntungan KESAS ini dapat digunakan untuk memberi subsidi ataupun menjimatkan pengguna, ini tidak boleh dibuat sebab kalau PKNS untuk memberikan subsidi dia hanyalah boleh memberikan subsidi kepada rakyat Selangor. Tidak boleh mana-mana rakyat yang menggunakan tol tersebut.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 64

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: PEKERJA LADANG, KEMISKINAN DAN KERAJAAN PRIHATIN

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah EXCO menyatakan kejayaan-kejayaan besar Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin pada 2013 dalam usaha-usaha membantu golongan ini?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak Setia yang memberi peluang kepada, memberitahu kepada Dewan yang mulia ini tentang kejayaan-kejayaan *Standco* Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin pada 2013. Antara kejayaan-kejayaan besar yang dapat kita lihat pada tahun 2013 ialah dari segi peningkatan permohonan program-program yang sedia ada seperti Bantuan *Blueprint* dan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin serta program-program di bawah kerajaan di bawah pekerja ladang. Satu peningkatan besar dapat kita lihat pada Program *Blueprint* dengan pertambahan kelulusan permohonan sebanyak 28% dari tahun 2012 kepada 2013 iaitu sebanyak 252 orang penerima pada tahun 2012 kepada 351 orang penerima pada tahun 2013. Bagi Program Kerajaan Prihatin perkara yang sama telah berlaku iaitu pertambahan kelulusan rumah yang diberi iaitu pada tahun 2012 sebanyak 11 orang penerima meningkat kepada 166 orang penerima pada tahun 2013. Peningkatan ini adalah satu kejayaan yang boleh dianggap besar bagi Kerajaan Negeri Selangor dalam rangka membantu lebih ramai rakyat yang kurang berkemampuan, Kerajaan Negeri telah membantu untuk menaikkan had pendapatan isi rumah bagi permohonan tersebut daripada RM600 kepada RM1500 pada tahun 2013. Dengan cara ini lebih ramai lagi masyarakat dapat dibantu dalam menerima manfaat program tersebut. Kerajaan Negeri menganggarkan peningkatan agak

besar dari segi penerima bantuan dalam pendekatan ini. Untuk program-program di bawah pekerja ladang sepanjang tahun 2013 pula, sebanyak 19 program telah diadakan berbentuk motivasi dan program-program yang memberi manfaat khusus untuk para pekerja ladang dan anak-anak mereka untuk membantu mereka dalam langkah memajukan diri. Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengadakan perjumpaan bersama para penduduk ladang dengan, dengan jawatan daripada ladang-ladang Bukit Raja, Ladang Bangi, Ladang Tumbuk, Ladang Inch Kenneth dan sebagainya sebagai usaha untuk hak pekerja ladang bantuan untuk mendapatkan rumah dan juga hal-hal lain bagi menyelesaikan masalah yang timbul khususnya bagi Ladang Bukit Raja dan juga Ladang Bangi telah kita dapat maklumat bahawa rumah-rumah yang dijanjikan kepada pekerja ladang telah pun diberi. Ini adalah satu kejayaan Kerajaan Negeri dalam membantu para pekerja ladang. Begitu juga dengan penganjuran *Job Fair* pada tahun 2013 dengan tujuan untuk membantu golongan yang kurang dari segi pendidikan untuk mendapatkan pekerjaan. Hal ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan yang besar di dalam portfolio. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya ada satu soalan mengenai dengan *Job Fair* tadi. Mengenai *Job Fair* ni sejauh manakah pelaksanaan program ini dapat menurunkan kadar pengangguran terutama di kalangan muda ataupun belia yang saya difahamkan melalui jawapan Dewan pada penggal yang lepas sebanyak 52 ribu orang ataupun yang berumur di antara 15 hingga 35 tahun masih tidak bekerja.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Batang Kali. *Job Fair* yang saya katakan di sini adalah berbeza dengan yang diadakan di bawah Stanco Doktor daripada Selat Klang. *Job Fair* yang diadakan di sini adalah hanya sekali saja kita buat di 2013 dekat Sepang. Di Sepang 2013, *target group* adalah sebenarnya adalah pekerja ladang dan bekas, bekas-bekas pekerja ladang. So saya percaya Selat Klang akan memberi jawapan dalam masa akan datang.

TUAN SPEKAER: Bangi tidak hadir. Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, soalan 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: PINJAMAN KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembayaran pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.2 juta kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) untuk mengambil alih Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB)?
- b) Bilakah KDEB akan membayar penuh pinjaman tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Damansara membangkitkan pertanyaan mengenai pinjaman Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Pertama, Dewan telah meluluskan pada tahun lepas tentang peruntukan pemberian pinjaman RM413 juta kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad dalam usaha untuk menyusun semula dan mengambil saham-saham Kumpulan Hartanah Selangor Berhad untuk tidak lagi diurus niaga di pasaran saham. Dan dana tersebut telah disalurkan sepenuhnya pada bulan Oktober pada 2013. KDEB telah membuat persiapan untuk oleh kerana pengambilalihan ini sudah hampir selesai. Lebih daripada 97% daripada saham-saham ini sudah dimiliki oleh KDEB dan telah selesai dan, dan pinjaman yang akan diterima daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM413.2 bersama dengan faedahnya akan dibayar sebelum bulan Oktober 2014.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Adakah bayaran ini sepenuhnya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sepenuhnya termasuk faedah.

TUAN SPEAKER: Kinrara

Y.B. TUAN SZE HAN: Terima kasih. Soalan 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: IKLAN HARAM

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap masalah iklan haram?
- b) Berapakah kos yang telah ditanggungkan oleh setiap PBT untuk membaiki kerosakan yang disebabkan oleh iklan haram?

- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap masalah iklan haram yang masih berlarutan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri atau melalui PBT bagi menangani masalah iklan haram adalah satu penguatkuasaan PBT melakukan rondaan setiap masa termasuk hari hujung minggu untuk menurunkan dan menyita iklan-iklan haram. Dua, memberi notis dan mengenakan kompaun kepada individu dan syarikat yang memasang iklan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan, di bawah Undang-Undang Kecil Iklan. Dan ketiga, mengemukakan senarai nombor telefon kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia atau SKMM untuk ditamatkan perkhidmatan. Antara tindakan yang telah diambil oleh semua PBT ialah

1. Pihak MBSA pada tahun 2013 telah menyita dan mengeluarkan sejumlah 2195 iklan haram dan 14 notis ke atas individu dan syarikat sepanjang tahun 2013 dan mengemukakan sejumlah 83 nombor telefon kepada SKMM untuk ditamatkan perkhidmatan
2. Pihak MBPJ pada tahun 2014 telah menurunkan sejumlah 98,625 iklan haram dan telah mengeluarkan sejumlah 541 kompaun dan mengemukakan beberapa senarai nombor telefon kepada pihak SKMN. Kebanyakan iklan-iklan haram jenis *sticker* atau pelekat telah pun merosakkan sesuatu permukaan papan tanda yang dipenuhi iklan tersebut. Sehubungan itu, MBSA telah melaksanakan pembersihan papan tanda yang terlibat dengan anggaran kos sebanyak RM4,446.50 yang meliputi seperti berikut :

Kerja lebih masa	RM900.00
Tinner	RM1750.00
Skapper	RM150.00
Pemotong	RM795.00
Botol spray	RM497.50
Sarung tangan	RM290.00
Plastik sampah	<u>RM59.00</u>
Jumlahnya	RM4,446.50
	=====

Antara tindakan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani masalah ini ialah Pihak Berkuasa Tempatan akan :

1. Mengambil tindakan yang lebih pro-aktif yang akan dilaksanakan dengan cara berterusan bagi mengawal permasalahan iklan-iklan haram;

2. Pemantauan yang lebih kerap bagi membanteras penampalan iklan-iklan haram secara bersepadu melibatkan jabatan dalaman Pihak Berkuasa Tempatan dan Penguatkuasaan; dan
3. Mengemukakan lebih banyak lagi nombor telefon iklan haram kepada pihak SKMM ditamatkan perkhidmatan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan 68

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PERTANIAN ORGANIK

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha kerajaan sehingga kini dan akan datang dalam penggunaan Pertanian Organik dalam menghasilkan produk pertanian di Selangor?
- b) Senaraikan hasil pertanian yang dipasarkan menggunakan kaedah pertanian organik

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada di atas soalan berkaitan dengan pertanian organik. *Sorry* mana. Sebagai jawapannya, usaha-usaha yang diambil dalam memperkenalkan amalan pertanian organik adalah seperti berikut :

1. Pelaksanaan petak demonstrasi. Terdapat 39 petak demonstrasi telah dilaksanakan yang mendapat kunjungan sebanyak 5,956 pengunjung sepanjang tahun 2013.
2. Meningkatkan jumlah ladang yang mendapat Sijil Skim Organik Malaysia (SOM). Sehingga kini terdapat tiga puluh (30) ladang organik yang telah mendapat sijil SOM. Daripada jumlah ini, lima belas (15) usahawan tani dalam proses pensijilan semula. Bagi permohonan baharu, lapan (8) dalam peringkat proses pensijilan (pemeriksaan ladang bagi pensijilan SOM) dan dua (2) permohonan baharu persijilan SOM.
3. Program latihan kepada petani. Sebanyak 352 latihan telah diadakan yang melibatkan 10,319 orang petani sepanjang tahun 2013. Program-program

latihan ini termasuk amalan tanaman secara *natural farming* dan penggunaan bahan-bahan mesra alam.

4. Penubuhan bengkel-bengkel pembuatan produk *natural farming*. Sehingga kini terdapat lima belas (15) bengkel pengeluaran produk *natural farming* secara organik di Selangor yang kebanyakannya tertumpu di Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam (kawasan padi).
- b) Untuk makluman, sehingga kini terdapat tiga puluh (30) ladang organik dengan keluasan 124.33 hektar yang berdaftar dan mendapat sijil SOM. Produk pertanian organik adalah seperti berikut :

Bil	Jenis tanaman	Keluasan (ha)
1	Cendawan	20.30
2	Buah mata naga (pitaya)	40
3	Sayuran – sawi, kailan, bayam, kangkung, Timun, kacang panjang, terung dan bendi	31.51
4	Herba - mas cotek, misai kucing, aloe vera, belalai gajah, serai wangi dan hempedu bumi	4.32
5	Buah-buahan - durian, nangka, cempedak, mangga, pisang, limau dan tembikai	23.20
6	Keledek	5
	JUMLAH	124.33

Tujuh belas (17) orang usahawan memasarkan sendiri produk dan juga menggunakan khidmat orang tengah. Tujuh (7) orang usahawan memasarkan sendiri produk mereka. Empat (4) orang usahawan hanya menggunakan khidmat orang tengah bagi pemasaran dan dua (2) orang usahawan mengeksport produk mereka ke luar negara. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Muda, tidak hadir. Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan No.70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: PROGRAM BAIK PULIH NEGERI BERKEBAJIKAN (CERIA)

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perincian program CERIA tersebut?
- b) Nyatakan nama dan lokasi pangsapuri yang bakal dibaikpulih melalui program ini mengikut PBT?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismilahir rahmanir rahim, salam sejahtera.* Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Kota Damansara. Setakat ini 104 kawasan pembangunan pangsapuri telah menerima manfaat daripada Program CERIA iaitu kependekan kepada nama Skim Baik Pulih Negeri Berkebajikan ataupun *Caring Government Residents Improvement Aids* sejak tahun 2012. Sebanyak 3 fasa telah dilaksanakan dan butirannya adalah seperti berikut :

Fasa 1	-	20 kawasan pangsapuri
Fasa 2	-	56
Fasa 3	-	28

Hanya, keseluruhannya 90 kawasan, kerja-kerja di 90 kawasan telah pun siap sepenuhnya. Bermakna sepanjang 2011 hingga 2013 sebanyak 104 kawasan pembangunan telah mendapat manfaat daripada projek ataupun Skim CERIA ini. Kos keseluruhannya adalah sebanyak RM13.8 juta dan ini merangkumi 32 daripada 56 kawasan Dewan Negeri. Sementara untuk tahun 2014 ke atas kita ada Fasa ke 4 ataupun CERIA 2. Kerajaan Negeri telah meluluskan dana sebanyak RM13 juta pada bulan Januari 2014 yang lalu. Dan sebanyak 56 kawasan pangsapuri telah diluluskan untuk menerima manfaat daripada program CERIA untuk Fasa 4 ini. Kos keseluruhan untuk 56 unit pangsapuri ini adalah RM13.4 juta iaitu ianya merangkumi keseluruhan daripada jumlah dana yang telah diperuntukkan pada Januari 2014. Tetapi program CERIA ini merupakan satu tabung bermakna Kerajaan Negeri akan menambah dana kepada tabung ini supaya lebih banyak lagi kawasan-kawasan pangsapuri yang akan dapat dibaikpulih. Terima kasih.

Y.B. PUAN HALIMATON BIN ABDUL SAMAD: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON BIN ABDUL SAMAD: Mengikut pada kategori kerosakan melalui PBT iaitu di MBSA kerosakan lif ada 2 unit dan bumbung 1 unit, MBPJ 3 unit lif dan cat 1. Saya nak mohon senarai pangsapuri tersebut.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya akan edarkan. Saya rasa untuk membaca 104 pangsapuri ni, ada 104 pangsapuri nak baca tak sempatlah. Saya akan edarkan keseluruhannya sebanyak 104 pangsapuri atau pun 104 pangsapuri yang telah diluluskan untuk program CERIA dan 90 nya telah siap dan insya-Allah bersama-sama dengan kerja dan juga dengan kos sekali semuanya akan saya edarkan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ia, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya lihat daripada jumlah pangsapuri yang boleh mendapat pembiayaan daripada Skim CERIA ini hanya terhad kepada 56 pangsapuri. Jadi keadaan pangsapuri-pangsapuri kos rendah ini sebenarnya dalam keadaan yang sangat daif kerana mereka diurus bangunan mereka diurus oleh Jawatankuasa ataupun JMB yang sebenarnya bermula dengan tabung yang kosong. Jadi lif ataupun segala prasarana bangunan tersebut tidak dapat diselenggarakan dengan baik kerana tidak ada *funding*, dengan izin. Jadi saya lihat perlu ditambah lagi jumlah bantuan kerana ini melibatkan nyawa terutama sekali kerosakan lif.

TUAN SPEAKER: Soalannya Taman Medan?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalannya, adakah penambahan tabungan kepada pembaikpulihan bangunan pangsapuri ini akan dibuat dengan segera?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: 2 perkara di situ. Yang pertama adalah CERIA, atau CERIA 2 ni kita fokus kepada membaik pulih untuk semua, untuk keseluruhannya. Tetapi Kerajaan Negeri juga telah membuat satu kajian dan kita melihat bahawa lif memerlukan tabung yang khusus untuk dibaikpulihan. Sebab kalau kita lihat yang kita luluskan sebanyak RM13 juta pada awal tahun ini tapi jangan takut sebab RM13 juta ini adalah tabung. Bermakna, ianya akan, setelah ianya habis, memang dah habis pun. 56 kawasan masuk bulan, bulan Mac, masuk beratus-ratus permohonan memang habis dah. Jadi bermakna kita memang perlu tambah kepada RM13 juta ini supaya kita dapat baik pulih lebih lagi banyak kawasan. Tetapi ada satu cadangan yang telah saya usulkan kepada di dalam EXCO iaitu di mana kita bezakan di antara lif dengan kerja-kerja lain iaitu kerja-kerja seperti mengecat, kerja-kerja bumbung, kerja-kerja perparitan. Jadi lif ada 1 lagi tabung yang khusus yang telah saya usulkan kepada EXCO dan kita akan

bincangkan. Yang ini kita tak panggil CERIA, kita panggil sebab dia lif kita panggil LA-CERIA. Itu yang barunya. LA-CERIA satu, CERIA satu. Jadi saya berharap kita akan bincang dalam EXCO dan saya telah buat saya satu permohonan supaya LA-CERIA ini juga diperuntukkan sejumlah wang supaya kita dapat fokus hanya kepada lif sahaja. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Terima kasih. Apakah atau pun adakah sebarang usaha untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia untuk membantu disebabkan dana tidak cukup untuk Skim CERIA.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita bermula dari segi kerjasama dengan Kementerian Perumahan. Saya berkali-kali telah menulis surat kepada Menteri Perumahan untuk kita mengadakan pertemuan atau perbincangan tetapi malangnya setiap kali saya tulis, dah 3 menteri dah. Bukan sahaja jawapannya tidak ataupun bukan sahaja dia kata tunggu dulu tak pernah ada jawapan termasuk yang terkini daripada Kota Belud pun pernah saya minta seorang Ahli Parlimen Pakatan Rakyat untuk bisik kepada dia pun tak ada jawapan, tak ada jawapan juga. Jadi bermakna, kita boleh bekerjasama. Saya pernah kata bahawa dalam isu rumah mampu milik, projek terbengkalai, tabung pemulihan 1 Malaysia ini, kita boleh duduk dan kita bincang. Tapi masalahnya dia tak mahu datang bincang dengan kita. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No.71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: INFRASTRUKTUR SEKOLAH DAN HOSPITAL

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah telah ada permohonan kebenaran merancang bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kapar dan Hospital Baharu di Mukim Kapar?
- b) Apakah status tukar hak milik tanah tersebut?

c) Apakah sokongan Kerajaan Selangor bagi mempercepatkan projek siap?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, Meru bertanyakan soalan yang tetap iaitu apakan telah ada permohonan kebenaran merancang bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kapar dan juga Hospital Baharu di Mukim Kapar? Dan kedua, apakah status tukar hak milik tanah tersebut? Kemudian yang ketiga, sokongan Kerajaan Selangor bagi mempercepatkan projek ini siap. Soalan yang pertama ialah kebenaran merancang bagi cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kapar telah diluluskan secara dasar oleh Jawatankuasa OSC MPK pada 4.7.2013. Dan kini dalam peringkat akhir pematuhan syarat-syarat teknikal sebelum kebenaran merancang diberikan. Bagi cadangan hospital baharu di Mukim Kapar, sehingga ini permohonan kebenaran merancang untuk cadangan tersebut tak ada lagi diterima. Mengenai status tanah. Status tanah bagi cadangan sekolah adalah tanah persendirian yang telah dibuat pengambilan tanah. Sudah kita ambil tanah dan Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Sudah dibayar. Manakala bagi hospital, masih berstatus tanah pertanian di bawah hak milik Sime Darby Property Klang Sdn. Bhd. Ketiga, untuk sekolah, Majlis Perbandaran Klang akan menyegerakan proses permohonan kebenaran merancang dan pelan-pelan pembangunan apabila Kementerian mengemukakan pelan pemajuan kepada Majlis. Hospital belum ada lagi.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.72.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN DEWAN

72. Merujuk Dewan Negeri Selangor Ke-12

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah penyata yang telah dikemukakan kepada pihak kerajaan?
- b) Berapakah penyata yang sudah diambil tindakan dan yang tidak diambil tindakan?
- c) Apakah alasan kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap saranan-saranan penyata tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Hulu Kelang membangkitkan tentang penyata Jawatankuasa Pilihan Dewan. Yang bertanya berapakah penyata yang dikemukakan kepada Kerajaan, apakah penyata itu sudah diterima dan langkahnya dan alasan kerajaan jika tidak mengambil tindakan. Kenapa, saya ingatkan Dewan bahawa penyata Jawatankuasa merupakan cadangan, saranan atau syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa berkaitan sesuatu perkara atau isu untuk menambah baik pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Di mana dia bersesuaian dengan amalan demokrasi atau tadbir urus di kalangan negara-negara Komanwel. Pembentangan penyata oleh Jawatankuasa Pilihan adalah berdasarkan kepada Peraturan Tetap 71 (1) ke 76 (6), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Terdapat 9 jawatankuasa antara lain Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Selangor, Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (PADAT), Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu mengenai keupayaan pertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT), Jawatankuasa Pilihan Pengurusan Dewan dan 9 iaitu Jawatankuasa Khas Pembasmian Kemiskinan. Ini kita telah menerima sehingga ini jumlah penyata yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan dan diterima oleh Negeri ialah 32 penyata. Jadi antara lain, penyata mengenai SELCAT iaitu pada 2008, Peraturan-Peraturan Tetap Dewan pada 2009 dan *detail* nya saya akan serahkan iaitu sebanyak 32. Dan perkara-perkara ini telah juga dibangkitkan dan dibincangkan di pihak EXCO yang mana perlu diambil tindakan dengan secara pentadbiran kita telah lakukan. Yang lain kita juga meminta penjelasan dari beberapa perkara umpamanya sebagai contoh jawatankuasa mengenai keupayaan, pertanggungjawaban dan ketelusan mengenai permohonan pembangunan tanah Padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya. Maklum balas telah diterima daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Dia kena dilihat semula oleh kerana dia ada terlibat dalam perkara perundangan dan juga pelaksanaan masa hadapan. Kedua, satu lagi, Jawatankuasa telah mengenai perolehan dan penggunaan iaitu pulangan pinjaman 10, RM90.3 juta oleh PAISB, PKPS Agro Industri daripada Kementerian Kewangan. Maklum balas telah diterima pada 4 Mac 2014 dan jika perlu kita akan kemukakan dari pandangan negeri untuk perhatian Dewan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu piawai menjelaskan status tindakan? Jadi kita sebagai jawatankuasa bersedia dan tahu bilakah tempoh yang akan diambil tindakan ataupun status ditolak ataupun dipertimbangkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, perkara ini boleh dikumpulkan melalui Minit-minit Mesyuarat EXCO. Minit-minit Mesyuarat EXCO akan membentangkan dan setiap kertas-kertas itu akan di catit. Jadi oleh sebab itu kita tidak menunggu masa. Kalau yang perlu diambil tindakan kita ambil tindakan. Jadi daripada minit-minit EXCO itu dia akan dapat kita ketahui tentang tindakan dan apa yang perlu dilakukan.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK: KOS PENYELENGGARAAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK)

73. Tidak seperti Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan yang dapat peruntukan untuk membayar perbelanjaan pejabat, JKKK perlu menanggung segala perbelanjaannya termasuk membayar bil elektrik dan air bagi dewan JKKK.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi bantuan kewangan kepada JKKK?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Pandamaran. Soalannya ringkas berkaitan dengan bantuan kewangan kepada JKKK. Ketua-ketua kampung merupakan pemimpin masyarakat dan wakil kerajaan negeri di peringkat akar umbi. Pemilihan ketua kampung ini ialah melalui proses temuduga yang melibatkan ADUN, Ahli Parlimen kawasan serta wakil-wakil parti dan Pejabat Daerah. Pelantikan sebagai Ketua Kampung merupakan satu mandat dan amanah kerajaan negeri di mana ketua-ketua kampung bertanggungjawab menjadi ketua masyarakat dan mengutarakan masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh masyarakat tersebut. Tugas ketua kampung merupakan satu ibadah dan juga kerja secara sukarela atau *social work* tanpa mengharapkan apa bantuan. Walau bagaimanapun kerajaan negeri tetap memberi elaun sebanyak bermula daripada 2000...2011 dan dinaikkan daripada 450 kepada 350 menjadikan jumlahnya ialah lapan ratus ringgit sebulan. Selain itu setiap ketua kampung diberi peruntukkan sebanyak RM10,000.00 setahun bagi mengadakan aktiviti-aktiviti ataupun program-program JKKK. Bagi perbelanjaan pembiayaan bil elektrik dan air adalah di bawah tanggungjawab pentadbiran JKK. Manakala penyelenggaraan Dewan JKK diuruskan oleh Pejabat Daerah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Telok Datok

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih tuan speaker, soalan saya 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELOK DATOK)**

**TAJUK: STATUS TERKINI PROJEK PERUMAHAN LADANG SUNGAI SEDU,
BANTING**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Projek Perumahan Ladang Sungai Sedu, Banting yang kini diduduki seramai ratusan keluarga?
- b) Adakah Kerajaan negeri bersedia membina rumah mampu milik untuk menempatkan penduduk-penduduk di sini?

YB. TUAN GANABATRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Telok Datok ingin menanyakan tentang status terkini projek Perumahan Ladang Sungai Sedu, Banting. Dimaklumkan oleh Majlis Daerah Kuala Langat tiada sebarang permohonan untuk memajukan kawasan Ladang Sungai Sedu Banting tapak Banting sebagai tapak perumahan. Namun begitu projek sedia ada dalam masa pembinaan adalah projek pembangunan Pejabat Daerah, projek pembangunan Mahkamah Syariah dan projek pembangunan Giant Hypermarket. Setakat ini tiada permohonan daripada mana-mana pemaju untuk menjalankan projek perumahan di kawasan berkenaan. Bagi soalan berkenaan tentang adakah Kerajaan Negeri bersedia membina rumah mampu milik untuk menempatkan penduduk-penduduk di sini. Untuk makluman Y.B., konsep perumahan ladang adalah berbeza daripada rumah mampu milik ataupun rumah Selangorku. Konsep rumah Selangorku seperti yang termaktub di dalam Pekeliling Lembaga Perumahan dan Tanah Selangor bilangan 1 tahun 2013. Dasar perumahan mampu milik Selangorku adalah seperti berikut:

1. Mengambil kira ketidakmampuan pembeli yang berpendapatan sederhana rendah dan sederhana khususnya golongan muda , pasangan muda untuk memiliki rumah;
2. mengambil kira pendapatan pembeli antara RM3,000 sehinggalah RM8,000 sebulan;
3. Mempunyai kepelbagaian dari segi saiz, jenis dan reka bentuk rumah;

4. Penyediaan rumah yang mampu dibeli dengan harga jualan antara RM42,000.00 sehingga 250,000.00.

Buat masa ini Lembaga Hartanah, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor belum ada perancangan untuk membina rumah Selangorku di Ladang Sg. Sedu Banting. Walau bagaimanapun penduduk ladang yang terlibat boleh mengemukakan permohonan untuk membeli rumah Selangorku yang dibina oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor untuk dipertimbangkan.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Soalan tambahan tuan speaker

TUAN SPEAKER: Telok Datok

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih kepada Y.B. EXCO Tuan Ganabatirau yang sering prihatin dan juga turun padang ke Majlis Daerah Kuala Langat. Baru-baru ini untuk melancarkan *Blueprint* tersebut dan soalan saya adakah kerajaan negeri dapat memberikan satu jaminan ataupun keutamaan kepada ratusan keluarga khususnya rakan-rakan India kita di sana Sg. Sedu agar sebarang pembangunan pada masa depan mereka diberikan keutamaan dan penjagaan yang rapi untuk ditempatkan ke rumah-rumah pembinaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri ataupun pemaju jikalau tapak tersebut dibangunkan. Terima Kasih.

Y.B. TUAN GANABATRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Y.B. Telok Datok. Tuan Speaker, walaupun tiada rancangan khusus untuk memaksa ataupun memberi hal keutamaan kepada penduduk-penduduk tempatan untuk membeli sebarang projek perumahan namun sebagai bekas pekerja ladang ataupun pekerja ladang yang sedia ada apabila pembangunan dibuat di kawasan perladangan berkenaan Sg. Sedu. Adalah keutamaan akan diberi kepada bekas pekerja-pekerja ladang tersebut. Namun sekiranya ada keperluan yang mendesak kepada penduduk-penduduk kini bolehlah tulis kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor supaya mereka akan dimasukkan ke dalam sistem supaya mereka diberi keutamaan.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas tidak hadir, Bukit Antarabangsa tidak hadir, Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih puan speaker. Soalan no 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: KAFA MENENGAH

77. Kerajaan negeri telah merintis penubuhan KAFA Menengah di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tujuan dan kepentingan penubuhan KAFA Menengah ini?
- b) Apakah perancangan, bajet dan strategi kerajaan untuk mengembangkan KAFA Menengah ini?
- c) Bagaimanakah proses pengambilan pelajar, latihan guru dan kadar gaji mereka?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih Puan Speaker dan Dengkil. Pendidikan KAFA Menengah adalah pendidikan alternatif kepada murid sekolah menengah yang berminat mempelajari ilmu agama tetapi tidak mendapat tawaran ke Sekolah-sekolah Agama Menengah Negeri atau Persekutuan. Tujuan lainnya adalah untuk membantu Kerajaan negeri mengurangkan masalah gejala sosial di kalangan remaja di Negeri Selangor serta memenuhi kehendak ibu bapa yang cenderung memberikan pendidikan agama kepada anak-anaknya khususnya kita melihatkan selepas 2008 ibu bapa yang beragama Islam melonjak-lonjak mahu menghantarkan anak mereka Sekolah Menengah Aliran Agama. Jadi kita tak buat semua kita tak tinggal semua. Ini di antara satu inisiatif kecil daripada kerajaan negeri Selangor.

Buat masa ini, KAFA Menengah dilaksanakan di premis Sekolah Rendah Agama yang sedia ada seperti berikut. Satu daerah sekurang-kurangnya satu sekolah KAFA Menengah:

1. SRA. Bukit Sentosa Fasa 1, Hulu Selangor
2. SRA. Bandar Tasik Puteri, Gombak
3. SRA. Saujana Utama, Kuala Selangor
4. SRA. Jalan Kebun, Klang
5. SRA. Bandar Bukit Puchong, Sepang
6. SRA. Medan Harun, Petaling
7. SRA. Kampung Medan, Kuala Langat
8. SRA. Pandan Indah, Hulu Langat
9. SRA. Darul Ulum, Sg. Udang, Klang

Dan oleh kerana tempatnya menggunakan kemudahan sedia ada dan pengurusan guru akan ditampung menggunakan peruntukan sedia ada KAFA, hanya sebanyak

RM367,200.00 digunakan pada awal perintis program kita kerana adalah untuk urusan skim pinjaman buku teks mulai 2014-2017. Kita menggunakan satu set buku yang sama supaya mereka memahami apakah intisari pengajaran di situ. Dan apabila perlaksanaannya mulai stabil kerajaan mungkin akan menimbangkan supaya pendidikan KAFA Menengah dapat dilaksanakan di KAFA-KAFA Integrasi Negeri Selangor dan masjid-masjid yang berkemampuan.

Proses pengambilan pelajar, latihan guru dan kadar gaji adalah seperti berikut:

1. Proses pengambilan Pelajar
Penempatan murid adalah berdasarkan kepada calon yang lulus dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSRA) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Walau bagaimanapun peluang masih terbuka/diberi kepada mereka yang gagal tetapi masih berminat untuk meneruskan pengajian terpulang kepada kemampuan sekolah atau KAFA menengah tersebut.
2. Latihan Guru dan Kadar Gaji
Latihan guru dijalankan dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan mereka yang diuruskan oleh Unit Kurikulum dan unit Latihan Bahagian Pendidikan Islam JAIS. Dan program ini berdasarkan mahu meletakkan kefahaman konsep atau tasawur lebih daripada hanya peperiksaan semata-mata. Dan Guru KAFA menengah yang dilantik adalah mengikut skim guru KAFA yang sedia ada dan Insya-Allah akan diberi elaun tambahan mengikut yang setimpal dengan sumbangan masa dan tenaga mereka.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Ijok

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih. Ijok ingin menanyakan bahawa adakah rancangan kerajaan negeri untuk mewujudkan lebih banyak sekolah agama rakyat menengah sebab di Ijok dapati ada tujuh Sekolah Agama Rakyat Rendah tetapi tak ada satu pun Sekolah Agama Rendah Menengah yang mereka hendak melanjutkan pelajaran mereka kena pergi jauh daripada Ijok iaitu di Jeram ke di Kuala Selangor. Sekian.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih Ijok. Memang Kerajaan Negeri sedia maklum keperluan wujudnya sekolah menengah aliran agama. Sebab itu inilah projek perintis di mana kita memberikan satu alternatif KAFA Menengah ini kepada satu daerah untuk satu...satu KAFA Menengah untuk satu daerah. Di Ijok ini ianya di Saujana Utama. Adakah nak di DUN Ijok akan diwujudkan kita akan melihatkan bagaimana peruntukkan kemampuan daripada negeri Selangor

keutamaannya di mana prinsip *fiqh al-awlawiyat* mengutamakan yang paling utama inilah yang akan kita ambil kira, Ijok. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO, berkenaan dengan yuran untuk KAFA dan juga Sekolah Rendah Agama ni. Seperti mana yang kita maklum Sekolah Kebangsaan Sekolah Rendah sebelah Sekolah Menengah yuran telah pun ditiadakan, dimansuhkan adakah kerajaan negeri juga untuk bercadang untuk memansuhkan yuran di Sekolah Rendah Agama Sekolah KAFA untuk meringankan beban rakyat. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Untuk makluman Dengkil yauntuk makluman Dengkil KAFA dan Sekolah Rendah Agama di bawah JAIS ini lain ya...KAFA adalah sekolah yang diwujudkan oleh AJK masjid, surau ataupun persendirian dan Sekolah Rendah Agama JAIS adalah memang ditubuhkan oleh JAIS sendiri dan ditanggung sepenuhnya oleh JAIS. Jadi yuran ini adalah sangat minimum untuk Sekolah Rendah Agama tapi KAFA ini dia boleh menentukan berapa yuran yang dikenakan dan memang Sekolah Rendah Agama JAIS ini kita telah memulakan saya rasa 2009 atau 2010 di mana buku teks ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri. Kalau sebelum ni mereka perlu membayar sekarang ini tidak, telah disediakan oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Kinrara

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Saya ingin nak tanya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah lagi elaun kepada guru KAFA atau sekurang-kurangnya memberi elaun perumahan kepada guru KAFA di kawasan Bandar. Terima Kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih kepada Kinrara. Sangat prihatin kepada guru KAFA. Memang dalam manifesto PRU ke 13 dan kerajaan negeri komited untuk menunaikan janji dalam manifesto itu dan sekarang ini di dalam peringkat pengajian bagaimana menjustifikasikan masa yang diberikan oleh guru KAFA supaya ianya sejajar dengan apa yang kita mahu berikan iaitu gaji minima kurang-kuran RM1,500.00. Ia memang ada. Pasal elaun perumahan belum lagilah Kinrara.

TUAN SPEAKER: Sri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Soalan 78

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

TAJUK: PIHAK BERKUASA TEMPATAN

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan ADN di PBT dan kuasa ADN untuk menyelaraskan perancangan PBT?
- b) Mengapakah bayaran kompaun tidak diselarikan dengan pembaharuan lesen perniagaan setiap tahun?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, peranan dan kuasa untuk menyelaraskan perancangan pihak Berkuasa Tempatan adalah pada Ahli Majlis. Menurut Seksyen 8 dan 10 Akta Kerajaan tempatan 1976. Sementara itu peranan dan kuasa ADN adalah menurut 41 bahagian 6 Perlembagaan Persekutuan senarai 2 Jadual ke-9 Lembaga Persekutuan. Walau bagaimanapun ADN boleh menyampaikan apa-apa pandangan dan pendapat mengenai perkara atau isu yang melibatkan rakyat melalui ahli parlimen ...melalui ahli majlis atau secara terus kepada PBT untuk diselesaikan atas inisiatif mereka atau jemputan daripada PBT. Pembaharuan lesen perniagaan dikeluarkan oleh PBT mengikut tempoh-tempoh tertentu yang telah ditetapkan. Manakala kompaun pula dikeluarkan berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Oleh yang demikian isu diselarikan pembayaran kompaun dan pembaharuan lesen perniagaan tidak wujud. Walau bagaimanapun terdapat PBT yang menetapkan supaya sesuatu kompaun dikeluarkan itu perlu dijelaskan dahulu sebelum lesen perniagaan boleh diperbaharui. Contohnya amalan yang dilakukan oleh pihak MPPJ. Kompaun yang dikeluarkan telah dijelaskan terlebih dahulu sebelum lesen perniagaan boleh diperbaharui. Sistem perlesenan dan sistem kompaun di MPPJ memberi integrasi antara satu sama lain.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras tidak hadir, Telok Datok

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELOK DATOK)**

**TAJUK: MEMBINA SEKOLAH KEBANGSAAN DI BANDAR SAUJANA
PUTERA, PUCHONG**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan perkembangan membina Sekolah Kebangsaan di sebidang tanah rizab di Bandar Saujana Putera, Puchong untuk kemudahan penduduk-penduduk.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membina jua sebuah Sekolah Agama di tapak tersebut da
- c) Nyatakan lot tapak untuk pembinaan SK dan SK agama.

Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Teluk Datok, Teluk Datok mahu mengetahui tentang perkembangan Sekolah Kebangsaan di Bandar Saujana Putera, Puchong. Untuk makluman Teluk Datok SK Saujana Putera telah dibida dalam RMK-10 dan juga di bawah ke RMK-11, ini daripada Jabatan Pelajaran. Kerajaan Negeri telah menyenaraikan pembangunan Sekolah Agama Bandar Saujana Putera dalam Rancangan Malaysia ke 10 dan Cadangan pembinaannya tahun 2015. Lot tapak untuk SK dan SMK Bandar Saujana Putera adalah Lot 25543 Mukim Tanjung Dua Belas Daerah Kuala Langat No. Piawai 100.D. Bagi sekolah agama, Pemaju TCS Bandar Saujana Putera menyediakan tapak lot seluas 2.85 ekar dan Persediaan dokumen pewartaan sedang disediakan oleh JAIS.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menyambung penjelasan di atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat semua, dipersilakan Yang Berhormat Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih, Tuan Speaker saya ingin menyambung perkara yang dibangkitkan oleh Kota Damansara iaitu menyentuh tentang kawalan tikus yang mana beliau membandingkan tentang kajian nyamuk toxo terhadap nyamuk aedes. Yang Mana di bawah kajian nyamuk toxo terhadap nyamuk aedes adalah jentik-jentik nyamuk toxo ini memakan jentik-jentik nyamuk aedes. Jadi cadangan daripada pihak Kota Damansara agar ada satu kajian bagi tikus-tikus ini dimakan oleh satu haiwan yang lain. Jadi ini adalah satu cadangan yang bernas kerana kalau kita melihat keadaan sekarang nampaknya kucing pun sudah tidak hendak makan tikus. Jadi mungkin kita boleh kaji apakah haiwan yang sesuai untuk dijadikan pemangsa untuk mungkin memakan anak-anak tikus ini untuk mengurangkan populasi tikus yang sangat cepat membiak. Jadi ini adalah sebenarnya berbalik kepada faktor utama iaitu masalah faktor utama masalah tikus, nyamuk dan lalat ini adalah faktor kebersihan serta sampah jadi kita menyeru agar seluruh rakyat Selangor mengamalkan budaya bersih sepanjang masa sesuai dengan moto kita adalah kebersihan setiap hari, setiap masa di mana juga, sekian.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin tentang pendidikan dan khususnya terima kasih kepada Taman Templer, Hulu Kelang, Kajang, Kampung Tunku, Bukit Antarabangsa, Sungai Panjang, Permatang, Sungai Air Tawar, Batu Caves, Sungai Burong, Tanjung Sepat, Kinrara, Morib dan Seri Serdang. Kajang menekankan aspek *employability* dan *sublibility* dengan izin dengan seseorang pencari kerja terutama graduan untuk makluman Kajang isu *employability* graduan khususnya telah menjadi memang menjadi fokus bahkan dua tahun lepas saya kira di antara topik majlis dialog bajet di Kerajaan Selangor ialah *employability* IPT Selangor. Saya berkongsi khususnya di mana saya melihatkan Sungai Panjang menumpukan seluruh ucapannya mengenai pendidikan dan khususnya UNISEL, jadi terima kasih kepada Sungai Panjang. Saya nak berkongsi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang *employability* pelajar UNISEL. Dia kata apa UNISEL nak jadi apa. Saya nak berkongsi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang status *employability* pelajar UNISEL dibandingkan dengan IPTS dan IPTA negara. Untuk UNISEL yang belum bekerja lagi 2010 ini data 2010, 26.6.% UNISEL kalau kita dibandingkan dengan UTAR 32.4% yang belum bekerja, INTI 36.5%. Kita bandingkan pula dengan IPTA di mana UM yang belum bekerja graduan yang belum bekerja ialah 24.9%. Tadi UNISEL 26%, UM adalah 24.9%, UKM 24.8%, USM 23.2% di mana UPM 17.4% maknanya UNISEL tidak jauh daripada IPTA bukan sahaja IPTS tetapi IPTA. Dan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sedikit sahaja mengenai isu ini.

TUAN SPEAKER: Ya Permatang

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagaimana data-data ini diperolehi yang pertama kerana dibuat perbandingan yang 26% yang masih belum bekerja dan yang kedua apakah responden yang menjawab maknanya pelajar-pelajarnya. Apakah pekerjaan yang mereka perolehi itu setara dengan kelulusan yang mereka miliki atau mungkin mereka hanya bekerja sekadar di peringkat bukan *level* yang mereka adalah.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Permatang, ini saya dapat daripada UNISEL yang menyatakan yang ianya dapat dari Kementerian Pengajian Tinggi dan dia punya responden kalau kita lihat jumlah responden UM tadi daripada peratus adalah sebanyak 5,903 orang, UKM 6,761 orang, UPM 6,767 orang, USM 5,794 orang dan untuk UNISEL 2,642 ini secara keseluruhan. Dan saya juga nak menyebutkan tentang *employability* atau pun peluang pekerjaan apa yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya baru mendapatkan maklumat SSIC sekarang ini ada 23,519 peluang pekerjaan. Yang disebutkan Permatang tadi saya tiada perinciannya sama ada kelulusan ijazah, adakah dia mendapatkan sesuai dengan kelulusan Ijazah dan sebagainya. Dan disebutkan oleh Kajang *Sublibility* memang itu di antara perkara yang kita ambil kira yang sekarang kita fikirkan, kita rancangkan bagaimana dengan pengajian yang ada, adakah *suitable* ataupun sesuai dengan pekerjaan yang memang diceburi. Saya nak jawab soalan yang disebutkan oleh Bukit Antarabangsa, merujuk kepada perbahasan mengenai permohonan pelupusan pembermilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 KTN di Taman Sungai Sering UK, Daerah Gombak bagi tujuan tapak Sekolah kebangsaan Taman Sungai Sering UK telah pun diluluskan oleh MMKM ke 10/2014 bertarikh 12 Mac 2014 seluas 2.43 hektar dan kelulusan ini telah dikemukakan pada PTD Gombak untuk dikeluarkan surat kelulusan dan notis 5A kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Hulu Kelang menekankan kebajikan guru dan kakitangan sekolah JAIS dan khususnya elaun guru KAFA. Dan mahu kerajaan membiayai sama seperti staf sokongan seperti Kerani dan sebagainya. Jadi kita menerima baik cadangan yang disebutkan oleh Hulu Kelang itu dan insya-Allah di antara saya telah sebut tadi, kita komited janji melaksanakan janji PRU ke-13 untuk menaikkan elaun guru KAFA RM1,300.00 hingga minimum RM1,500.00. Dan saya juga telah membawa isu ini ke mesyuarat Kerajaan Selangor, dan keputusan MMKN ialah kita mengkaji bagaimana justifikasi imbuhan tambahan itu yang sesuai mengambil kira apa yang perlu diberikan oleh tambahan oleh guru tersebut, kelas tambahan, kelas tajwid dan sebagainya. Sebab kita mengambil kira agar duit pembayar cukai digunakan dengan seoptimanya dalam masa yang sama kita menjaga kebajikan guru KAFA tersebut. Saya nak sebutkan kepada di sini, Tanjung Sepat mahu MAAHAD INTERGRASI TAHFIZ SAINS dibuat dengan segera dan kalau boleh berkolarberasi dengan Institusi SRA. Insya-Allah Jabatan Agama Islam Selangor telah mengenal pasti SRA Bagan Lalang, insya-Allah akan dinaiktarafkan pada salah sebuah MAAHAD INTERGRASI TAHFIZ SAINS dalam masa yang terdekat ini, jadi perbincangan perkara teknikal, pengurusan dan sebagainya sedang dijalankan dan begitu juga di tapak Sekolah Agama di bawah Jabatan Agama Islam Selangor juga

akan kita kenal pasti untuk dijadikan salah sebuah MAAHAD INTEGRASI SAINS seperti manifesto satu MAAHAD TAHFIZ SAINS satu daerah. Sungai Panjang juga mencadangkan GLC untuk memberi dana khususnya kepada UNISEL. Saya menerima baik cadangan Sungai Panjang itu dan saya harap insya-Allah semua GLC anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor ini boleh memberi perhatian kepada cadangan Sungai Panjang ini memang ianya wajar dan patut untuk membantu penambahbaikan ataupun dengan izin UNISEL. Untuk makluman Sungai Panjang walaupun kita kerajaan negeri dana kita agak terhad, peruntukan bajet kita amat terhad tetapi sekurang-kurangnya di bawah EXCO pendidikan kita telah pun memberi geran untuk penyelidikan UNISEL sehingga UNISEL mampu melahirkan tokoh akademik negara. Mampu di mana mereka telah pun menandatangani MOU bersama universiti yang agak terkemuka di dunia seperti bahkan dalam masa yang sebelum ini setahun dua ini kita telah pun menandatangani MOU dengan IT di Bandung bukan MOU tetapi MOA. Bukan sahaja menandatangani tetapi jua kita ada memang program bersama pensyarah dan juga pelajarinya. Dan juga penyelidikan yang bersama juga. Sungai Panjang melahirkan kebimbangan tentang mahasiswa yang dikatakan diletak jauh daripada kampus UNISEL di Bestari Jaya. Terima kasih kepada Sungai Panjang, insya-Allah 30 hari bulan Jun adalah *date line* dengan izin untuk asrama itu dipulihkan dan insya-Allah selepas 30hb Jun mahasiswa boleh mula masuk balik ke asrama UNISEL ini. Tetapi saya nak sebutkan kepada Sungai Panjang masalah ini bukanlah berlaku lepas 2008 asrama ini dibina sebelum tahun 2008. Dan kami mewarisi masalah asrama yang dibina tidak mengikut speks dan sekarang ini terpaksa masalah sistem kumbahan yang tidak sempurna semasa pembinaan itu. Sehingga menjadikan satu masalah besar bila dibuat forensik kepada asrama ini oleh Ketua Audit Negara tidak membolehkan para pelajar tinggal di situ. Jadi bolehlah nasihat bagi Barisan Nasional kalau jadi kerajaan tolonglah fikir baik-baik-baik sebelum membuat asrama, pembangunan yang sebegitu.

Permatang pula menyatakan menumpukan tentang Yayasan Selangor, seolah-olah merompak orang miskin, asrama dia roboh apa jadi pada Yayasan Selangor ini. Tidak mahu menjaga orang miskin, merompak orang miskin agak berat itu Permatang ya. Saya nak sebut kepada Permatang walaupun asrama di Kuala Lumpur itu telah tiada tetapi kesan ataupun *benefit* ataupun manfaat kepada pelajar miskin yang cemerlang datang dari luar bandar, tidak berkurangan bahkan bertambah. Sebelum 2008, sebelum Pakatan Rakyat memerintah Selangor di mana Yayasan Selangor ini hanya memberi manfaat kepada 1,500 orang pelajar sahaja tetapi 2013, 5,000 orang pelajar telah pun diberi biasiswa kecil, dermasiswa diberikan kelas tambahan dan sebagainya oleh Yayasan Selangor.

Maknanya walaupun asrama itu kerana pembangunan sekarang ini realiti atau waqi' sekarang ini tidak menjadikan keutamaan oleh Yayasan Selangor ini membiarkan anak-anak kepada luar bandar miskin tapi berpotensi diletakkan di situ masa zaman dahulu masa Yayasan Selangor mula dan asrama itu dibina 40 tahun yang lepas

tiada kesesakan, tiada masalah keselamatan dan juga ketika itu Kuala Lumpur adalah Selangor. Sekarang ini Selangor mahu menumpukan Yayasan Selangor mahu menumpukan kepada sekolah-sekolah yang ada di dalam Selangor itu sendiri untuk diupayakan, untuk diperkasakan, untuk dinaikkan taraf lagi. Dan alhamdulillah saya mendapatkan maklumat daripada Yayasan Selangor di mana kita melihat kita mendapat data daripada sebelum AYSKL atau Asrama Yayasan Selangor KL ini ada dengan tidak ada diberi duit poket atau pelajar-pelajar itu telah ditempatkan daripada asrama itu tidak banyak beza keputusan SPM dan PMR. Jadi Permatang jangan risaulah

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikitlah

TUAN SPEAKER: Ya Permatang

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Ya ok

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang dikatakan hampir 5,000 orang atau 2,000 orang saya tidak pasti 5,000 orang itu ditempatkan di Kuala Lumpur ataupun asrama-asrama di luar bandar. Itu yang hendak saya tanyakan tadi.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Permatang. 5,000 ini dia bukan sahaja sekarang tumpuan kita lain dahulu lain sekarang Permatang kalau dahulu mungkin caranya cara kerajaan bantu anak-anak di luar bandar ialah meletakkan di dalam asrama. Asrama yang diwujudkan oleh Yayasan Selangor yang dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Selangor. Sekarang ini kita semakin bijak kita telah meneroka berbagai alternatif opsyen yang lebih kos efektif dan menggunakan berbagai premis yang sedia ada contohnya asrama penuh yang sedia ada yang sudah ada ini yang kita lebar luaskan bukan semata-mata diletakkan di luar bandar sahaja tidak kalau itu opsyen itu satu perkara kita boleh ambil kira tetapi contoh Sekolah Menengah Agama Bestari di USJ, contoh *boarding* yang berada di Kuala Kubu Bharu semua ini telah menunjukkan saya mendapatkan apa taklimat daripada Yayasan Selangor sebenarnya sebelum 2008 dengan dasar yang kita adakan sekarang kita melihatkan peningkatan pelonjakan daripada pencapaian MITST juga Mahaad Intergrasi Tahfiz Sains juga ini sekolah di bawah kerajaan sepenuhnya kita dapat dia punya keputusan 2012. 98.3. Di sekolah lain 58.3 jadi perbezaan itu sebab itu Kerajaan Negeri Selangor *value of money* kita melihat apa yang lebih baik untuk anak-anak luar bandar sekarang ini. Inilah tumpuan kita bukan semata-mata sentimen belaka ke Permatang. Jadi ditanyakan pula tiada apa masalah bangunan Yayasan Selangor di Petaling Jaya tidak ada duit macam mana tidak kurang pelajar seperti yang saya sebutkan tadi sebenarnya walaupun kita kurang memang kerana kita lambat sedikit tentang projek di Kg. Pandan, di Bukit Bintang dan sebagainya kita tidak memberi *impact* kemudahan itu. Bahkan seperti yang saya katakan tadi lebih ramai lagi yang kita boleh dan juga sekolah tajaan meningkat daripada 60 buah kepada 75 buah termasuk 10 buah sekolah rendah

yang kita mahu menjadi *feeder* kepada Yayasan Selangor ini. Dan juga insya-Allah pada 2014 kalau tadi 2013 5,000 orang *target* kita 2014 adalah 5,500 orang pelajar insya-Allah. Memandangkan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sedikit.

TUAN SPEAKER: Permatang

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya meminta EXCO jelaskan kepada Dewan ini pada pembangunan atau perkembangan mengenai Yayasan Selangor yang saya bangkitkan pada penggal yang lepas atau pun sidang yang lepas sudah 2 tahun *development order* tidak diperolehi dan juga apa hasil yang dahulu saya sebut setiap bulan sekurang-kurangnya hasil yang mereka perolehi RM400,000 hasil penyewaan. Selepas dibaikpulih saya mendapat jawapan sudah 3 kali kontraktor bertukar sudah hampir 2 tahun di situ sahaja Yayasan sudah kerugian hampir kalau diambil kira RM400,000 sebulan kali dengan 12 berapa juta kali dengan berapa tahun tertangguh. Jadi saya hendak bertanya apa perkembangan semasa mengenai pembangunan bangunan ini. Yang kedua saya juga dalam ucapan penggulungan ucapan kasih saya juga bertanya apakah pembangunan di Yayasan Selangor sekarang ditapak asal Yayasan Selangor itu sama ada sudah pembangunan dibuat, sudah ada pelantikan pemaju, pemaju mana yang dapat apakah cara tender melalui tawaran dan sebagainya. Saya rasa itu juga patut dijelaskan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Permatang. Permatang saya jawab soalan itu memberikan kepada satu prinsip kerja bagaimana pendekatan Kerajaan Negeri Selangor. Kita sebagai Kerajaan yang berpaksi kepada prinsip kita mahu melihatkan keputusan yang kita buat dan kontrak yang diberikan kepada sesebuah kontraktor itu memang betul-betul berbaloi kerana tadi kita telah mengambil kira ada sedikit masalah kecil iaitu kerana kita tadi telah mengorbankan asrama maka sudah tentulah apa yang hendak kita lakukan itu mesti lebih baik berlipat kali ganda manfaat daripada yang sedikit pengorbanan yang kita lakukan. Jadi Lembaga Tender Yayasan Selangor diketuai sendiri oleh Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Dan kita melihatkan bersama-sama Lembaga Pengarah kita memikirkan adakah ini *offer* yang terbaik adakah ini paling bagus untuk menjanakan pendapatan yang akan dimanfaatkan pelajar-pelajar miskin yang cemerlang ini. Jadi dalam 2 tahun memang kita akui memang ada sedikit kekurangan dana dan ada sedikit *lost* di situ tapi kita melihat secara jangka panjang sebab kita mahu pulangan lebih baik dan paling kukuh untuk Yayasan Selangor. Jadi jangan risau Permatang tunggu sebab perkara ini di dalam proses tidak lama lagi insya-Allah Permatang akan mendengar pengumuman yang sedikit sebanyak insya-Allah akan memberikan impak yang begitu besar. Kinrara menyebutkan pasal ketidakadilan dalam bidang pendidikan saya mengambil maklum yang disyorkan oleh Kinrara di mana UEC yang telah diperjuangkan itu dan telah diterima oleh IPT dalam negara dan juga luar

negara ini. Dan saya insya-Allah akan bersama-sama dengan Universiti Selangor UNISEL untuk melihat secara profesional bagaimanakah UEC ini boleh diserap masuk di dalam UNISEL sama ada ia mengikut piawai MUK dan sebagainya sebagai Universiti Selangor sebagai satu Universiti yang berdaftar dan sudah mempunyai pencapaian begitu baik dan diterima sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi diterima oleh Imperial diterima oleh Manchester, diterima oleh Oxford dan sebagainya. Bahkan di Jepun ada 25 Universiti yang menerima pelajar-pelajar graduan daripada UNISEL. Jadi insya-Allah saya akan duduk bersama dan saya akan berbincang dengan Kinrara selepas ini. Morib juga tadi mahu menaiktarafkan MITIP yang dikatakan tidak berapa bagus kantin, gelanggang permainan dan sebagainya dan saya mengharapkan agar Jabatan Agama Islam Selangor memberi tumpuan agar semua sekolah di bawah Jabatan Agama Islam Selangor disenggara atau disenaraikan disenggarakan dengan mengikut *priority* dan kita tidak mahu mana-mana sekolah namanya di bawah Jabatan Agama Islam Selangor iaitu di bawah Kerajaan Negeri sendiri dilihat keuzuran tidak lengkap itu tidak lengkap ini kebajikan modal insan atau guru-gurunya tidak ambil kira dan saya juga hendak menekankan di sini di mana sebelum ini ada satu isu pula di mana muka depan muka kulit di sebuah buku latihan untuk khas tidak diteliti sehingga ianya dikatakan dikaitkan dengan Syiah. Jadi saya mengharapkan perkara tidak berulang lagi di Jabatan Agama Islam Selangor. Morib juga menekankan tentang prasekolah uzur bangunannya, Guru Besarnya macam masih kontrak, tidak ada bonus dan sebagainya. Rasa kerana...

Y.B. TUAN SHAFIE BIN NGAH: Mohon penjelasan

TUAN SPEAKER: Bangi

Y.B. TUAN SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. Ok Selat Kelang. Saya melihat mengenai tulisan kulit yang ada mirip kepada Syiah bukan sekadar buku khaf sahaja ada juga buku lain. Saya minta kepada pihak JAIS khususnya untuk meneliti dengan ada di mana-mana buku teks kita ada mirip kepada Syiah. Mohon, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Bangi. Semalam saya telah buat satu *statement* di mana saya minta Jabatan Agama Islam Selangor seperti yang saya katakan tadi bukan buku itu sahaja tapi semua yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Yang keduanya termasuklah buku bukan bawah JAIS, Sekolah Agama Rakyat individu dan sebagainya juga. Saya juga tidak perlu isu yang bukan isu yang sebenarnya sendiri yang menciptakan isu. Jadi saya harap JAIS ambil perhatian serius tentang perkara ini. Begitu juga

TUAN SPEAKER: Selat Klang. Rumuskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Sg. Panjang

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang. Tunggu dulu biar Selat Klang rumuskan dulu.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Ok. Terima kasih. Jadi saya rumuskan di sini di mana juga Sg. Panjang kkuatir ini UNISEL ini *standard* ke tidak dipakai apa pengiktirafan ada pengiktirafan yang digunakan oleh negara-negara setaraf taraf dan sekarang ini UNISEL telah mencapai *tier 4* dan saya difahamkan oleh Naib Canselor UNISEL insya-Allah dalam kerana dia punya dalam *empoybility rate* baik itu sendiri walaupun infrastrukturnya rosak dan infrastrukturnya masalah infrastruktur ini menyebabkan kemerosotan pelajar-pelajar bukan kerana di bawah kita 2011 sebelum tapi kita mahu mengambil itu sebagai satu alasan untuk tidak melonjak lagi UNISEL. Insya-Allah UNISEL telah diberikan pinjaman RM60,000,00 untuk membaik pulih sistem kumbahan UNISEL juga melihat segala prasarana untuk memastikan proses pengajaran dan juga pembelajaran yang terbaik di Universiti Selangor ini. Jadi saya rumusan di sini di mana apa sahaja yang dirancang apa sahaja keputusan oleh Kerajaan Negeri Selangor memang kita mahu memaksakan memang kita mahu menekankan tentang kebajikan atau pun melahirkan modal insan yang insya-Allah boleh berjaya mencapai Selangor Negeri Idaman Maju dan Berkeadilan 2015. memang ada sedikit kecacatan tetapi kita sebagai orang yang waras dan mengamalkan *good governance* menerima segala kritikan membina kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan Pakatan Rakyat mahupun pembangkang Barisan Nasional dan saya mengalu-alukan dan bersama-sama kita membina insya-Allah modal insan masa depan. Terima kasih.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Sungai Panjang.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Saya mungkin ada saya membuat penyelidikan sudah agak lama tentang UNISEL ini sebab menambahbaikkan yang saya perlu sepanjang perbincangan dia ada 5 perkara yang tidak dijawab dengan sempurna pada pandangan saya. Pertama terutama dari segi kerugian yang berlaku setiap tahun berturut-turut. Kedua dari segi data mengapakah data hanya ada 45 orang pelajar Cina berbanding dengan pelajar India 552 yang selebihnya pelajar Melayu. Saya juga mengungkapkan penyelidikan saya berkaitan dengan kursus di UNISEL berkaitan sebagai contoh Diploma Sains Kuantitatif yang jumlah pensyarahnya dijumlahkan 10 orang jumlah pelajarnya 2 orang jumlah pensyarahnya 7 orang pelajarnya 6 Berijazah Saujana Muda Sains. Dan ketiga berkaitan dengan Lembaga Pengarah Dato' Rashid Din telah 2/3 kali bangkitkan tidak ada anak-anak atau intelektual daripada Selangor layak untuk menduduki Lembaga Pengarah tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Lima ke empat tadi? Saya tengok empat tadi. Tentang kerugian. Seperti mungkin Ahli Yang Berhormat Sungai

Panjang faham, apabila asrama ini jauh, tempat tinggal pelajar jauh daripada kampus, dan sudah tentu ia akan menimbulkan keresahan sedikit daripada ibu bapa sebab itulah jumlah pelajar sekarang ini dalam setahun dua ini menurun dan Insya-Allah selepas asrama ini dibaik pulih 30hb Jun, tidak lama lagi, Insya-Allah dua bulan lagi maka kita menjangka lonjakan jumlah pelajar di Bestari Jaya. Kita ada dua kampus, Universiti Selangor, satu di Shah Alam, satu di Bestari Jaya. Pelajar-pelajar di kampus Shah Alam bukannya makin kurang, kita pula mengehadkan, *sorry* kita dah penuh. Itu dia punya gambaran sebenarnya di Shah Alam. Tapi di Bestari Jaya ni tadi kita nak pujuk mereka masuk sangat pun kita nak promosi sangat pun sebab keadaan belum begitu selesa maka kita rasa biar la dahulu sehingga 30 hari bulan enam maka *marketing* akan buat yang sebaiknya, Insya-Allah kita akan melihatkan pertumbuhan di situ. Itu di antara sebab kerugian.

Selain daripada yang saya sebutkan tadi, sistem kumbahan adalah perkara yang besar dan menelan belanja yang agak banyak. Kedua tentang data, kenapa pelajar Cina tak banyak, pelajar India bukan sekarang sahaja ya, Sungai Panjang, bukan sekarang sahaja, dah daripada dulu lagi. Sebenarnya kita ni lebih terbuka. Mantan Timbalan Naib Canselor UNISEL (HEP) sebenarnya telah memikirkan sehingga nak buat satu bangunan nama-nama orang Tionghoa, untuk apa, untuk menarik orang Tionghoa belajar di UNISEL. Ini mantan sebab sekarang ini dia dah berhenti. Kursus tadi kenapa dia punya nisbah guru pelajar, pensyarahnya ramai daripada pekerja, sebab jumlah pelajar tadi tidak ramai, khususnya dari segi disiplin yang mungkin kurang kritikal maka itu lah sebabnya. Lembaga Pengarah kenapa bukan orang Selangor yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah, Insya-Allah kita akan bangkitkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan isu-isu yang menyentuh portfolio di bawah jagaan saya dan saya kira banyak isu-isu yang disentuh adalah berkaitan dengan jalan raya, kesesakan jalan raya dan beberapa juga perkara-perkara berkaitan kemudahan awam. Pun begitu juga seperti mana yang kita sedia maklum MARRIS juga beberapa isu yang banyak disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana kita mempunyai sedikit rekod sebelum ini penggunaan duit MARRIS kita sehingga kita mendapat teguran di dalam Audit 2012 daripada Audit Negara. Jadi para Yang Berhormat saya ingin mengambil kesempatan di sini supaya antara perkara yang melibatkan penggunaan peruntukan MARRIS ini supaya kita sama-sama fahami kerana kalau dulunya pemberian penyelenggaraan jalan negeri oleh Kerajaan Persekutuan di bawah MARRIS ini Terimaan itu direkodkan di bawah di dalam Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Selangor di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 tetapi selepas pada mulai dari tahun 2013 Terimaan ini direkodkan di dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta

Tatacara Kewangan 1957 yang mana akhirnya ini juga seperti mana yang saya maklumkan ada satu garis panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penggunaan Jalan MARRIS ini yang telah kita terima dan kita guna pakai daripada 2013 yang mana tempoh hari juga disentuh oleh Semenyih adakah benar tatacara garis panduan ini adalah satu garis panduan baru dan itulah hakikatnya yang mana saya kira mengambil kira penggunaan peruntukan atau pemberian ataupun wang MARRIS ini di dalam pengurusan kita yang lalu saya melihat supaya kita memandang lebih ke depan bagaimana kita dapat memperbaiki penggunaan pengurusan wang MARRIS ini. Kalau dari segi anggaran kita yang akan kita terima pada tahun 2014 ini adalah sejumlah RM546,642,110.96 dengan anggaran peratusan peningkatan 9.76 dan Kerajaan Negeri mengharapkan bahawa penggunaan ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin dan kita telah meluluskan di dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri peruntukan-peruntukan yang kita akan beri, akan kita berikan kepada agensi-agensi pelaksana. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga tarikh semasa sebanyak RM431.96 juta untuk projek penyelenggaraan jalan MARRIS telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh semua agensi pelaksana di Negeri Selangor. Penyaluran peruntukan oleh Perbendaharaan Negeri kepada agensi pelaksana akan disalurkan berdasarkan Surat Setuju Terima setelah Proses Perolehan Terbuka dilaksanakan dan pembayaran akan dibuat kepada agensi pelaksana kepada kontraktor setelah kerja-kerja di tapak siap sepenuhnya dan memuaskan. Dengan ini juga saya ingin menyentuh perkara yang ditimbulkan oleh Damansara Utama, berapa banyak peruntukan yang telah digunakan. Bermakna buat masa ini kita hanya sekadar meluluskan, pelaksanaannya akan berlaku dalam masa terdekat dan Insya-Allah kita harapkan di penghujung tahun ini kita akan gunakan secara optimum dengan mengikut dasar-dasar ataupun polisi yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri terutamanya sistem Tender Terbuka, harga terendah, *owner operator* dengan izin. Ini yang kita harapkan bukan sahaja untuk kita menyelesaikan penggunaan Terimaan itu tetapi nilai yang akan kita dapat daripada hasil itu sendiri. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingat..

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Mohon penjelasan ya. Terima kasih Tuan Speaker. Kepada EXCO berkenaan kita tahu di dalam Teguran Audit itu telah menunjukkan bahawa terdapat peruntukan yang telah tidak dibelanjakan, peruntukan MARRIS tetapi dimasukkan dalam Akaun Yang Disatukan. Jadi kalau diambil jumlah itu dengan jumlah yang peruntukan RM546 juta yang diterima oleh MARRIS makna jumlahnya lebih banyak sedangkan daripada penjelasan itu dari segi pelaksanaan ini hanya untuk peruntukan 2015. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan sebab banyak jalan-jalan yang masih belum diselenggara di bawah peruntukan MARRIS ini, belum dapat dilaksanakan. Jadi saya nak pastikan apakah

jaminan kepada Kerajaan Negeri untuk pastikan bahawa peruntukan-peruntukan tertunggak itu perlu juga dilaksanakan bagi memenuhi peruntukan selain daripada peruntukan yang diberikan pada tahun 2014.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sungai Burong. Untuk maklumat bahawa terimaan pemberian jalan MARRIS ini tidak direkodkan sebagai Hasil Kerajaan Negeri dan kita sedia maklum kalau kita tidak gunakan pada tahun semasa maka dia akan juga termasuk dalam golongan Kumpulan Wang Yang Disatukan. Pun begitu jumlah yang kita terima daripada kerajaan pusat sebenarnya bukan jumlah *lumpsum* pada awal tahun semasa. Kita menerima mengikut kadar-kadar dan bulan-bulan tertentu. Sebab tu saya kira dengan adanya RM500 juta baki daripada peruntukan MARRIS yang kita tidak gunakan, itu memberikan satu kebaikan kepada Kerajaan Negeri untuk kita merancang daripada awal dengan unjuran RM500 juta itu untuk kita gunakan dan seperkara lagi saya melihat, kita kluatir juga dengan peruntukan yang mungkin besar di luar daripada kemampuan yang akhirnya kita tidak mahu melihat penggunaan wang MARRIS ini hanya sekadar untuk menyelesaikan projek-projek yang dirancangkan makna tidak melihat kepada perkara-perkara, ada tambah baik kualitinya, contoh nya dilakukan semasa..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, saya nak mencelah untuk menjelaskan perkara ini sebab saya telah bersetuju untuk satu akaun khas untuk MARRIS. Dulunya akaun MARRIS ini dicampur-campur dengan akaun-akaun yang lain. Ini berlaku dari semua negeri. Ada negeri menggunakan untuk membayar gaji tapi dia tidak berlaku. Oleh sebab itu kita ada satu akaun khas, satu akaun khas semua duit-duit MARRIS ini dimasukkan dalam akaun khas ini dan akaun khas ini digunakan. Kalau tak habis digunakan pun dia tidak boleh dikeluarkan untuk mana-mana penggunaan tapi dia akaun khas daripada 2012 kita bersetuju dengan Audit Negara kita buat satu akaun khas di mana semua walaupun dia lambat datang ke, semua dimasukkan. Boleh jadi kita bukan ada RM500 juta jadi kita ada RM700 juta di dalam itu. Tapi dia akan digunakan untuk itu. Jadi itu yang paling penting sekarang. Siapa yang menengok besok dalam laporan kewangan kita boleh tengok apa ni Akaun Khas Negeri MARRIS. Dia tidak boleh diambil duit tu untuk bagi apa ibu tunggal, tak boleh. Dia hanya, ialah itu sebagai contoh ya. Itu dia tak boleh. Saya nak terangkan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Penjelasan sikit. Yang saya tanyakan bukannya duit itu apa orang kata tak digunakan, dimasukkan untuk perkara-perkara lain. Itu memang saya dah bersetuju la. Cuma saya tanyakan tadi, selain daripada peruntukan 2014 untuk MARRIS, ada yang dulu dah diberikan yang disebutkan di dalam Teguran Audit itu yang telah dimasukkan dan saya bersetuju sangat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memasukkan duit itu, jadi jumlahnya memang lebih RM500 juta. Soalan saya apakah jaminan yang duit RM500 juta ini patutnya perlu dibelanjakan sekarang sebab aduan Audit itu menunjukkan banyak jalan-jalan rosak tak dibuat dan kerana itu maka sekarang

orang kata *top-up* dengan izin kerosakan jalan-jalan itu maka saya menyarankan supaya tindakan segera diambil untuk kita membelanjakan duit berkenaan untuk membaiki seluruhnya jalan-jalan yang rosak seperti di dalam Teguran Audit.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Yang Berhormat EXCO akan menjawab sebab dia akan memantau. Kita tak selalunya bila ada duit tu kita kena habiskan tapi dia akan gunakan. Jadi maknanya apa yang nak saya jelaskan di sini oleh kerana ada akaun begini tidak ada lagi satu usaha yang mengatakan satu duit tak ada. Kedua, belum baru nak ada duit, baru nak buat perancangan *Bill of Quantity* ataupun apa. Sekarang perkara itu tidak timbul, dia nak katakan tunggu bajet tahun hadapan pun tidak akan timbul. Itu lah sebabnya sekarang saya buat *continuous budget* maknanya tidak timbul tunggu-tunggu. Itu sebabnya. Tapi Yang Berhormat dalam Dewan ni juga mesti tahu, kita tidak boleh buat secepat umpamanya, saya nak bagi contoh Yang Berhormat kita nak buat satu rancangan menutup lubang, menutup lubang kita belanja hampir RM100 juta. Sekarang lubang tu kena tutup balik. Itu sebab saya buat kajian bersama dengan Yang Berhormat EXCO supaya bagaimana kita boleh tahan bukan maknanya setahun tapi sekurang-kurangnya lima tahun, bagaimana cara pembinaan supaya tahan. Jadi kalau tidak tiap-tiap tahun kita asyik menutup lubang. Itu sebab saya berharap Dewan memberi kesabaran supaya kita nak tentukan cara yang terbaik. Jadi itu sebab saya dengan EXCO berbincang dan kuari apa jenis batu dan *mixed* yang perlu.

TUAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Bukit Gasing dulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih atas penjelasan yang terperinci tadi tetapi kita sedia maklum baki dari tahun lepas RM630 juta yang dijangka dapat tahun ini RM400 juta. Jadi dalam tabung MARRIS tahun ini lebih kurang RM1,000 juta yang boleh dibelanjakan. Dijangkalah perancangan tersebut berapa banyak yang akan dibelanjakan tahun ini untuk membaiki pada tahun ini RM500 juta ataupun lebih?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ok Bukit Gasing. Seperti mana yang saya katakan tadi, Kerajaan Negeri sudah meluluskan sejumlah, sudah meluluskan sejumlah RM431.96 juta untuk projek penyelenggaraan jalan pada tahun ini dan daripada jumlah yang kita anggarkan tu dan sekarang ini dalam proses pelaksanaan untuk kita gunakan wang ini untuk penyelenggaraan jalan. Saya ingat dengan adanya Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri nanti apabila mana wang itu direkodkan saya kira wang itu tidak ke mana dan seperti mana yang saya katakan tadi terima kasih Yang Amat Berhormat Pelabuan Klang yang mana Insya-Allah kita akan gunakan kewangan ini dengan sebagai mungkin di dalam program dalam pengurusan ataupun penyelenggaraan jalan yang akan kita lakukan pada tahun ini.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Puan Speaker, minta penjelasan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama kemudian Permatang.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Nak minta penjelasan sikit tentang, setiap DUN kita ada 3 juta sekarang. Boleh tak kita meningkat sebab ada banyak *list* lagi tetapi wang saya sudah semua sudah habis dalam kelulusan, kalau boleh tingkatkan seperti 5 juta setiap DUN, so kita boleh dapatkan jalan-jalan yang kena

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Damansara Utama. Saya ingat itu tidak menjadi satu halangan yang begitu besar, yang penting dengan adanya peruntukan yang kita ada pada hari ini, kita belum laksanakan pun, laksanakan lagi ye, di peringkat negeri kita dah luluskan. Kita harapkan apa yang kita rancangan itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin mengikut dasar negeri. Kalau ada perkara-perkara yang menjadi keutamaan yang perlu saya ingat *edit* tak ada masalah cuma kita nak ingatkan bahawa peruntukan wang MARRIS ini adalah untuk penyelenggaraan jalan, bukan untuk naik taraf ataupun membina baru yang saya kira mungkin sebelum ini ada sedikit kesilapan kita di situ kita menggunakan peruntukan ini tetapi jelas, sebab itulah saya harapkan supaya setiap Ahli Dewan mempunyai garis panduan ini untuk dirujuk. Oleh kerana, semalam pun ada disentuh berkenaan dengan penukaran kewangan MARRIS yang besar, yang kemungkinan boleh digunakan untuk banjir. Saya tak nafikan untuk program-program kecemasan, banjir juga menjadi salah satu tajuk yang boleh digunakan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri tetapi bukan untuk penyelesaian masalah-masalah banjir menggunakan kewangan MARRIS ini. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingat

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, terima kasih. Saya tadi nak tanya mengenai JPS. Satu lagi agensi yang saya fikir di maklumkan layak untuk menerima permohonan ataupun apa ni, sokongan daripada MARRIS. Jadi dalam pendengaran SELCAT baru-baru ini pun kita tengok banyak isu banjir dibangkitkan tetapi majoriti JPS daerah-daerah menyatakan mereka tidak ada bajet yang mencukupi untuk apa ni.... untuk mengatasi masalah banjir di kawasan masing-masing. Jadi kenapa tidak diberi kepada JPS-JPS daerah-daerah ini untuk menggunakan wang MARRIS ini untuk mengapa ni untuk *flood mitigation* dengan izinlah.

Dan yang kedua, saya baru dengarlah pagi ini melalui Damansara Utama tiap-tiap DUN diberikan peruntukan RM3 juta. So bagaimana dengan kawasan-kawasan yang DUN-DUN diwakili oleh Barisan Nasional. Apakah kita juga boleh memohon dan kalau tak boleh mohon ke mana saluran yang boleh kami mohon untuk

pembangunan di kawasan DUN-DUN yang kami mewakili, sebab kami juga dipilih oleh rakyat dan wang MARRIS ini ialah wang Persekutuan. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Permatang. Tadi berkaitan dengan peruntukan yang kita peruntukkan RM4 juta anggaran kita pada tahun ini untuk JPS sebenarnya adalah untuk penyelenggaraan jalan-jalan pertanian ataupun jalan-jalan di bawah JPS bukan untuk program-program pencegahan banjir yang peruntukan yang kita peruntukkan untuk JPS itu sendiri. Berkaitan dengan soalan yang ke-2, sebenarnya bukan kita beri kepada ADUN Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN itu RM3 juta begitu tetapi kita akan tetap *ceiling* RM3 juta yang mana diletakkan di bawah pengurusan agensi pelaksana Pihak Berkuasa Tempatan untuk melihat juga mungkin ada prioriti yang terlepas pandang daripada segi pengamatan daripada PBT-PBT untuk disyorkan di dalam peruntukan itu untuk diselenggarakan. Sebab itu seperti mana yang saya katakan semalam apabila saya menyentuh juga dengan wang MARRIS ini supaya yang mana kita juga telah memaklumkan kepada semua daerah-daerah diadakan sama ada melalui mesyuarat daerah-daerah itu dibincangkan soal penggunaan wang MARRIS ini dengan penglibatan Ahli Dewan Negeri dan juga daripada agensi-agensi pelaksana supaya akhirnya perancangan kita di setiap daerah itu yang melibatkan PBT, JKR dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat minta mencelah

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Sedikit. Saya ingat kalau ADUN-ADUN daripada Pembangkang juga mempunyai pandangan-pandangan ataupun mungkin yang terlepas pandang ini mungkin boleh juga disyorkan sama ada melalui PBT, JKR ataupun JPS yang saya kira ini akan diambil kira yang penting akhirnya kepada rakyat itu sendiri.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan sekiranya kawasan tersebut kami diperuntukkan RM3 juta oleh kerajaan yang dilaksanakan oleh PBT tetapi dalam kawasan-kawasan tertentu 3 juta ni sebahagian besarnya di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya tidak selesai untuk tidak habis dibelanjakan di taman-taman tetapi kita berhasrat untuk menggunakan lebihan daripada peruntukan ini akan disalurkan di kawasan luar bandar terutamanya kawasan-kawasan kampung yang saya kira adalah merupakan kawasan yang kritikal dan perbincangan ini telah pun saya utarakan secara bertulis melalui Yang Dipertua PBT dan juga saya sudah pun tulis surat *cc copy* ataupun salinan kepada EXCO dan juga Pegawai Kewangan Negeri untuk memohon kebenaran supaya lebihan ini dimanfaatkan secara optimum di jalan-jalan yang di bawah rizab kerajaan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tanjung Sepat. Saya kira dah jawab soalan Tanjung Sepat ini semasa saya menjawab soalan daripada Meru semalam ya. Pada dasarnya kita tidak ada halangan peruntukan itu juga digunakan selagi jalan-jalan yang kita nak selenggarakan itu adalah jalan-jalan yang sudah direkodkan di dalam rekod jalan-jalan MARRIS. Kalau tidak pun kita sebenarnya untuk jalan-jalan yang tiada direkodkan ada kebenaran sejumlah 5% yang ini di bawah Pejabat Tanah Daerah untuk mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan itu. Ahli-ahli Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat ada

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta mencelah

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Tuan Speaker, ingin mencelah

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Boleh.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang, Dusun Tua dulu.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Minta penjelasan. Saya tertarik tadi dengan cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya dipastikan lubang-lubang yang ditampal sekarang ini tahan sampai 5 tahun. Apa yang saya dapati bukan lubang sahaja, malahan jalan sekarang ini dibuat baru, diturap baru kadang-kadang tak sampai pun setahun dah habis, rosak. Jadi pandangan sayalah, macam baru-baru ini berlaku di tempat saya, ada satu pihak korek jalan dan penduduk beritahu saya puncanya jadi jem jalan tu. Pagi dia korek, tampal tengah hari, petang dah terbongkar balik. Jadi penjelasannya, apakah tindakan yang kita ambil kepada pihak-pihak yang tertentu ni. Kadang-kadang kita tengok benda ni berleluasa sampai dalam mesyuarat tindakan daerah pun kita bawa benda ini, jadi pihak-pihak tertentu mengatakan JKR. JKR kata kita ada deposit untuk ambil tindakan dengan dia orang ini kalau korek jalan. Tetapi benda ni sampai sekarang saya tengok berterusan sama ada MAXIS, TELEKOM ataupun JPS kalau korek jalan, berlaku apa-apa benda tu tidak ambil tindakan apa-apa, ya. Jadi saya minta penjelasan dan begitu juga dengan kakitangan-kakitangan yang terlibat macam PBT, JKR saya tak pasti benda-benda macam ini boleh berlaku. Pagi korek, petang pecah balik. Apakah speks ataupun tindakan yang telah mereka lakukan dan ini yang kadang-kadang merisaukan ye. Kita sebagai ADUN sikit saja timbul masalah rakyat tumpukan kepada kita. Jadi kita minta ambil sedikit penjelasan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Dusun Tua. Saya tak menafikan bahawa perkara itu berlaku dalam masa yang lepas dan saya tidak nak mengatakan bahawa yang akan datang ini akan berlaku, tetapi saya nak melihat supaya tugas ini sebenarnya harus kita bersama untuk membantu pemantauan. Kalau kita nak mengharap daripada mungkin jabatan ataupun agensi yang sedia

ada mungkin di luar kemampuan mereka, tetapi sebahagiannya memang tak nafikan dia tidak mengikut spesifikasi termasuklah sepatutnya tampal itu bukan sekadar tampal, kena potong, kena korek dan sebagainya dengan kualiti *premix* yang baik itu sendiri tetapi kadang-kadang tidak dipatuhi. Ini juga bergantung kepada topografi dan juga bergantung kepada penggunaan jalan. Sebab itulah saya katakan tadi supaya kalau ada semuanya sudah tertera di dalam buku garis panduan ini berapa ketebalan yang harus dilakukan dan saya tak nafikan juga berlaku apabila proses-proses penurapan dilakukan waktu hujan dan sebagainya. Akhirnya menyebabkan kualiti-kualiti yang seperti mana berlaku sebelum-sebelum ini dan saya mengharapkan supaya setiap di antara kita malah rakyat juga mungkin memberikan, boleh memberikan pandangan-pandangan dan pemantauan di samping audit yang memang sedia ada dilakukan oleh agensi-agensi pelaksana termasuklah *coring* pemantauan dan pemantauan-pemantauan lain.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Puan..

TUAN SPEAKER: Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih. Saya tengok jelaslah ramai ADN-ADN pun berminat tentang penyaluran wang MARRIS ini. Semalam saya ada bangkitkan bahawa saya pohon supaya *report* setiap 6 bulan kepada ADN-ADN. Tadi Yang Berhormat EXCO maklumkan kemungkinan hujung tahun baru selesai, jadi saya mungkin tak nampak bulan 6 ini kita boleh dapat *report*. Kalau boleh apa yang dah diberi itu saya mohon untuk beri kepada DUN-DUN supaya tidak ada permohonan bertindih. Tadi Yang Berhormat EXCO, terima kasih boleh ADUN Pembangkang pun boleh mengesyorkan, jadi kita tidak ada permohonan bertindih dan kita juga ada memohon di pihak kemungkinan di Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah, kita pun boleh mohon. Jadi kalau kita dah tahu jalan di DUN kita ini dah ada dimasukkan dalam peruntukan MARRIS, jadi kita tidak bertindih permohonan ini. Jadi tentang *report* tadi Yang Berhormat semalam ada memaklumkan boleh setuju untuk hendak bagi *report*, jadi bila kita boleh dapat *report* itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Semenyih. Seperti mana yang sebutkan daripada awal tadi, setakat ini yang saya boleh bagi laporan adalah jumlah kelulusan yang telah kita luluskan untuk ke agensi-agensi pelaksana. Insyallah di dalam sidang-sidang yang akan datang saya akan cuba untuk mendapatkan *report-report* untuk dimaklumkan kepada Dewan tentang prestasi status-status masa dan seperti mana saya katakan tadi supaya kalau ada daripada DUN, DUN-DUN Pembangkang juga boleh hantarkan senarai kepada agensi-agensi pelaksana tadi. Sebab itulah saya mengatakan tadi supaya tidak akan berlaku pertindihan, perkara ini dibincangkan dengan kehadiran seluruh agensi pelaksana dan sebelum memutuskan senarai-senarai sekurang-kurangnya memberikan keringanan kepada jawatankuasa di peringkat negeri untuk memberikan kelulusan-kelulusan supaya tidak berlaku pertindihan-pertindihan yang disebutkan tadi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ada lagi

TUAN SPEAKER: Saya benarkan lebih masa Yang Berhormat Sijangkang. Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Yang Berhormat, saya nak minta penjelasan tentang, saya nak tanya apakah *bottleneck* dalam pengurusan ini yang anda tadi cakap tak boleh membelanjakan banyak wang tahun ini. Apakah *bottleneck* nya. Kalau pengurusan ataupun mengeluarkan BQ ataupun *tendering* boleh tak kita *outsource* sikit pengurusan kita supaya kita boleh mempercepatkan perkhidmatan untuk permukaan semula jalan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih kepada Damansara Utama. Saya ingat ada beberapa *bottleneck* yang kita lihat ataupun permasalahan antaranya adalah dari segi penggunaan wang MARRIS itu sendiri yang mana khusus untuk penyelenggaraan tidak boleh diguna untuk baik pulih dan sebagainya. Saya kira seramai yang sedia maklum dan boleh dirujuk juga dalam garis panduan ini cuma soal *out source* itu sendiri saya kira kita boleh lihat di peringkat Kerajaan Negeri sama ada benar-benar projek yang telah diluluskan ini di luar kemampuan daripada agensi-agensi pelaksana untuk mereka mengurus ataupun melaksanakan proses-proses sehinggalah pelaksanaan itu sendiri termasuklah pengagihan BQ dan sebagainya tetapi sebahagian besar daripada agensi-agensi ini termasuklah JKR ataupun PBT mempunyai pegawai-pegawai yang saya kira setakat ini cukup untuk mereka melakukan dengan jumlah-jumlah projek yang sedia ada ini. Ha... saya

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang boleh sambung selepas makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah hampir 12.00 tengah hari dengan itu saya mempersilakan Yang Amat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir-Rahmanir-Rahim.* Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dimulakan semula pada jam 3.00 petang.”

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. 'YA'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 3.00 petang hari ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Baiklah saya menjemput Y.B. Sijangkang untuk sambung penggulungan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Alhamdulillah saya kira saya tidak menyentuh lagi perkara berkaitan dengan MARRIS dan rasa Ahli Dewan Negeri Yang Mulia ini ramai yang dah faham dan mungkin lebih baik daripada saya. Cuma harapan Kerajaan Negeri agar wang-wang MARRIS ini akan digunakan sebaik mungkin mengikut prosedur-prosedur dan peraturan kewangan dengan berlandaskan garis panduan yang ada. Selain daripada itu saya hendak menyentuh berkaitan dengan isu-isu yang disentuh secara khusus oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang mulia ini berkenaan dengan samada naik taraf jalan atau penyelenggaraan jalan yang disentuh oleh Gombak berkaitan jalan Batu 11 Merbau Sempak, Sg. Air Tawar, Jalan Sg. Air Tawar, Jalan Sg. Tengah. Kemudian juga disentuh juga oleh Permatang kesesakan sejauh 5 KM disebabkan oleh lampu isyarat di hadapan TESCO Kuala Selangor. Saya kira saya akan mengarahkan kepada agensi-agensi yang terlibat untuk melihat sejauh mana ini dapat diperbaiki dan mungkin ada jalan-jalan penyelesaian insya-Allah. Saya juga akan turun ke jalan-jalan yang tertentu dimaksudkan itu untuk kita membuat tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil selain daripada itu Dengkil pun sempat menyebut dan menyentuh perkara yang berkaitan dengan jalan rosak di Pulau Meranti. Insya-Allah kita akan melihat keperluan-keperluan itu. Selain daripada itu saya ingat Kajang juga menyentuh berkaitan dengan kesesakan lalu lintas di Kajang. Sebenarnya untuk Kajang ini ada 9 lokasi seksyen bancian lalu lintas di sekitar kawasan Kajang berdasarkan laporan *road trafik volume* Malaysia 2012 didapati bahawa kapasiti transit trafik adalah padat. Maklumat Ini akan dimajukan kepada Kementerian Kerja Raya untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut.

Perkara yang lain yang hendak saya sentuh adalah berkaitan dengan juga sedikit sebanyak sudah disentuh oleh EXCO kita berkaitan dengan Jeti di Sekinchan yang mana Kerajaan Negeri telah mengarahkan kepada LUAS untuk membuat kajian ataupun penelitian berkaitan dengan jeti-jeti di Negeri Selangor dan ini akan dibentangkan di dalam MTES untuk melihat keperluan jeti-jeti ini samada ianya perlu diperbesarkan atau pun diperlukan beberapa utiliti-utiliti termasuklah mungkin keperluan-keperluan tandas, tempat makan dan sebagainya. Saya kira jeti Sekinchan ini termasuk dalam kajian tersebut kerana kita dapati Negeri Selangor ada sejumlah 1350 buah jeti yang diperolehi semasa *inventory* jeti dijalankan dan sebahagiannya 1304 adalah jeti nelayan dan 46 buah jeti komersial dibina di persisiran pantai dan juga di sungai-sungai Negeri Selangor. Kita dapati sebahagian besarnya adalah yang dibina tidak mengikut spesifikasi dan sebahagiannya didirikan di atas tanah tol dan kita pada hari ini Jabatan Pengairan Sungai Sedi sudah

tetapkan bahawa kita meletakkan rizab sungai di sungai-sungai kita dan saya kira dengan kelulusan-kelulusan daripada Pejabat Daerah untuk jeti-jeti ini kelulusan tol kiranya ini kurang wajar kerana sebahagian daripada jeti-jeti ini bukan bersifat sementara tetapi kekal dan sebahagiannya juga bukan hanya dibibir sungai tetapi sudah melangkaui kepada badan-badan sungai yang ada ataupun badan-badan air yang ada di kawasan itu. Sebab itulah saya kira perkara ini insya-Allah dalam masa terdekat LUAS akan membentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk kita putuskan berapa banyak jeti yang perlu kita perbaiki atau putuskan di Negeri Selangor ini dengan kemudahan-kemudahan yang perlu difikirkan. Begitu juga berkaitan dengan jeti di Bagan saya kira ada isunya juga di situ dan sebenarnya beberapa tindakan daripada peringkat awal sudah diambil. Cuma seperti mana cadangan daripada Sg. Tawar sendiri. Kalau boleh pelaksanaan itu dijalankan seawal mungkin semasa jeti itu dilaksanakan saya kira telah diambil perhatian dan beberapa keputusan daripada Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah diambil dan antaranya pada 18.1.2013 daripada keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk melaksanakan sebab di situ ada 2 jeti merobohkan jeti yang kecil danewartakan jeti besar sebagai kegunaan awam dengan melantik Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai Pegawai Pengawal dan Lembaga Kemajuan Ikan....

TUAN SPEAKER: Y.B. Sijangkang Sekinchan minta penjelasan.

Y.B TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker saya mendengar daripada penjelasan Y.B Sijangkang tentang jeti nelayan di Sekinchan dan di seluruh Negeri Selangor. Saya minta pandangan Y.B. EXCO tentang jeti-jeti strukturnya di mana strukturnya yang menggunakan konkrit di mana Kerajaan seolah-olahnya beri signal konkrit itu tidak dibenarkan. Jadi saya minta oleh kerana konkrit ini lebih tahan daripada kayu dan apakah pandangan Kerajaan Negeri dalam konteks ini. Sekian Terima kasih.

Y.B TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ini yang saya katakana tadi ada jeti-jeti yang sebahagian besarnya mungkin di dalam keadaan yang mungkin membahayakan mungkin semasa pembinaannya ianya agak kukuh tetapi selepas beberapa ketika ia membahayakan contohnya seperti yang berlaku di Tanjung Sepat yang roboh akhirnya Ahli Dewan Undangan dan beberapa orang juga yang terlibat di situ sudah ada keperluan pada hari ini. Jeti yang akan dibina mestilah memenuhi kepatuhan pembinaan itu sendiri dan saya kira jeti konkrit itu saya kira adalah satu kaedah ataupun satu pelaksanaan yang terbaik pada masa ini. Cuma apa yang kita nak lihat adalah sepatutnya dan pembinaannya daripada awal itu sudah mengikut peraturan ada kelulusan itu daripada Kerajaan Negeri. Kalaupun tidak tanah tol yang mungkin sifatnya bertentangan dengan pembinaan itu tetapi ada proses-proses seperti pajakan oleh Pejabat Tanah sebagainya dan supaya akhirnya manfaat terbaik kepada rakyat atau masyarakat itu sendiri dapat kita lihat sebab itu saya katakan tadi keputusan untuk kita melihat berapa banyak jeti yang akan kita bina berapa banyak kemudahan awam yang perlu di samping jeti tersedia itu keputusan

yang akan kita lihat selepas daripada kajian atau pemerhatian dan *inventory* jeti-jeti ini. Terima kasih Sekinchan.

Jadi perkara lain yang akan saya sentuhkan di sini adalah yang disentuh oleh Bukit Gasing dan juga Damansara Utama iaitu berkaitan dengan Lebuhraya KIDEX. Saya ingat 2 Lebuhraya yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya di dalam perbahasan pada kali ini adalah KLORR dan Lebuhraya KIDEX Kinrara Damansara. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kertas cadangan ini telah dibentangkan di dalam mesyuarat MTES pada 1 Februari dan telah diluluskan pada 15 Februari 2012 yang mana kertas cadangan tentang Lebuhraya ini telah diberikan kepada keputusan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri. Keputusan daripada mesyuarat Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah menimbang dan bersetuju dengan perkara-perkara seperti berikut pada dasarnya dengan cadangan projek Lebuhraya KIDEX dan jajarannya bahawa Kerajaan Negeri berpendirian seperti berikut:

1. Pensewastaan hendaklah meletakkan keutamaan dan kepentingan rakyat Malaysia amnya dan Selangor kerana ianya melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.
2. Kos hendaklah dibuat secara terbuka dan tidak diswastakan apabila projek siap maka pulangan hasil atau pun yang diswastakan atau *private revenue not the cost* dan *cost* juga perlu mengambil kira jenis *return reward* dengan izin. Dengan cadangan Kerajaan Negeri ini supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan mengambil langkah-langkah:-
 - 2.1. Perjanjian yang adil dan tidak berat sebelah iaitu tidak memihak kepada pemegang konsesi meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaannya. Memasukkan ke dalam klausa pendapatan awam iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* dalam projek ini maka lebih awal daripada tempoh konsesi tamat maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah seksyen 3 Akta Pengambilan balik tanah dibuat dan yang tepat perkara tersebut di atas guna pakai di atas Lebuhraya sedia ada atau pun yang akan dibina.

Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Ya Bukit Gasing.

Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Boleh saya tanya klausa-klausa yang dikatakan oleh Y.B. EXCO tadi adakah kita juga kita meminta mereka supaya dokumen konsesi ini tidak akan diselindung di bawah OSA supaya semua rakyat

boleh tahu dan yakin bahawa klausa-klausa ini memang ada di dalam kontrak konsesi. Negeri Selangor boleh pasti ia ada di dalam dan boleh dikuatkuasakan.

Y.B PUAN YEO BEE YIN: Minta mencelah sekali lagi. Kita nakkan perjanjian ini lepas tu kita nak pastikan lebu Raya pertama kita bina dengan perjanjian konsesinya kita tahu *before we do that* Kerajaan Negeri ada kuasa dari segi pengurusan tanah ataupun PBT untuk tangguhkan kelulusan projek ini.

Y.B TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Bukti Gasing dan Damansara Utama. Saya kira mungkin Kerajaan Negeri boleh berbuat seperti apa berkaitan dengan perjanjian OSC itu sendiri. Tetapi saya tidak tahu sejauh mana. Hatta dengan status saya agak sukar kita dapatkan maklumat daripada LLM sendiri tetapi kita sudah tentu tahu sendirinya ini antara perkara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri itu saya kira bahawa kepentingan rakyat itu tidak akan diketepikan.

Y.B. TUAN LAUN WENG SAN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAUN WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Y.B. Sijangkang tentang syarat-syarat tambahan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 kalau saya tidak silap. Apakah status terkini samada syarikat konsesi tersebut telah pun mengemukakan laporan bahawa mereka telah pun memenuhi semua syarat yang dinyatakan oleh Kerajaan atau tidak dan sekiranya bagaimana laporan itu dibentangkan samada ianya dibentangkan dengan kelulusan atau pengesahan daripada pakar-pakar perunding yang bertauliah samada mungkinkah pada masa sekarang Kerajaan Negeri mempertimbangkan *option-option* yang lain seperti apa yang dilakukan seperti 2-3 hari yang lalu di mana kami mencadangkan supaya elemen pengangkutan awam diserahkan dalam projek ini.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ok. Sebenarnya maklumat yang kita dapat projek Kinrara Damansara Expressway atau KIDEX ini sudah dalam peringkat reka bentuk oleh perunding di bawah konsesi KIDEX Sdn. Bhd. milikan syarikat ZABIMA Engeneering Contruction Sdn. Bhd. Saya juga dapat maklumat bahawa perjanjian *concession agreement* ini sudah ditandatangani dan Pihak Berkuasa Tempatan akan membawa permohonan konsesi ini akan dibentangkan kepada *ekspicy* dalam masa yang terdekat. Sudah tentulah dalam pembentangan itu akan dilihat beberapa perkara yang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi utarakan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang, Teratai minta penjelasan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin hendak tanya Yang Berhormat EXCO mengenai manifesto Pakatan Rakyat yang tidak tak hendak tol. Adakah tol akan dibina di dalam Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira di dalam projek ini sudah tentulah tol itu akan dibina. Cuma mungkin seperti mana kehendak Kerajaan Negeri atau pun kerajaan kehendak Negeri bahawa kita mahukan apabila mereka sudah mencapai projek itu *profit* perkara ini boleh *direview* balik untuk pertimbangan-pertimbangan supaya mungkin dari segi tol, tarikh tol itu sendiri dapat dikurangkan atau dipelbagaikan mungkin ini dibincangkan lagi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta mencelah soalan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, jangan bangkitkan perkara baru ya. Hanya bangkitkan soalan yang tidak dijawab dalam perbahasan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tadi belum dijawab.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Teratai dulu.

Y.B. TUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih, Tuan Speaker. Adakah ini bermakna bahawa Pakatan Rakyat akan ubah manifesto berkenaan dengan tol tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira kita akan melihat secara keseluruhan daripada projek ini, sudah tentunyalah kalau munasabah bahawa ditiadakan tol untuk projek ini mungkin kita boleh bangkitkan dalam apabila dilakukan pembentangan. Tapi, ya, saya kira mungkin ada beberapa faktor-faktor lain juga yang perlu kita pertimbangkan kerana sudah tentunyalah projek yang begitu besar ini juga memakan jumlah wang yang begitu besar dan rakyat sebagai pengguna juga harus memberikan sedikit sebanyak cuma jumlahnya mungkin kita boleh bincangkan di peringkat keputusan itu nanti.

Y.B. PUAN YEOH BEE YIN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEOH BEE YIN: Tapi sekarang, kita nak ambil tahu bagi manakah, apakah pendirian Kerajaan Negeri bahawa kita boleh gunakan kuasa kita yang kita ada dalam ambil alih tanah dan juga di PBT supaya kita mendesak Kerajaan Persekutuan untuk diklasifikasikan perjanjian konsesi. *Otherwise*, atau, *otherwise you cannot actually look at the terms*, dengan izin. So, kita hendak Kerajaan Negeri berdiri tegas untuk ini memastikan bahawa konsesi itu adalah terbuka dan kita boleh tahu terma-terma di dalam perjanjian konsesi ini.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Damansara Utama. Saya kira dalam mesyuarat pembentangan di *SPC* nanti ramai Ahli-ahli EXCO dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga berada di situ, kita boleh ada ketegasan di peringkat Negeri di dalam pelaksanaan projek yang akan, ah! Projek Kinrara Damansara Expressway ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan. Minta mencelah.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

Y.B. LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa perjanjian konsesi telah pun ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dengan syarikat kroni UMNO Barisan Nasional. Saya ingin bertanya sekiranya Kerajaan Negeri meminta sesuatu perubahan yang besar, yang asas, dan hakiki terhadap projek ini, adakah ia mungkin dilakukan pada masa sekarang. Atau pun, ia mungkin sekiranya mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan, kerana perjanjian telah pun ditandatangani. Saya ingin bertanya adakah mungkin dilakukan atau tidak. Apakah kuasa atau pun pengaruh yang ada pada Kerajaan Negeri untuk melakukan sesuatu yang lebih membela hak dan kepentingan rakyat dalam projek ini.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira berdasarkan kepada keputusan-keputusan kita untuk memberikan kelulusan bersyarat dalam *proposal* yang dibentangkan itu, kita masih lagi berpegang kepada beberapa klausa-klausa yang kita letakkan di dalam kebenaran atau pun *proposal* itu sendiri dan saya tidak pasti sebenarnya sama ada perjanjian sudah berlaku atau pun tidak, tetapi maklumat yang saya dapat *concession agreement* itu sudah berlaku dan saya kira di dalam Mesyuarat *SPC* nanti, *State Planning Committee* itu kita masih lagi ya, bertegas dengan syarat-syarat yang diputuskan dalam mesyuarat Kerajaan Negeri EXCO Kerajaan Negeri itu. Ya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Tadi saya tertarik dengan apa yang dicakap bahawa Kerajaan Negeri sedia untuk bertegas dengan *KIDEX*. Saya harap dalam mesyuarat-mesyuarat akan datang di antara *SPC* dan *KIDEX* memang kita akan berpegang teguh kepada prinsip ketelusan yang menjadi *back bone of our government*, dengan izin. Tetapi satu lagi yang tadi telah dinyatakan oleh Y.B. EXCO ialah Kerajaan Negeri belum menerima semua maklumat teknikal berkenaan dengan projek ini. Saya mungkin tertanya macam mana kita boleh beri kelulusan awal tanpa ada kajian impak trafik, kajian impak, *environmental impact assessment*,

dengan izin, *social impact assessment* dengan izin dan adakah Kerajaan Negeri sedia untuk memaksa *KIDEX* untuk membincang isu-isu ini, laporan-laporan ini dengan umum, dengan awam supaya dapat ketelusan dalam kelulusan projek dan kita boleh pastikan jajaran ini yang terbaik, dan apa perubahan yang mungkin perlu supaya dia adalah satu lebuh raya yang terbaik untuk kawasan Petaling Jaya dan Puchong.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Datuk, Puan Speaker. Saya rasa, apa yang, yang diinginkan oleh saudara-saudara dalam dewan ini serupa yang diinginkan oleh rakan-rakan EXCO, serupa. Tetapi, kita juga mahukan pembangunan di Negeri Selangor. Jadi, kita menerima prinsip bahawa pembangunan lebuh raya itu perlu tetapi dia mesti dibuat dengan penuh tertib untuk menjaga kepentingan terutama kepentingan rakyat. Itu kita terima. Itu sebab kita tidak menghalang untuk mengadakan kajian dan kelulusan. Sebab apa, untuk buat kajian dan kelulusan juga orang yang membuatnya itu terpaksa membayar untuk atau pun menggunakan dana untuk membuat kajian untuk *KIDEX*. Saya tidak tahu berapa banyak. Tetapi, untuk saya, saya pernah membuat lebuh raya di *Guthrie Expressway*. Tapi tak panjang sebanyak 30 kilometer, saya juga membelanjakan lebih daripada tujuh (7) juta untuk membuat kajian. Walau pun saya tahu mungkin kajian saya ditolak. Tetapi, oleh kerana ada kelulusan secara prinsip oleh Kerajaan Negeri, saya buat kajian tersebut. Jadi, asas pada itu. Itu sebab Kerajaan Negeri membenarkan membuat kajian. Selepas itu ada beberapa langkah-langkah yang boleh dijaga oleh Kerajaan Negeri. Antaranya kita menetapkan usaha supaya kali ini tidak ada apa yang dikatakan perjanjian yang memihak kepada *concessioner* sahaja tetapi mengambil kira bayaran untuk pengguna. Itu kita sudah masukkan ke dalam perjanjian tersebut. Sudah dilihat dalam perjanjian tersebut.

Kedua, Kita juga ada usaha secara ketelusan untuk mengadakan apa yang dipanggil *public hearing*. Itu belum berlaku lagi, sebab kita kena buat kajian betul-betul sebelum mengadakan *public hearing*. Dalam *public hearing* itu yang akan dipengerusikan oleh seorang daripada EXCO akan mengetahui siapa yang protes. Apa yang diprotes. Dia protes jalan ke, dia protes rumah dia ke, apa? Jadi, oleh sebab itu, dengan cara itu kita tahu mana keadaannya. Satu *control return*. *Control return* sudah kita ada. Itu pun kita akan buat bersama kira-kira tersebut. Kemudian, *control area*. Jadi, kalau saudara tanya kita untuk menyatakan adakah saudara tahu kesemuanya? Kita tidak tahu. Buat masa ini kita hanya mengawal dan mengawasi, supaya undang-undang atau perjanjian yang akan dibuat itu mengikut syarat-syarat yang kita kehendaki. Jadi, kepercayaan kita ialah apabila kita buka kepada rakyat, rakyat boleh melihatnya dan ada juga yang tak setuju. Ada yang tak setuju tentang lebuh raya ini, sebab perkataan lebuh raya sahaja dia sudah tak setuju. Maknanya itu tak bolehlah kita, kita, tapi kita hendak tunjukkan, bagaimana perkara ini. Tapi, soalan itu *is* dalam *the* lojiknya masih lagi *hypothetical question*. *Hypothetical question very hard to answer. Very hard. The best answer is I'll look after it. But that is a bad hypothetical question.* Itu sebab saya tak hendak anu. Ah! Jadi, jadi

apabila ini berlaku, saudara mempunyai kuasa dalam Dewan untuk membangkitkannya *when it happened*. Di Amerika perkara ini telah dibincangkan. *Right of information and all that*. Pada masa yang dia berlaku boleh jadi dia bertengkar besar. Tapi akhirnya satu keputusan yang telah dibuat. Tetapi, selepas tiga puluh tahun semua dokumen *become available*. Umpamanya sebagai contoh, perang Iraq, keputusan-keputusan itu dibuat tetapi dari segi strategi dia tidak boleh dikeluarkan kepada orang ramai. Tetapi selepas tiga puluh tahun apa yang dicakup oleh *George Bush* kepada *Tony Blair* atau pun kepada *French President* ada *documented*. Jadi, *we are tested both by the decision making and also the end result of history*. Jadi, itu sebab kita, kita Dewan mesti mengambil ah! Ah! *More what they call balance approach towards this*. Jadi, kita tidak boleh menentang sahaja. Menentang sahaja maknanya pembangunan tidak akan boleh berlaku.

Y.B. PUAN YEOH BEE YIN: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tan Sri. Kita tidak menentang pembangunan dan kita tidak menentang lebuh raya semata-mata kerana dia lebuh raya. *I think* saya sudah pun dah cakap dalam perbahasan saya tempoh hari bahawa kita tidak menentangnya sebab ia pembangunan. Tapi, kita bertanya soalan supaya kita hendak memastikan lebuh raya ini jika dibina adalah yang terbaik untuk Petaling Jaya. Saya amat berpuas hati Tan Sri kata kita akan buat *public hearing* supaya kita lebih *transparent*, telus berkenaan isu ini. Tetapi, sebelum *public hearing* dibuat supaya *public hearing* ini adalah lebih produktif dan berdasarkan fakta ah! Semua laporan-laporan dan kajian perlulah diberi kepada pihak ketiga kalau tidak umum pun kepada pihak ketiga yang boleh beri analisa *neutral* terhadap projek ini, impak projek ini ke atas jalan-jalan tempatan dan ke atas keadaan trafik di sekeliling. *I think that is very important where a lot of people asking for it Tan Sri*.

Y.B. PUAN YEOH BEE YIN: Minta, ah! Tan Sri. Kita tidak...

TUAN SPEAKER: *The last one Damansara Utama*.

Y.B. PUAN YEOH BEE YIN: Kita tidak tolak pembangunan. Kita tidak tolak lebuh raya. Tetapi kita tidak boleh membiarkan kronisma berlaku atas alasan pembangunan. Ini ah! *I think is* pendirian of Pakatan Rakyat *therefore we should use the land acquisition as our....cut. To make them disclose the concession agreement. Except, I back to defer* dengan izin, *I back to defer what you say about this thirty years only we can see the concession agreement. Then, what make us different than* Barisan Nasional kita kena berdiri tegas bahawa kita hendak tengok perjanjian, konsesi sekarang, *so not thirty years later. There is no strategy involved. There is no security that has involved dengan izin*.

Y.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker. Oleh kerana kita dah melebihi daripada itu, tapi saya hendak jelaskan *there is an example on the extreme of the example where national security come into play. National Security come into play, jadi they even, ah! State, nation like United States do not allow certain agreement for, bukan lebuhraya is nothing to do with the national security. But, I'm giving you an example. Even to that extend...*

Y.B. PUAN YEOH BEE YIN: *Therefore we should. Get them to disclose it. There is nothing to do with the national security.*

Y.B. DATO' MENTERI BESAR: *No, You see, is a question of timing. You tengah nak buat, you tengah buat. If I were to do my Guthrie Expressway, I tengah buat agreement, orang nak tanya juga apa agreement apa yang saya nak buat. And, the discussion with the Federal Government, I won't do it. Because, you will cost me. That's the reason why kita kena sampai kesatu tahap yang kita boleh sampai dan boleh kita boleh berjumpa dengan the public hearing to some level of understanding. That's the reason why that we have to give them time. Saya beri contoh saudara tengok, dalam Dewan ini saya berbincang pasal persetujuan untuk penyusunan semual air. Belum apa-apa tak boleh. Tak boleh, tak boleh, tak bolehlah berbincang. Yang belum apa-apa tak boleh. Macam mana saya nak berbincang. Tapi kalau saya dah dapat macam itu, dapat ada beza, ada perbezaan umpamanya sebagainya perbezaan jalan itu tidak boleh, this is a hypothetical, masuk Section 16 but it can go to Section 17 as option. That can be discussed. That can be discussed. And or, dia naik lepas tu melalui atas masjid, ah! Tak boleh. That can be discussed. I'm not saying I know how it is.*

Tapi, itu apabila kita sampai kesatu tahap, jadi oleh sebab itu itulah di tubuhkan Jawatankuasa Perancangan. Jawatankuasa Perancangan yang terdiri daripada JKR, Perancang Bandar dan Desa, dan Pejabat Tanah, dia melihat kesemuanya ini dan didapati munasabah baru boleh dipersembahkan. Itu pun *the chances is there the risk of not is there* tapi kalau nak minta *agreement* sampai dulu belum apa-apa lagi cerita *no body will do it ya.*

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: *But Tan Sri will this this closure be before the approval is given by the State? Ataupun kita akan bagi kelulusan sebelum diluluskan?*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *You have, there are a certain level of an approval they called it agreement in principal. Agreement in principal is an agreement* maknanya macam *agreement* saudara, saya tak menghalang lebuhraya tetapi dia mesti lulus apa tu apa yang dipanggil *the must* lulus *the kehendak our aaa* arrr bukan saja tak nak tapi alam sekitar nak lulus dekat situ, *traffic kajian study so that is a series of jadi agreement in principal but you must pass all this.* Jadi saya kata kita setuju. Saya takkanlah kita kata tak setuju? *That is a basic how we do it.*

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kita bincang sama-sama

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya, soalan saya ialah tadi saya telah pun menyatakan soalan ni tapi saya nak tanya secara *specific* pada tahap sekarang adakah mungkin Kerajaan Negeri menyerap atau pun menambah satu lagi syarat kepada konsesi atau pun MOM atau pun Kerajaan Persekutuan untuk kaji selain daripada buat lebuhraya adakah mungkin elemen pengangkutan awam sama ada LRT, Monorel, BRT dikaji dan diserap dalam projek ini supaya projek ini akan menjadi lebih komprehensif untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di LDP asas kepada KIDEX *is to reduce the traffic congestion along LDP. And In that plan LDP that they didn't plan it together with the proper transportation of elements.*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker. Jawapan ini adalah berasaskan pada *the practicality of the situation*. Kajian mengenai kehendak *transportation requirement or transportation plan for 2050 to twen..* memakan masa. Adakalanya sepuluh tahun. Jadi oleh kerana sebab itu dia punya cara ialah apa yang perlu boleh dibuat dengan tidak merosakkan cadangan ini saya sebagai orang yang agak lama dalam *the strategic planning* saya tidak lihat kita boleh buat satu rancangan yang *very definite* sebagai contoh saya lihat, saya buat kajian '*The City of London*' saya baca buku mengenai *city 'The Planning of the City of London'*, dia maknanya tiap-tiap tiga tahun dia tukar *plan* bukan *City of London* so seberapa pandai pun orang, tengok daripada itu sebab masa perbincangan oleh Bandaraya Shah Alam, selepas habis sahaja pendengaran awam saudara boleh bertanya daripada EXCO daripada Cempaka kita kena ubah balik *because of the current demand situation*. Bukan maknanya kita tak nak, *because of the current demand of situation*. Jadi oleh sebab itu kita menerima hakikat perancangan kita mesti betul teratur tetapi *its not going to be hundred percent definite. Even the best of Kuala Lumpur Kuala Lumpur*, kalau saudara dapat *membaca the planning of Kuala Lumpur prior to Twin Tower post to the Twin Tower* dalam masa dua tahun selepas *Twin Tower the hall plan been revise totally*. Jadi jawapan saya tak ada satu rancangan yang *definite* tapi untuk kita, kita terima. Umpamanya sebagai contoh saudara akan bertanya kepada saya adakah MRT ini *is a definite thing?* kita belum tahu. Kita belum tahu. Dan LRT *is it definite thing?* Pada awal lagi kalau kita baca dalam *handsard*, ramai Ahli Parlimen menentang LRT, ramai. Termasuk boleh jadi kerajaan akan bankrupt kalau baca dia punya *report*. Tapi selepas dah ada MRT dia akan bangkit dalam Parlimen kenapa tiada LRT di kawasan saya? Ah itu bezanya. *That's it. That's mean we must accept that. That is, that's why my argument* is kita sebagai Ahli Dewan *we have look at it. And we cannot run from our principal but we must accept, we are going to be part of that decision making.*

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: *I think* Tan Sri, kita terima pembangunan, *I think* tak ada, ah tak ada penentangan terhadap pembangunan di sini so isunya bukan kita tentang pembangunan atau pun kita nak pembangunan isunya *is* cara kita buat pembangunan tersebut, kalau kita lihat yang lepas iaitu LRT contohnya. Banyak *station* LRT hari ini tak ada orang tak ada banyak penumpang sebab *design* yang kurang baik so bila kita buat perancangan saya harap kita buat yang terbaik untuk Petaling Jaya *specifically* untuk KIDEX *highway* tetapi secara amnya kita ada enam lebuhraya kita ada dua MRT lain yang bakal diluluskan nanti. Saya harap dalam projek-projek infrastruktur yang berbilion-bilion ringgit ini. Inilah yang kita harap yang terbaik untuk semua penduduk di negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama, *final, final, final.*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *Final one, final one.* Erm Tan Sri, Dato' Menteri Besar yang ini mungkin tak kita masuk ini sebagai satu syarat seperti apa yang Dato' Menteri Besar kata tadi kata *maybe this is time sensitive disclose the agreement* tetapi di dalam syarat itu kita boleh *we can specified at which time* pada masa tertentu perjanjian konsesi perlu diklasifikasikan boleh tak? Masuk dalam syarat KIDEX supaya kita boleh *make sure that* kita tahu, tapi sebelum kita buat kelulusan kita sudah klausa-klausa sebagai Kerajaan Negeri tahu tetapi pada masa yang tertentu kita diklasifikasikan perjanjian ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebenarnya perjanjian ini pada penelitian saya tidak akan menjadi *secret document* sebab ia akan digunakan untuk mengapungkan pinjaman. *So its is not going to be a secret document* tapi *it will be a limited use.* Jadi oleh kerana kita ada kepentingan kita boleh melihatnya sebab saya tahu sebab proses itu dibuat supaya untuk mencari modal untuk membuat projek ini dia kena mempamerkan dokumen-dokumen untuk kajian *investment banker* dan juga *security commission.* Jadi kita boleh terima itu, sebagai asas tapi apabila kita mahu besok kita akan minta *this security commission to allow the document to be given to for the Dewan to for not for public use for specific use,* boleh?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *By then, we have lost our ...*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Not yet.* Sebab itu saya kata, *not yet because the public hearing will be subsequent to that.*

TUAN SPEAKER: Baiklah saya jemput Yang Berhormat Si Jangkang untuk meneruskan pengulas. Saya bagi lima minit lagi.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Dua minit saja. Untuk yang terakhir adalah projek Lebuhraya KLORR yang saya kira sama juga sensitivitinya perbahasan juga sama cuma saya nak maklumkan status projek Lebuhraya KLORR ini projek ini adalah ditangguhkan sementara kerana *condition president*

yang disyaratkan dalam perjanjian konsesi masih belum dapat dipenuhi oleh syarikat konsesi kerana pada masa ini dapat proses *public inquiry* atau penyiasatan awam sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri sebagai prasyarat bagiewartakan Rizab Hutan Simpan yang terlibat, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Puan Speaker, ada satu isu yang masih, saya bangkitkan dalam perbahasan yang masih belum dijawab. Ini yang berkenaan KIDEX tapi isu yang lain berkenaan lot-lot tanah yang dibeku. Ada tiga ribu lebih lot tanah yang telah dibeku disebabkan KIDEX pun telah mengumumkan hanya tiga ratus lot yang terlibat tapi kita tidak tahu tiga ratus yang mana? Dan ramai yang tertanya. Jadi macam mana kita boleh membantu dalam keadaan ini sebab orang tidak tahu sama ada mereka boleh membaik, nak melaburkan duit untuk membaiki rumah dan sebagainya pada masa ini.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Bukit Gasing. Yang ada pada saya *Land Aquisition* yang terlibat adalah sekitar dua ratus tujuh puluh satu (271) lot yang terlibat dan seratus tiga puluh lima (135) adalah *residential* enam puluh tiga (63) adalah *commercial*, *Industrial* adalah empat puluh empat (44) dan *development plan* dua puluh sembilan (29), dan saya kira ini juga mungkin akan dibentangkan di dalam pemetakan di SPC nanti.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tapi persoalan pokoknya yang bakinya, tiga ribu lebih yang bakinya boleh tak dibebaskan supaya mereka tahu dan mereka boleh teruskan kehidupan mereka. *This is people houses, their life.*

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Secara detailnya saya tidak dapat memberikan maklumat itu tapi saya kira mungkin kalau ada maklumat selepas ini kita akan sampaikan kepada mereka asing, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan dan persoalan yang telah ditimbulkan oleh ahli-ahli di Dewan yang mulia ini terutamanya Yang Berhormat Templer, Taman Templer, Yang Berhormat Hulu Kelang, Yang Berhormat Gombak Setia, Yang Berhormat Batu Cave dan juga Yang Berhormat Dengkil. Tuan Speaker, YB Taman Templer telah menyatakan isu-isu rumah ibadah bukan Islam yang telah lama diwarisi dari zaman BN. Yang melibatkan keadaan rumah ibadah bukan Islam tidak dapat kelulusan atau yang menjadi masalah pengawalan kewujudan sesuatu rumah ibadat bukan Islam. Rumah ibadat bukan Islam yang telah didirikan tanpa kawalan telah mengundang kepada kekhawatiran dari dua pihak. Iaitu satu pihak orang-orang Islam yang tersepit dengan kewujudan rumah ibadat bukan Islam di kawasan perumahan tanpa kawalan dan daripada pihak yang lain pula orang bukan Islam beranggapan bahawa agama mereka tidak dibela dan telah dikhianati dengan

agenda-agenda diskriminasi kerajaan yang terdahulu. Maka pembinaan rumah ibadat bukan Islam khususnya daripada kaum Hindu dan.... telah terpaksa mahupun dipaksa diwujudkan tanpa kebenaran sebelum ini juga dari pihak agama Kristian dan Buddha juga terpaksa melakukan aktiviti keagamaan mereka di bangunan yang tidak mempunyai kelulusan yang penuh. Walau bagaimanapun selepas PKR menjadi kerajaan kita telah berjaya menyelesaikan banyak isu-isu tapak rumah ibadat bukan Islam. Kerajaan Negeri juga telah memastikan setiap pembangunan seratus ekar lebih peruntukan tapak untuk rumah ibadat bukan Islam di peruntukan. Namun masih terdapat banyak rumah ibadat bukan Islam yang tidak dapat dipertimbangkan akibat tapak yang tidak sesuai dan atau perlu dipindahkan. Namun penguatkuasaan terhadap rumah ibadat bukan Islam tanpa kelulusan adalah sangat sensitif maka kerajaan negeri telah meluluskan garis panduan tatacara penguatkuasaan ke atas rumah ibadat bukan Islam tanpa kelulusan pada 5 Februari 2014 di MMKN di mana garis panduan ini berkuatkuasa pada 1 Februari 2014. Garis panduan ini disediakan untuk menerangkan kaedah tatacara penguatkuasaan ke atas rumah ibadat bukan Islam atau tempat penyembahan yang dibina tanpa kebenaran.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kota Alam Shah, Tanjung Sepat minta penjelasan.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Kota Alam Shah tadi ada menjelaskan tentang banyak rumah ibadat-rumah bukan Islam ini telah dapat diselesaikan berapakah jumlah yang telah diselesaikan?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tanjung Sepat tadi, *off hand* saya tidak ada *detail* sekarang mungkin saya boleh panjangkan secara bertulis nanti, saya *carry on*. Tuan Speaker, garis panduan ini menerangkan tindakan sebelum, semasa dan selepas tindakan penubuhan yang perlu dipatuhi oleh semua PBT, Pejabat Tanah sebelum penubuhan dilakukan. Walau bagaimanapun semua tindakan penubuhan perlulah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa rumah ibadat bukan Islam dan MMKN Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum tindakan penubuhan dilakukan. Tuan Speaker, saya terharu dengan keprihatinan daripada Y.B. Gombak Setia yang telah mencadangkan perlunya satu organisasi diwujudkan yang mana fungsinya seperti zakat untuk orang-orang bukan Islam di Selangor. Saya juga ingin memberitahu di Dewan Yang Mulia Ini bahawa Y.B. Kota Anggerik juga telah menanyakan dalam soalan berkenaan pentingnya organisasi seumpama zakat diwujudkan untuk orang-orang bukan Islam akan dapat menjaga kepentingan dan kebajikan mereka seperti mana orang Islam melalui zakat. Kerajaan Negeri juga ambil maklum cadangan sebelum ini dari Y.B. Hulu Kelang agar organisasi *undo endowment board* seperti di Pulau Pinang perlu diwujudkan untuk menjaga kebajikan kaum minoriti terutama Hindu di Penggal Persidangan DUN yang lalu.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kota Alam Shah, Taman Templer minta mencelah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Kota Alam Shah mohon penjelasan. Difahamkan jumlah dari tahun 2008 hingga 2014 dengan kebenaran 142, tanpa kebenaran selepas atau pun dari tahun 2008 hingga 2014 berjumlah 1,231 jumlah yang sangat banyak. Jadi apakah langkah di peringkat Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini yang saya bangkitkan dalam Perbahasan. Isu ini sebab sebuah Kerajaan perlu ditandatangani kalau tidak dia akan makin banyak tidak dapat diselesaikan dan menimbulkan keadaan yang tidak harmoni di peringkat bawah. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Taman Templer. Sebenarnya 1,231 rumah ibadat bukan Islam bukan dibina selepas 2008. Ia adalah dianggap sebagai tempat ibadat bukan Islam tanpa kelulusan ya itu kena difahami dulu. Seperti yang saya maksud telah saya beritahu tadi bahawa kita ada garis panduan telah diluluskan supaya untuk penguatkuasaan yang lebih baik, lebih cekap dengan mengambil kira sensitiviti setiap kaum dan ia akan dibawa setiap kali ke Jawatankuasa rumah ibadat bukan Islam di mana kita akan membuat keputusan melalui ke siasatan yang telah di bawa oleh Agensi-agensi Teknikal seperti PBT dan juga Pejabat Tanah dan keputusan ini perlu di bawa ke MMKN jika penubuhan. So dengan keputusan garis panduan telah dibuat pada berkuat kuasa mulai 1.2.2014 kita sudah ada panduan bagaimana penguatkuasaan perlu berlaku apabila kita tidak dapat meluluskan juga. Ya ada juga memindahkan tempat-tempat yang tak dapat diberi kelulusan pada tapak yang lebih sesuai, itu yang tadi saya beritahu.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Mana kata yang 1,231 itu kalau mengikut jawapan yang bertulis ini adalah tanpa kebenaran dari tahun 2008 hingga 2014 tanpa kebenaran 2008 sahaja ada 127 dan 2014 ada 21 yang kata tak ada kebenaran. Mahu penjelasan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Saya minta maaf kepada Taman Templer sekiranya jawapan begitu, sebenarnya saya rasa jawapan yang disediakan oleh Jawatankuasa rumah ibarat bukan Islam itu adalah sebenarnya. Rumah-rumah ibarat yang tanpa kelulusan sebelum, sehingga hari ini berapa yang jumlahnya sehingga tarikh hari ini. Saya kembali kepada Tuan Speaker, saya kembali kepada Yang Berhormat Gombak Setia dan juga Yang Berhormat Hulu Kelang yang menanyakan tentang organisasi seperti zakat. Adalah janji saya dengan sokongan dan dokongan YB-YB dari Pakatan Rakyat, cadangan ini akan saya bawakan ke MMKN untuk dibincang, pandangan, cadangan dan kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Sebagai kita maklum bahawa Hindu *and Endowment Board* wujud di Pulau Pinang dan Singapura dan Melaka pada seketika ditubuhkan oleh *British* pada era *Colonial* jadi adakah Y.B. akan mengambil kira perubahan zaman yang sudah berlaku *reason* dan sebab-sebab perlu dilaksanakan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Memang saya ada buat kajian saya sendiri kenapa organisasi seumpama itu telah diwujudkan di Pulau Pinang atau pun di kawasan lain di mana pada seketika itu banyak juga harta telah ditulis diwarisi oleh kuil-kuil dan Kerajaan pada masa itu *after* dengan izin *World War 1, 2nd World War* dan juga bila orang-orang Ceti yang kebanyakan harta atas mereka yang meninggalkan mereka nak kawalan ke atas yang kuil-kuil yang mempunyai harta yang banyak ini. Tapi dalam masa sekarang perlu ambil kira *sensitivity of* semua kaum. Kita kena ambil juga keagamaan keperluannya sebelum sesuatu itu dibawa sebagai organisasi badan berkanun bukan mudah kita nak buat sesuatu begitu. Itu saya kata tadi akan membawa kertas-kertas ini bukan saya nak jadi popular, kita lihat populis dengan kita akan buat lebih baik kita bawa bincang dengan sokongan dan dokongan daripada semua Pakatan Rakyat YB-YB dan ke MMKN agar ia dapat dipertimbangkan dengan keadaan yang semasa. Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kg Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sebenarnya isu ini telah pun dibangkitkan oleh ADUN Kota Damansara yang lalu pada tahun 2008 iaitu wujudnya satu Badan untuk pancing kaum bukan Muslim. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada ini mungkin *thinking allow* bukan sahaja kita tubuhkan Hindu *Endowment* tapi kita perluaskan skop dia menjadikan ianya satu *Endowment Board* yang khususkan untuk golongan kaum bukan Muslim di Negeri Selangor ini supaya skop akan diperluaskan kepada bukan Muslim termasuk Hindu dan Buddha dan sebagainya.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Kg Tunku. Tuan Speaker, Kg Tunku juga pernah mewujudkan mempersoalkan atau memberi cadangan sewaktu bajet yang lalu. Ya, dalam perbincangan bajet bahawa perlunya satu organisasi yang seumpama zakat bagi kaum bukan Muslim. Ya di mana di Dewan Mulia Ini kita juga dengarkan daripada Gombak Setia dan juga daripada Kota Anggerik yang sama seumpamanya itu. Ada masa untuk Kerajaan Negeri memikirkan cara-cara bagaimana kita boleh mengadakan menubuhkan satu organisasi membantu ya orang-orang bukan Muslim dengan cara bagaimana kebajikan orang-orang Islam dijaga melalui zakat. Saya sebenarnya amat

menyokong cadang-cadang tetapi perlu dibawa ke MMKN dan juga saya perlukan semua pihak saya rasa saya boleh *continued*.

TUAN SPEAKER: Teruskan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, Yang Berhormat Batu Caves telah mencadangkan agar Kolej INPENS dinaiktarafkan dan di perbesarkan fungsinya dalam membantu belia-belia yang tercicir dalam SPM. Sukanya saya di sini memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jutaan ringgit dalam memperbaiki fasiliti, kemudahan dan keperluan semasa bagi Kolej INPENS. Dalam pada itu Kerajaan Negeri juga telah sarankan kepada Kolej INPENS dalam mengadakan kursus-kursus baru seperti *plumbing*, elektrik untuk memenuhi pasaran pekerja semasa. Tuan Speaker sebenarnya saya terkejut mendengar hujahan daripada Yang Berhormat Dengkil bahawa Kerajaan Pusat telah memperuntukkan RM48 juta untuk membina rumah bagi penghuni rumah flat Taman Permata. Perlu diberitahu di Dewan Yang Mulia Ini bahawa penghuni-penghuni yang dimaksudkan tadi adalah sebenar bekas pekerja-pekerja ladang dari Ladang Perang Besar, Medini, Gelori dan mana tempat menjadi Putrajaya di mana pihak Putrajaya telah memindahkan mereka ini ke Flat Taman Permata yang dijanjikan sebagai Transit Home bagi mengaburi pekerja-pekerja ladang dalam membina Mahligai Idaman orang-orang BN di Putrajaya. Apabila isu pembinaan pekerja ladang ini dapat perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri dari Pakatan Rakyat dan ada protes sejurus selepas ada keretakan di flat permata protes besar-besaran di besar-besaran di Putrajaya akhirnya pihak Putrajaya telah membalas surat Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Negeri dari dulu telah komited untuk memberi tanah untuk pembinaan rumah teres untuk pembinaan perumahan itu. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri pada 10.7.2013 telah bersetuju meluluskan secara dasar berhubung keperluan pihak Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti dan membuat pengambilan tanah tertakluk kepada persetujuan pihak Kerajaan Persekutuan membiayai kos pembangunan. Kerajaan Negeri pada 17.7.2013 telah memaklumkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara (JPN) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang persetujuan pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk membuat pengambilan tanah di atas satu tapak yang akan dikenal pasti tertakluk sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan bersedia dan bersetuju untuk membiayai kos pembinaan bangunan rumah teres kos rendah tersebut. Sehubungan itu satu tapak telah dikenal pasti iaitu di atas sebahagian lot 5375 seluas lebih kurang 30 ekar yang terletak di Ampang Tenang milik Syarikat Sime Darby, Ampang Tenang Sdn Bhd. dengan anggaran nilai awal berjumlah RM13,354,528 dan telah dimaklumkan secara bertulis kepada pihak Jabatan Perumahan Negara pada 23.10.2013. Proses pengambilan akan dimulakan sejurus pihak JPN memaklumkan persetujuan tapak tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri. Kos pengambilan tanah akan ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri tertakluk Kerajaan Persekutuan bersedia dan bersetuju untuk membiayai kos pembangunan projek pembinaan 400 unit rumah teres rendah setingkat untuk ditawarkan kepada penghuni flat Taman Permata Dengkil. KPKT

hanya pada 16.1.2014 memaklumkan kepada Kerajaan Negeri bahawa dengan syarat-syarat tertentu untuk membina rumah-rumah untuk bekas pekerja ladang ini tanpa mengesahkan komitmen mereka yang diminta oleh Kerajaan Negeri dari awal iaitu kos pembinaan rumah teres bagi pekerja ladang tersebut di tanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri juga telah menulis kepada KPKT akan komitmen dan ulasan bagi cadangan KPKT pada 3.2.2014. Beberapa siri Mesyuarat telah dibuat di antara Kerajaan Negeri di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri, UPEN Selangor bersama pihak Jabatan Perumahan Negara dan melalui Mesyuarat Pelarasan pada 1.4.2014 iaitu baru-baru bulan ini UPEN telah memohon agar pihak JPN dapat mengemukakan pengesahan kelulusan pelaksanaan projek tersebut bagi membolehkan pihak Kerajaan Negeri membuat proses pengambilan tanah dengan segera. Namun tiada balasan secara bertulis daripada KP-KT sehingga hari ini. Tuan Speaker akhir kata dari sehubungan kes bekas pekerja ladang dari Putrajaya ini di Dewan Yang Mulia Ini kita telah dengarkan dengan pantun dalam Bahasa Melayu dan pepatah dalam Bahasa Cina saya percaya adalah tidak sempurna sekiranya tidak timbul pepatah dalam Bahasa Tamil dengan izin

Dari buku falsafah termasyhur (**Tamil**)
Maknanya seseorang yang berpengetahuan sebenarnya
Akan mempunyai mata yang cerah untuk dapat melihat
Dan mengetahui isu-isunya yang sebenar dengan mudah
Akan tetapi jika seseorang itu tidak mempunyai pengetahuan
Mahu pun sentiasa mendedahkan isu sebenar seperti di lamun
Syndrom defensive walau pun mempunyai mata kegelapan
Akan mengaburi mata selama-lamanya.

Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kota Alam Shah saya benarkan Dengkil untuk dapatkan penjelasan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih di atas pantun ini. Pantun daripada falsafah daripada Yang Berhormat EXCO tadi. Saya percaya dalam falsafah itu kita antaranya ialah kita nak menyelesaikan masalah rakyat dan saya mengulangi lagi persoalan saya yang saya timbulkan sejak sidang Dewan yang lepas. Sekarang ini saya dah dapat jawapan. Saya difahamkan surat pun saya dah baca. Difahamkan KPKT dah bersetuju untuk membina rumah mampu milik untuk bekas pekerja ladang 400 rumah semuanya. So sekarang ini kalau kita nak menyelesaikan masalah rakyat kita tak payah lagi berdolak-dalik dalam isu ini. Kalau kita saya nak tahu penduduk rakyat Taman Permata nak tahu bila proses pengambilan tanah ini boleh diselesaikan sebab seperti yang saya sebutkan tadi rundingan dengan pihak Kerajaan Persekutuan Kerajaan Negeri kita boleh teruskan tetapi secara dasarnya Kerajaan Persekutuan dah bagi kelulusan so

kalau boleh Yang Berhormat EXCO jawab berapa lama selalu proses pengambilan tanah ini? 3 bulan, 6 bulan, 1 tahun supaya saya boleh balik ke kawasan dan beritahu penduduk bahawasanya projek ini hanya akan berjalan 3 bulan lagi, hanya akan berjalan tahun depan atau pun 2 tahun lagi. Itu yang saya nak jawapan saya Yang Berhormat EXCO terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Dengkil ke atas keprihatinan anda kepada bekas pekerja ladang ini. Tuan Speaker saya telah memaklumkan tadi dengan jelas bahawa sehingga hari ini tidak ada secara bertulis mahu pun komitmen dari KPKT. Walaupun Yang Berhormat Dengkil mengulang kali memberitahu di sini kami secara bertulis tak pernah diterima oleh Kerajaan Negeri. Dalam pada itu juga saya telah memberitahu juga komitmen Kerajaan Negeri menyatakan tapak yang sesuai dan juga kita memperuntukkan peruntukan RM13 juta untuk pengambilan tanah ini. Sekiranya kami terima surat hari ini kemungkinan yang dalam masa jangka pendek yang diharapkan adalah lebih kurang 3 hingga 6 bulan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya ada surat salinan surat 10.2.2014 kepada Kerajaan Negeri. Saya bacakan sedikit surat yang mana Kerajaan Persekutuan melalui KP-KT secara dasarnya bersetuju melaksanakan pembinaan 400 unit rumah teres kos rendah setingkat di atas tapak baru yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Rumah-rumah ini untuk bekas pekerja ladang. Surat ini sudah bagi tadi saya cakap tadi mungkin rundingan boleh diteruskan Cuma kalau boleh, kalau boleh proses pengambilan tanah perlu ada kata putus muktamad. Kalau 3 bulan okey, kalau Yang Berhormat EXCO kata tadi saya akan balik bagi tahu penduduk 3 bulan lagi proses *Land Acquisition* akan selesai. Kalau 6 bulan kata 6 bulan atau pun dia akan mengambil masa yang lebih lama lagi.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sg Burong kena mencela Kota Alam Shah bukan mencela Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kalau boleh saya nak tukar sedikit fasal surat itu dihantar kepada siapa supaya jelas, hantar kepada siapa?

TUAN SPEAKER: Surat itu Kota Alam Shah terima.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Surat itu dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Negeri ya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Seperti yang saya katakan tadi, seperti dalam penggulungan saya, saya telah menyatakan pun surat itu adalah dengan syarat-syarat banyak bersyarat di situ, ya tolong, tolong... tolong dengar itu bukan persetujuan sebenarnya bila syarat. Saya juga telah menyatakan tadi kami Kerajaan Negeri telah bersedia dengan ada kata putus dan juga saya telah

menyatakan tadi ada RM48 juta yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Dengkil tak pernah wujud pun dalam mana-mana hal ini. So, lagi satu memang baru 1.4.2014 iaitu 10 hari yang lalu UPEN telah berjumpa dengan KPKT ada dapat ada buat perbincangan yang lalu tidak juga dimaklumkan tentang hal-hal secara bertulis yang belum ada lagi. Namun demikian adalah keputusan Kerajaan sekiranya ada bertulis secara bertulis surat daripada KPKT. Kemungkinan saya telah kata masih ada masa pendek paling pendek mungkin 3 bulan hingga 6 bulan kemungkinan di sini perlu diingatkan tanah bila pengambilan tanah mesti melalui sebab ini *private ownership* ya kita perlu melalui kita perlu menulis Pejabat Daerah Tanah yang akan membuat pengambilan. Kemungkinan ada bantahan ya nilai nanti dan daripada itu tanah itu perlu diserahkan kepada Kerajaan Pusat, ia perlu menjadi Kerajaan Negeri dulu tanah itu milik Kerajaan Negeri so di sini ada *detail* atau pun proses yang amat sukar. Namun demikian saya telah Kerajaan Negeri telah komited untuk membuat secara segera seberapa segera yang boleh. Daripada Dengkil memberitahu di sini boleh memberitahu kepada KPKT supaya hantar surat daripada apa yang telah dibincangkan 1.4.2014 secara jelas kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sedikit lagi, terima kasih di atas...

TUAN SPEAKER: Tanya soalan jangan bagi ceramah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ya, okey, okey terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya sebenarnya mengikut falsafah Yang Berhormat EXCO bagi tahu tadi. Soalan saya ialah nak menyelesaikan masalah rakyat. Mula-mula tadi Yang Berhormat EXCO kata tak ada surat. Saya kata saya tunjukkan surat, kemudian saya nak minta jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Menteri Besar dalam hal ini atas kepakaran Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Hal Ehwal Tanah *Land Acquisition* ini boleh tak bagi saya keputusan yang jelas, muktamad bila kah selalunya proses *Land Acquisition* ini dapat diselesaikan untuk kita menyelesaikan masalah ini.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kota Alam Shah sudah jawab tadi 3 hingga 6 bulan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya nak kepastian, saya nak kepastian daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Kalau saya balik kata 6 bulan lagi *Land Acquisition* selesai adakah itu akan menjadi satu janji atau pun jaminan daripada Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Tunggu, tunggu pengumuman daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar nanti.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Boleh ya Y.A.B. Dato' okey terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Dengkil, terima kasih Tuan Speaker. Tadi saya tak pernah menyatakan tak ada surat, saya kata surat-surat memang ada pada KPKT dengan bersyarat ya dan mereka tidak memaklumkan dengan komitmen mereka dengan secara jelas dan memang setiap kali ada rundingan bersama dengan UPEN dengan KP-KT tidak ada secara bertulis komitmen daripada Kerajaan Persekutuan itu yang diungkit dan juga kami Kerajaan Negeri saya perlu diulas balik ulang-ulang balik sekali lagi tak terima surat secara bertulis komitmen Kerajaan Persekutuan. Dengan itu saya menghabiskan penggulungan saya. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker. Morib telah bangkit tentang beberapa projek untuk menaik taraf di Kawasan DUN YB, untuk makluman Y.B. Morib, UPEN telah meluluskan pada tahun ini secara dasar tambahan kepada cadangan menaik taraf kemudahan infrastruktur awam di Pantai Morib khasnya iaitu menggantikan 10 unit pondok wakaf dan membina laluan pejalan kaki sepanjang 300 meter. Selain daripada itu, UPEN juga secara dasar telah luluskan projek untuk menaikkan 49 papan tanda pelancongan di kawasan Majlis Daerah Kuala Langat. Yang Berhormat Balakong telah syorkan Kerajaan Negeri untuk melihat sistem penuaian sistem hujan di negeri ini sebagai antara langkah untuk mengatasi masalah bekalan air. Untuk makluman Y.B. Balakong sistem penuaian air hujan spa di semua peringkat terutama PBT sebenarnya kita ada satu dasar. Kerajaan Negeri melalui PBT telah mewajibkan setiap permohonan pelan pembangunan yang dikemukakan bagi rumah sesebuah berkembar dan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 meter persegi mengadakan sistem pen air hujan pada pelan dan bangunan tersebut selaras dengan pewartaan pindaan Undang-undang Kecil Bangunan seragam Selangor 2012. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga sedang membina satu sistem piawaian air hujan di perkarangan Bangunan SUK bertujuan untuk menjadi satu contoh kepada semua Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor dan dua untuk mengelakkan penggunaan air terawat untuk kerja-kerja pembersihan, penyiraman bunga dan dengan izin *toilet flushing* dan seterusnya menjimatkan dan mengurangkan penggunaan dan perbelanjaan bil air yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Ada beberapa projek perintis yang telah dijalankan ya...

TUAN SPEAKER: Kg Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih YB. Saya ingin bertanya isu tentang *rain water harvesting* ini memang bagus tapi saya rasa ada banyak opsyen

yang perlu lagi kita terokai oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan mempunyai satu pasukan khas selain daripada melihat *rain water* apakah cara lain yang kita boleh pakai untuk membekalkan lebih banyak air mentah ke loji-loji rawatan. Dulu saya ingat kita pernah cakap tentang penggunaan [..tak jelas..] jadi apa telah berlaku kepada opsyen ini?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kg Tunku Cuma saya sedang menjawab apa yang dicadangkan atau pun dikemukakan oleh Y.B. Balakong tentang alternatif kepada sumber air saya rasa soalan tersebut adalah lebih sesuai untuk EXCO Infrastruktur berjawab. Mungkin ini boleh dibangkitkan semula semasa Perbahasan yang akan datang. Jadi ada beberapa Projek Perintis seperti yang dijalankan di MPPJ seperti di Dewan Damansara Jaya *Resident Association* dan juga satu yang baru-baru ini dijalankan di Apartmen Idaman Damansara Damai di mana sistem penuaian sistem air hujan dibuat dengan subsidi atau pun bantuan dari MPPJ. Projek-projek seperti ini selaras dengan Pelan Tindakan kejiranan hijau.

Y.B. TUAN NG TIAN CHEE: Ya Yang Berhormat EXCO Balakong mendapat pengesahan adakah? Dasar yang disebutkan tadi dasar untuk pemaju membina *Rain Water* selaras di peringkat semua negeri iaitu dua belas (12) PBT ini menggunakan dasar tersebut dan sekiranya ia bagaimanakah? Pelaksanaannya sehingga sekarang. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima Kasih, Balakong, seperti yang saya telah sebut dari awal ianya adalah selaras dengan pewartaan pindaan undang-undang kecil bangunan seragam Selangor 2012, so maksudnya semua PBT harus melaksanakan dasar tersebut dan selain daripada itu pelan tindakan kejiranan hijau yang telah diwartakan juga di implementasikan di peringkat semua oleh PBT ini telah di bincang dan dipersetujui di jawatankuasa tetap alam sekitar supaya sistem penuaian air hujan diguna pakai oleh bangunan-bangunan kerajaan dan juga bangunan-bangunan atau kawasan perumahan hasil yang baru. Berapa lama ataupun apakah *time frame* yang perlu dilaksanakan khasnya secara *retro actively*. Ini kita serah kepada PBT-PBT untuk melaksanakannya khasnya untuk bangunan-bangunan lama.

Jadi ini antara yang telah untuk menggalakkan sistem penuaian air hujan ataupun *rain water*...Cuma juga saya ingin menekankan bahawa kalau kita seperti yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku, ia kita perlu cari sumber air yang alternatif termasuk *rain water harvesting* HORAS tetapi kita juga perlu tumpukan fokus kita selepas penstrukturan semula aset-aset air di Negeri Selangor untuk mengurangkan dengan izin *non-revenue water* yang sampai hari ini masih 35%. So itu adalah satu fokus di mana kita telah menekankan semasa MOU itu dibentangkan kepada media. Yang Berhormat Teluk Datuk, ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sebenarnya Yang Berhormat EXCO jangan silap faham, tujuan saya membangkitkan isu ini ialah saya meminta kerajaan supaya memperjelaskan perkara ini kepada orang luar kerana ramai orang yang salah faham dia ingat Kerajaan Negeri Selangor ini mengenakan catuan air sesuka hati. Dan dia cuba membuat perbandingan dengan Singapura, pada hal Singapura sebenarnya mengambil sumber atau pengurusan air yang lebih baik dan lebih cekap daripada Negeri Selangor. Jadi saya rasa perkara ini perlu diperjelaskan supaya orang sama ada yang saya tidak tahu, tahu atau tidak tahu dia betul-betul tahu tentang situasi yang sebenarnya di Negeri Selangor dan di Malaysia ini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya akan beri peluang tersebut kepada EXCO yang berkenaan khususnya yang menjaga infrastruktur dan juga sumber air di Negeri Selangor. Saya teruskan ya Kampung Tunku, ke Teluk Datuk dari Kampung Tunku ke Teluk Datuk. YB telah membangkitkan penutupan Ampang *Look out Point* dan untuk makluman Yang Berhormat *e-look* atau Ampang *Look out Point* tidak akan dibuka semula memandangkan hampir keseluruhan kawasan tersebut adalah tidak selamat untuk sebarang aktiviti dijalankan kerana struktur tanah yang tidak selamat. Ini adalah berdasarkan keputusan kajian cerun telah dijalankan oleh pihak IKRAM. Dan kerajaan negeri telah memutuskan, untuk memulangkan Ampang *Look out Point* kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang sedang menyediakan pelan cadangan pembangunan semula. Di mana satu pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah akan ditempatkan di sana. Dua kawasan tersebut akan dibangun semula sebagai kawasan rekreasi dan juga pendidikan awam seperti kawasan hutan lipur. Kampung Tunku, saya balik kepada Kampung Tunku telah juga bangkit tentang perkara KLO saya hanya ingin sebut satu perkara kerana infrastruktur juga ada bidang kuasanya. Apa yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku adalah kenyataan ataupun dakwaan bahawa berapa hutan simpanan akan diambil. Saya rasa itu adalah satu hujahan yang tidak begitu tepat, sebenarnya hanya jajaran laluan yang dipohon oleh syarikat konsesi Ahmad Zaki Resource Berhad dan bukan keseluruhan hutan simpan tersebut. Apakah kesan, memang ada kesan jadi ada satu mesyuarat telah adakan, maaf ada dua mesyuarat diadakan di peringkat teknikal di mana isu-isu seperti *water catchment* kesan kepada kawasan tadahan air diambil kira dan untuk mengelakkan segala pencemaran serta memelihara kualiti air Sungai Ampang dan takat pengambilan air Ampang. Ampang *Water Intake Point* cadangan asal Ampang *Interchange* telah dipindahkan ke hilir dengan izin *we locate down strim* daripada takat pengambilan air Ampang. Pemaju projek juga dikehendaki untuk memasangsistem dengan izin di dua lokasi. Iaitu berdekatan dengan pengambilan air Ampang dan berhampiran dengan takat pengambilan air Sungai Langat. Pemaju juga dikehendaki untuk menyediakan pelan pengurusan hidupan liar untuk memastikan hidupan liar dan juga lalu lintasnya tidak terganggu dapat hidup di dalam habitatnya. Ketiga sementara ini pelan yang dibentangkan kepada kerajaan negeri tidak mendekati permatang kuasa. Dan keempat tidak mendekati Empangan Gate. Dia akan hanya *Inter Chonganya* akan berhenti dekat Universiti Internasional sorry UIA, Universiti Islam Antarabangsa di

Gombak. Pada masa yang sama Negeri Selangor akan membuat keputusan so maksudnya keputusan belum diambil ini kerana kita sekarang masih proses pendengaran awam dan kelulusan projek tersebut akan diambil kira selepas semua perkara termasuk sesi pendengaran awam oleh satu panel khas diadakan bakal pada akhir bulan April dan juga kalau banyak permohonan bulan Mei juga pada tahun ini. Khasnya untuk isu digazet hutan simpan untuk membina Lebuhraya tersebut. Dan ini adalah merupakan kali pertama bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi seluruh Semenanjung Malaysia adakan satu proses pendengaran awam apabila kita menerima permohonan daripada kerajaan pusat bersama dengan konsesi untuk menyiarkan wartakan digazet hutan simpan kekal. Dan saya harap proses ini juga boleh disertai, disaksi oleh Ahli-Ahli Dewan khasnya daripada kawasan yang berkenaan kerana ini merupakan satu titik sejarah yang penting untuk pentadbiran di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Bukit Lanjan, boleh berhenti sekejap.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ya boleh.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Dato' Menteri Besar membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai penggulungan oleh pihak kerajaan.

Y.B. TUAN ISKANDAR B. ABDUL SAMAD: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini DIPERSETUJUI. Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker ada dua. Ya silakan Morib.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Mohon penjelasan terima kasih Tuan Speaker dan EXCO Bukit Lanjan. Saya mohon penjelasan Pembangunan di Pantai Kelanang. Tadi Tuan Speaker, Bukit Lanjan telah menjelaskan terima kasih tentang pembangunan di Pantai Morib diluluskan oleh pihak kerajaan negeri. Saya mohon

penjelasan berkaitan dengan Pantai Kelanang yang mana ia satu tarikan juga kepada pelancongan di Kuala Langat, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Adakah ini dibangkit semasa perbahasan Yang Berhormat?

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ok. Saya hanya ingat Pantai Morib sahaja, untuk Pantai Kelanang kita ada sedikit masalah di mana kalau kita hanya menaik taraf satu dua bangunan. Pendapat pejabat saya dan beberapa pakar adalah ini tidak mencukupi kerana ada masalah dengan izin pantai tersebut. Pandangan kita adalah perlu ada satu penambahbaikan atau *no one to repair*.... Dengan izinya jadi sementara ini kita sedang bincang dengan lebih pakar khususnya dengan JPS, Lembaga Urus Air Selangor adakan satu *proposal* dan juga satu rancangan yang lebih mantap supaya kita boleh bukan sahaja ada satu dua projek yang kecil tetapi untuk menaik taraf Pantai Kelanang tersebut. Jadi apa yang penting adalah perlu dengan izin.....kita perlu.....*beach in this area*.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi soalan Morib?

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Ya ada berkaitan dengan pembangunan masalah hakisan di Pantai Kelanang memanglah antara masalah yang utama tetapi kemudahan yang sedia ada kedai, gerai, surau, tandas dan sebagainya perlu diambil perhatianlah walaupun masalah hakisan itu besar tetapi menjejaskan keseluruhan kemudahan dan juga tapak perkhemahan di Pantai Kelanang. Yang paling mendesak ialah keperluan tandas yang terletak di tepi pantai dipindahkan ke tengah sedikitlah jauh sedikit dari pantai. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Morib akan ambil maklum pesanan dan juga permohonan dari ADUN Morib untuk pindahkan tandas. Ok nanti kita bincangkan dengan Majlis Daerah Kuala Langat. Boleh saya teruskan. Ini adalah *point* yang terakhir dan ia dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sekinchan. Saya harap Yang Berhormat Sekinchan sekarang sedang, terima kasih. Ini kali kedua berlaku tahun lepas pun sama. Yang Berhormat Sekinchan telah membawa dua perkara yang penting. Satu adalah pencerobohan Hutan Simpan Sungai Karang untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan sebenarnya kawasan tersebut telah dicerobohi pada masa tanah itu masih berstatus kerajaan so maksudnya semasa hutan simpan tersebut diwartakan pada 8 Januari 1990 dengan nombor warta 717, masa itu sudah dicerobohi dan pada masa kini terdapat 6 biji rumah yang diduduki, 4 rumah kosong dan 5 pondok di sana. Jadi keputusan daripada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor yang ke-8, 2014 yang

diadakan pada 6 Februari memutuskan bahawa MBI, Menteri Besar Corporation akan diberi permit untuk menjaga kawasan tersebut dan lepas itu kita juga harap kawasan tersebut juga dijaga daripada pencerobohan yang lainlah jika tidak masuk lagi. Ini adalah satu isu yang lama, jadi saya rasa pada masa ini, ini adalah penyelesaian paling bagus. Perkara yang juga dibangkitkan oleh YB Sekinchan tentang pencerobohan Hutan Simpan dekat Bestari Jaya dan Bukit Tagar yang menyebabkan kebakaran teruk di kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini sebenarnya kawasan di mana kebakaran bermula bukan di kawasan hutan simpan ianya di luar sempadan hutan simpan. Jadi untuk tahun ini sebagai contohnya ada pembakaran yang bermula di tanah milik pekebun kecil berhampiran dengan kompartmen 5, 13, 14 dan 16 dengan satu api yang kecil ianya telah merebak masuk ke dalam sempadan Hutan Simpan Raja Musa dalam 48 jam sahaja sangat cepat. Satu lagi tempat iaitu di Hutan Simpan Bukit Belata tambahan sama juga tanah yang di mana api bermula adalah tanah milik pekebun kecil yang berhampiran dengan Hutan Simpan. Jadi apa yang perlu adalah seperti yang kita telah buat sebelum ini, satu adalah kita perlu memberi pendidikan kepada semua pemilik tanah. Sebelum ini GLC-GLC yang tanah-tanah GLC yang api bermula termasuk PKPS, MBI ada, KDEB ada SIME DARBY pun ada tetapi selepas perbincangan dengan mereka, sekarang mereka ada satu zon penambahan, dua juga mereka ada *action plan*, *fire action plan* di mana mereka harus kalau ada api di sana, mereka harus menangani atau memadamkan api tersebut. Ketiganya kita juga akan terus pendakwaan kepada sesiapa yang membakar khasnya di tanah gambut. Jadi orang-orang pemilik pekebun kecil yang telah mulakan api di kawasan mereka ini setakat ini kita telah mengenal pasti 5 orang kita juga akan mengambil tindakan terhadap mereka termasuk menggunakan Akta Kualiti Alam Sekitar dan kita harap kes-kes ini boleh sampai ke mahkamah pada masa yang sama juga akan mengarahkan Pejabat Tanah Kuala Selangor merampaskan tanah mereka seperti mana yang diputuskan Mesyuarat MMKN 2012.

Yang Berhormat Sekinchan yang telah memberi teguran. Saya rasa teguran nasihat yang sangat bagus di mana kita perlu, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor perlu membuat pemantauan yang lebih rapi dan juga menambah Penguatkuasaan Pegawai Perhutanan Negeri Selangor. Kita telah berbincang dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mendapatkan lebih pegawai dan juga mungkin kalau boleh mendapatkan pegawai baru untuk menangani beberapa isu ataupun masalah pencerobohan hutan simpan. Ini adalah satu proses yang panjang kita tidak boleh, saya rasa dalam satu dua hari tidak boleh selesai. Tapi dengan teguran dan juga nasihat daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat saya rasa termasuk kerjasama dan maklumat saya yakin kita boleh kurangkan kes-kes pencerobohan hutan simpan. Saya akhiri, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat-Yang Berhormat dengan satu pantun klasik, pantun Melayu ya!

“Jikalau Tuan mengangkat peti,
Tolong masukkan segala barang,
Jikalau kita bersatu hati,
Kerja yang susah menjadi senang.”

Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Batu Tiga hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan beberapa isu, yang mana ia nya berkaitan beberapa isu program-program kebajikan rakyat ada pun satu dua menyentuh berkaitan tentang isu-isu wanita. Ingin saya nyatakan di sini soalan yang ditimbulkan berkaitan skim-skim yang di bawah pengendalian Yayasan Al Qard Al Hassan iaitu ada yang bertanya, iaitu Dengkil bertanya tentang kenapa ada cas pembiayaan SKIMSEL 8%? Sedangkan..... (dengan izin). Saya menyatakan bahawa di bawah Yayasan Yayasan Al Qard Al Hassan kita mempunyai 3 skim utama iaitu SKIMSEL iaitu Mikro Kredit Selangor, Keduanya WALA iaitu untuk-wanita-wanita ladang dan juga MIMBAR. Yang mana ketiga-tiga ini walaupun berada di bawah Yayasan Al Qard Al Hassan ia membawa pendekatan dan metodologi yang berbeza sama ada dari sudut pengurusan ataupun program-program yang dilaksanakan. Tetapi untuk SKIMSEL kita lihat berlakunya atau pun satu cas dikenakan iaitu sebanyak 8% ini adalah untuk menampung sebahagian kecil pengurusan ya! kerana ini adalah disebabkan perkhidmatan yang diberikan SKIMSEL adalah secara eksklusif kepada peserta iaitu hingga ke muka rumahlah! Ke muka pintu ya! Iaitu perlunya satu kos pengurusan yang tertentu tapi kalau dibandingkan dengan kos-kos pengurusan yang dikenakan oleh mana-mana Mikro Kredit di seluruh Malaysia ini. Saya bacakan di sini, Amanah Ikhtiar telah pun mengenakan kos pengurusan atau pun cas pengurusan sebanyak 10% hingga 12 % begitu juga dengan bank-bank komersial ia 13%-16%. Jadi ia adalah wajar kerana kita dapati program ini ataupun cas ini dikenakan kerana untuk SKIMSEL ini kerajaan ingin melihat supaya satu hari nanti program ini boleh berjalan dengan sendirinya tanpa bantuan *one off* yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi untuk RM50 Juta yang diberikan itu ia nya insya-Allah akan menjadikan satu masa nanti boleh diuruskan sendiri tanpa lagi mendapat bantuan daripada kerajaan. Ya! Dengkil hendak tanya soalan baru atau hendak tambah?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Puan Speaker, hendak. Boleh?

TUAN SPEAKER: Dengkil hendak tanya soalan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Berhormat EXCO, tadi Yang Berhormat EXCO membandingkan antara Amanah Ikhtiar dan SKIMSEL. Saya membandingkan TEKUN dan juga SKIMSEL. Skim TEKUN ini ia

hanya cas pembiayaan lebih kurang 4% tapi semuanya 9%, sebab 5% untuk simpanan. Jadi saya fikir 8% itu untuk pengurusan agak tinggi dan membebankan peminjam. Saya fikir dan saya bertanya sama ada boleh tidak dikaji 8% itu telah macam *interest* dekat dengan *interest* bank dan sebagainya?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Dengkil. Ia nya kalau dibandingkan sama ada TEKUN, AMN dan sebagainya masih lagi rendah di kalangan yang lain. Tetapi apa pun kita ingin mengatakan cas pengurusan ini bukan satu *interest*, maksudnya yang dipinjam contohnya kalau RM3000.00 bukanlah RM3000.00 itu ambil hak daripada RM3000.00 itu untuk ambil untuk pembiayaan, tetapi satu tambahan cas yang berbeza ya. Sebab pengurusan ini kita hendakkan supayanya dapat efisien. Kalau kita tengok 4% yang TEKUN laksanakan itu adalah diambil daripada pembiayaan sebagai contoh kalau lah ia nya di.. kalau ia nya meminjam sebanyak RM10 000.00 jadi 4% daripada RM10 000.00 itu dipotong, aaa.. begitu ya! Berbeza. Berbeza dari sudut pengurusan itu. Dan saya juga ditanya oleh beberapa ADUN ataupun Yang Berhormat dalam dewan ini, banyak menimbulkan aspek program MIMBAR. MIMBAR ini beberapa yang dibangkitkan contohnya pada Seri Serdang hendak tahu berapa ramai kakitangan yang berada di dalam MIMBAR? Iaitu sehingga kini kakitangan yang ada seramai 44 orang, kos sebulan untuk dikeluarkan untuk menampung kos pentadbiran ini adalah sebanyak RM133 804.04 dan kalau ingin, beliau ingin bertanya tentang jawatan yang dilantik oleh MIMBAR iaitu jawatan KPE ataupun biasa dipanggil KPU dalam terma syarikat perkhidmatan dan kakitangan. Di sini saya ingin mengatakan kepada semua, di bawah Yayasan Al Qard Al Hassan semua pelantikan adalah berdasarkan satu terma yang telah pun disyaratkan di bawah yayasan ini. Jadi untuk Ketua KPU lantikan telah dibuat pada 9 November 2010 ia nya mula bertugas pada 1 Disember 2010 sehingga 28 Februari 2014 yang mana kalau ikut di sini, kita lihat jawatan KPU itu dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah yang mencadangkan boleh pelbagai individu tetapi yang melantik perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah. Dan ketika itu, iaitu KPU yang ada itu telah pun menamatkan perkhidmatan beliau pada 28 Februari iaitu nama beliau adalah Tuan Azly bin Osman. Dan apakah gaji atau tangga gaji yang diberikan kepada beliau? Gaji beliau sebanyak RM10 800.00, elaun-elaun yang beliau perolehi adalah elaun *handphone* sebanyak RM300.00, elaun keraian RM400.00 dan penyelenggaraan kereta (tidak termasuk kemudahan kereta syarikat) iaitu RM800.00. Yang mana mengikuti terma-terma yang ditetapkan. Begitu juga kalau kita lihat gaji-gaji kakitangan yang ada, SKIMSEL sudah ada di sini, saya ingat nanti kami boleh edarkan jika Seri Serdang perlukan tambahan maklumat.

Dan seterusnya, Seri Serdang menanyakan hutang tertunggak dan adakah langkah-langkah mengatasi kaedah ini? Yang kita lihat, yang konsisten, atau pembayaran semula pembiayaan sentiasa telah dibuat lebih kurang 76.49% peminjam telah pun memulangkan bayaran, tinggal lagi sebanyak 26% itu atau boleh dikatakan 20% itu ada dikategorikan liat atau bermasalah yang mana masih dalam tempoh. Maknanya

yang masih dalam tempoh pembiayaan semula itu perlu dikutip sebanyak RM3 342 892.00 maknanya ia nya ada 5676 orang itu meminjam, 3000 lebih telah pun selesai, ada 2000 lagi yang belum selesai pembayaran. Dan jumlah pembayaran tertunggak itu adalah RM3 742 892.00. Dan, tentang akhirnya bagaimana teguran daripada Hulu Kelang, Taman Templer dan Dengkil juga mengatakan perlunya ada satu program supaya akhirnya ia nya boleh dilihat sebagai program membasmi kemiskinan. Saya ingin mengatakan bahawa wujudnya program MIMBAR, SKIMSEL dan sebagainya adalah atas dasar *workfare* di mana kita ingin melihat bahawa rakyat Selangor tidak lagi kebergantungan ya kepada kebajikan semata-mata tetapi kita membantu mereka-mereka yang berupaya mendapat menambah pendapatan melalui perniagaan ataupun program-program yang dikhususkan dan dengan ini kita mewujudkan Mikro Kredit ini. Jadi hendak ia nya tidak ada *hardset* and *mindset* untuk perkara ini, saya rasa ia nya wajar dilihat bahawa kalau tidak ada pendekatan ini sebenarnya MIMBAR juga tidak diwujudkan. Tentang Taman Templer menyatakan susah untuk memperoleh dan untuk mendapatkan bantuan ini, sebenarnya kalau kita lihat bantuan Makro Kredit ini, Kalau permohonan RM13 000.00 Dengkil kata tetapi mengapa hanya dapat RM5 757.00 yang lepas, seolah-olahnya macam susah, seperti mana Taman Templer sebut tu. Tapi saya hendak sebut di sini kita tertakluk ya. MIMBAR tertakluk dengan syarat-syarat dan terma-terma yang telah ditetapkan. Kenapa mereka tidak berjaya atau gagal mendapat pembiayaan kerana salah satunya tidak menepati syarat-syarat permohonan. Kedua, pemohon tidak berniaga tapi hendak perniagaan, ada yang datang tampil memohon pinjaman tapi rupa-rupanya hendak membayar hutang kad kredit, ada juga yang hendak membayar hutang Ah Long, itu kita rasa tidak wajar diberikan. Jadi kita tolak. Permohonan pemohon jumlah pinjaman besar, Mikro Kredit yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah dalam lingkungan RM1000.00- RM5000.00. Dan rata-rata purata yang kita lihat yang ramainya adalah meminjam dalam RM2000.00. Jadi ada yang lebih daripada itu, kita minta maaf ia bukanlah platform ini yang digunakan. Ada juga yang tidak dapat itu, kerana permohonan yang tidak lengkap, beberapa kali kita pergi dan kita ingin mendapatkan semula data tapi tiada, yang seterusnya pemohon sendiri yang membatalkan permohonan, itu ada. Jadi tidak ada, saya rasa Kerajaan Selangor, kita mewujudkan platform ini sebenarnya seboleh mungkin kita hendak memberi peluang pinjaman wang kepada rakyat negeri Selangor untuk mendapatkan program-program boleh membantu peningkatan mereka.

Dan, isu yang dibangkitkan tentang WALA iaitu Dengkil juga. Tahun ini Dengkil aktif sikit pasal Program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini ya! Kenapa jumlah peserta menurun? Daripada 513 daripada seperti yang diwar-warkan tapi 513 sahaja tidak tahulah macam mana Dengkil mendapatkan data ini. Tapi data yang di tangan saya yang diberikan oleh Pengurus WALA ia nya sebenarnya yang mendaftar menjalani atau terlibat dalam program ini adalah seramai 602 orang asalnya tetapi sekarang ini yang dalam program yang aktif adalah seramai 552 orang, ia nya kerana telah yang lain itu menarik diri sebab mereka telah mendapat kerja-kerja lain. Program WALA

ini adalah satu program yang khusus untuk wanita ladang, ia nya kita lihat adalah program sambilan bukan program apa orang kata program yang tetap. Jadi bila ada tawaran-tawaran lain mereka akan mengambil peluang tawaran tersebut. Dan, ada juga masalah kekangan daripada keluarga menyebabkan mereka mengundurkan diri. Itu yang saya ingin katakan sebab program WALA ini disentuh saya ingin merakamkan ucapan takziah saya kepada Dr. Irene Fernandez yang telah pun mengusahakan program ini dan saya memohon dengan izin Tuan Speaker kita sama-sama bertafakur memberi penghormatan kepada beliau selama satu minit. (senyap). Terima kasih.

Tuan Speaker, bagi isu yang dibangkitkan tentang daripada Taman Templer apakah ada kajian tentang program-program merakyatkan negeri Selangor? Pencapaian-pencapaian sejauh mana ia nya dicapai atau tidak? Golongan sasaran? Berkesan ataupun tidaknya? Saya mohon untuk tidak membacakan semua sebab setiap daripada program ini. Setiap 6 bulan kita ada buat kajian, jadi kalau Taman Templer perlukan maklumat ini boleh beri tetapi sebagai contoh sahaja saya ingin mengatakan di sini di antara program yang begitu berjaya, Program Usia Emas kita lihat di sini ia salah satu program yang cukup dikenali. Sekarang ini telah mencecah seramai 200 000. Ada juga yang melebihi jangkakan bila kita dapati data-data warga emas yang kita jangkakan seperti contohnya di Sabak Bernam sekarang ini peratus pendaftarannya 112% iaitu melebihi jangkakan.

Jadi sehingga hari ini golongan sasaran yang kita dapati Skim Mesra Usia Emas ini kita lihat selain daripada ia bukan sahaja tertumpu kepada orang tua tetapi OKU juga sekarang mendapat pendapatan ini. Dan kita lihat ia tidak mengira jantina lelaki ke perempuan dan semuanya alhamdulillah ada. Tetapi saya tidaklah menyatakan bahawa apakah kita puas hati tak juga maknanya sebagaimana yang berlaku kita lihat baru-baru ini saya sendiri pergi rumah ke rumah untuk pastikan di Kajang tidak terlepas program ini masih juga tidak ramai yang mengetahui. Jadi berkesankah program ini alhamdulillah kita lihat keberkesanan ada sebab kena lihat Skim Mesra Usia Emas ini bukan sekadar skim khairat kematian atau keluarga itu dapat sedikit bantuan untuk mengubumikan mereka-mereka yang disayangi tetapi kita lihat program-program selain daripada itu adanya *occasion* ataupun keadaan di mana penduduk atau waris-waris dapat berkumpul dan mengenali antara satu sama lain yang senasib dengan mereka bila kita buat program fasa kedua dan sebagainya. Yang keduanya kita lihat bagaimana program ini boleh dekatkan rakyat dengan pemimpin apabila berlakunya kematian mereka turun padang dan menyampaikan sumbangan. Jadi insya-Allah yang lain itu saya ingat tidak perlu saya bacakan terlalu banyak

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Mohon sedikit.

TUAN SPEAKER: Taman Templer

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Silakan

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih, memang program Skim Mesra Usia Emas itu sangat baik dan tahniah. Cuma sedikit sahaja kalau dilihat kepada nama program ialah Mesra Usia Emas, objektifnya lebih tertumpu kepada usia emas itu sendiri tetapi kebaikannya dirasai oleh waris selepas kematian. Maka apakah program-program kepada usia emas ini sendiri yang lebih bersikap mesra yang saya sebutkan di dalam perbahasan kalau sebelum ini ada jom *shopping* tetapi sekarang ini seolah-olah tidak ada lagi kedapatan program jom *shopping* pada usia emas sewaktu mereka hidup. Terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih. Kita tahu bahawa ramai Yang Berhormat yang mohon supaya program ini dikaji semula supaya ianya ada program manfaat kepada warga emas itu semasa mereka ada hayatnya. Jadi sebab itu kita memang telah membuat satu kajian kertas cadangan pun telah siap, insya-Allah kita akan kemukakan kepada MMKN untuk semoga setiap tahun kelahiran warga emas ini akan dapat memperolehi sedikit dana mungkin dalam bentuk jom *shopping* untuk diteruskan. Maknanya setiap kali ulang tahun warga emas yang berusia 60 tahun ke atas ini akan ada program untuk mereka insya-Allah. Tetapi apa pun kita lihat kita mengambil kira pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat sekalian. Yang keduanya saya nak sentuh tentang cadangan ataupun pandangan daripada Kampung Tunku supaya program yang dilaksanakan ini tetap walaupun ianya program yang baik kenalah betul, bersih, cekap, telus dan serta beramanah, itu Kampung Tunku punya perkataan. Jadi saya ingin ingatkan di sini sebenarnya disebabkan inilah kita telah mewujudkan satu sistem di mana sistem mengumpulkan data-data penerima kebajikan dari semua agensi termasuklah dari program-program merakyatkan ekonomi Selangor, Jabatan Kebajikan, Zakat dan lain-lainnya supaya tidak ada pertindihan penerimaan. Sebab itu kita lihat program sekarang ini termasuk jom *shopping* sebagainya setiap daripada program itu kita mohon data dari semua Yang Berhormat untuk diberikan supaya boleh *compile* dengan izin ataupun kita boleh susunkan atau pun kita boleh gabungkan semua data ini supaya tidak ada pertindihan. Tetapi saya juga mengambil kesempatan yang ada ini supaya Yang Berhormat juga mengambil bahagian dan pastikan kepada semua supaya data-data yang dimohon itu dapat disampaikan supaya kita ada ketulusan siapa yang dapat, berapa banyak dia dapat, berapa kali dia *join* program kerajaan dan sebagainya. Ini juga sebenarnya boleh menjadi asas oleh kerajaan, untuk mencadangkan program-program akan datang dilihat berapa ramai yang memerlukan pertolongan tambahan insya-Allah. Dan isu yang dibangkitkan oleh Dengkil tentang program Si Kembar saya tidak mahu jawab ya, sebabnya jawapan itu telah saya jawab dalam soalan yang 23 yang lepas jadi minta Dengkil tengok semula kerana ianya telah pun ditulis di dalam *hansard*. Dan yang terakhir Damansara Utama dan juga Paya Jaras yang membangkitkan isu OKU. Tentang OKU iaitu apakah program-program yang sepatutnya kita dilaksanakan tentang dan sebagainya. Tentang Damansara menyatakan apakah kerajaan mempunyai azam

untuk melaksanakan program ini. Saya ingin bacakan serentak untuk Paya Jaras sekali bahawa di bawah pelan Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri Selangor yang telah pun ditulis awal tahun ini ataupun telah pun diterima kita Kerajaan Selangor sekarang ini tidak lagi meminggirkan golongan OKU, kita sentiasa mengambil inisiatif sebagaimana belanjawan 2014 kalau digabungkan keseluruhan bajet yang ada untuk orang kurang upaya ini dikumpulkan sekali maknanya sejumlah RM7.8 juta telah diperuntukkan program pembangunan ini. Ianya adalah juga menunjukkan tidak mahu mengetepikan aspek-aspek OKU. Apakah program yang dilaksanakan ada 4 program besar selain program kebajikan iaitu program bagi mereka yang benar-benar OKU terlantar dan tidak boleh berdikari dan sebagainya dari golongan ini Kerajaan akan terus memberikan bantuan sama ada dalam bentuk bantuan wang ringgit ataupun bahan-bahan bantuan am seperti alatan dan sebagainya ianya dikendalikan di bawah JKM. Zakat ada juga saya dapat tahu daripada wakil rakyat juga ada mohon bantuan. Yang keduanya program dari kebajikan kepada pendapatan ramai yang tidak mengetahui bahawa program-program ini juga adalah dasar untuk membenarkan bantuan dalam bentuk kewangan ataupun kemahiran yang akan diberikan kepada golongan OKU. Yang berpotensi untuk memajukan diri sama ada dalam bidang perniagaan sebagainya. Kalau saya contohkan MIMBAR sekarang ini ada 53 peserta OKU yang terlibat dan juga saya tengok banyak juga OKU yang telah memohon untuk mendapatkan peralatan contohnya motosikal roda 3 dan sebagainya untuk menambah pendapatan.

Yang ketiga tentang program bebas halangan ini adalah untuk memastikan golongan OKU mempunyai hak untuk berdikari dalam kehidupan harian. Ini soalan yang mungkin saya faham daripada Damasara Utama ianya kita mahu OKU ini dengan izin.... Dia boleh keluar, dia boleh dapat kehidupan sebagaimana orang luar dapat. Jadi kemudahan asas ini adalah sewajarnya memang di dalam pentadbiran ataupun urusan Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi apa yang kami laksanakan Kerajaan dilaksanakan sekarang ini disudut pelaksanaan kepada program ini tertakluk di bawah PBT tetapi di sudut Audit di bawah jawatankuasa tetap kebajikan. Kerana Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah menubuhkan satu pasukan Audit untuk melihat apakah pelaksanaan ini dilaksanakan atau tidak. Jadi untuk tahun ini kita mulakan audit secara *through* atau *detail* iaitu di tiga PBT iaitu PBT Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Selayang dan juga Majlis Daerah Kuala Selangor. Ada 3 PBT yang berbeza ini kita nak lihat bagaimana pelaksanaan pula tentang bebas halangan ini dapat dibuat. Yang terakhir program atau dasar yang dilaksanakan OKU adalah penempatan pekerjaan. Ini adalah dasar untuk mempertimbangkan memberi peluang menempatkan OKU lepasan Sekolah Menengah. Ramai OKU-OKU ini dapat pergi sekolah rendah, lepas itu sekolah menengah tapi lepas itu tidak tahu ke mana. Kebanyakan mereka ini boleh bersekolah, sebab mereka ini ada sedikit kelemahan dari sudut orang kata pembelajaran, mereka ini macam kita boleh gerak, orang tidak nampak kalau ada kekurangan itu dengan izin tetapi apa berlaku mereka selepas sekolah tidak diberikan penempatan atau tidak ada tempat bekerja. Jadi di sini Kerajaan Selangor

sekarang ini telah pun memasukkan 15 OKU yang terpilih anak-anak yang lepas 17 tahun ini untuk dimasukkan ke dalam program perintis pelatih untuk diberikan latihan selama 5 hingga 6 bulan dan selepas ini kita buat program dengan izin memberi peluang mereka untuk mendapat pendapatan sendiri di mana lepas sahaja program ini habis mereka ini diambil oleh Badan-badan Korporat untuk bekerja dengan mereka. Program ini telah berjalan kita akan lihat setiap 5 bulan berlakunya keluaran daripada orang-orang kurang upaya ini. Akhirnya.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras minta penjelasan.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Silakan

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN B. OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker saya dalam perbahasan baharu ini ada tanya tentang tadi YB sebut tentang OKU yang mereka sekolah rendah dan menengah dalam perbahasan saya apakah perancangan di antara Penggal ini dan Penggal ketiga yang dilaksanakan kepada orang OKU itu yang pertama. Yang kedua apakah Yang Berhormat EXCO setuju dengan rancangan adakan Pusat Rekreasi dalam daerah bagi OKU-OKU yang tidak mampu langsung untuk sekolah rendah ataupun menengah.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Yang saya sebut tadi itu adalah perancangan memang ada yang saya sebut 4 itu, yang disebut Paya Jaras bukan sebut Pusat Rekreasi masa itu sebab tentang pusat pemulihan dalam komuniti PKMD ianya telah pun ada di seluruh Selangor iaitu 46 PKMD yang kami lihat itu satu platform supaya mereka yang memerlukan OKU yang memerlukan *centre* atau Pusat untuk kebersamaan ini boleh dimanfaatkan telah dah ada. Dan jumlah ini akan setiap tahun bertambah sebab akhir-akhir ini saya lihat permohonan untuk menubuhkan pusat pemulihan di dalam Komuniti ini atau CBR telah pun bertambah insya-Allah kerajaan akan memberi sokongan kepada mana-mana pihak yang ingin menubuhkan pusat ini untuk memastikan orang OKU dapat berekreasi bersosial di peringkat masyarakat. Boleh ya Paya Jaras.

Yang kedua Akhirnya saya ingin tentang isu berkaitan dengan wanita, saya ingin memberi sedikit penjelasan bahawa Kempen Satu Juta Wanita Sihat bukanlah khusus untuk kempen yang hanya tertakluk kepada skim kesihatan wanita. Kempen satu juta wanita sihat adalah satu kempen wanita menyedari pentingnya memikirkan kesihatan aspek kesihatan. Ianya sama ada terlibat secara langsung melalui pemeriksaan program-pemeriksaan yang telah dianjurkan oleh kerajaan ataupun program jadi sasaran kita program ini boleh mencapai sehingga 1 juta dari tempoh 2010 hingga 2018. Kalau Yang Berhormat Dengkil boleh melihat ucapan saya sebelum-sebelum ini. Kita ambil tempoh lapan tahun mudah-mudahan dalam tempoh 8 tahun ini seramai 1 juta wanita telah dapat disentuh untuk memahami tentang pentingnya kesihatan dan wanita sihat sebab kesihatan bagi wanita satu benda yang utama kerana wanita merupakan nadi keluarga dan juga masyarakat.

Jadi untuk itu banyak program yang dirancangkan untuk tahun ini sahaja saya ingin bacakan tahun ini sahaja kerajaan ingin mensasarkan sentuhan sebanyak 169,000 orang jika program di bawah yang disasarkan di bawah SKT sasaran kerja tahunan kerajaan di bawah STANCO wanita insya-Allah ia dapat dengan baik. Dan akhirnya sedikit makluman supaya tidak timbul lagi janji yang tidak ditunaikan dan sebagainya saya ingin menyatakan di sini ataupun ingin ianya dirakamkan di dalam dewan yang mulia ini bahawa isu yang dibangkitkan Sungai Burong kita tidak tunai janji, ibu tunggal tidak merasai apa yang kerajaan buat sampai berlakunya beberapa saman kepada kerajaan. Saya ingin mohon kepada pihak dewan iaitu sebenarnya kita ada dua kes saman yang dibuat oleh plaintif seramai 5,050 orang yang mana usaha ini adalah di bawah pimpinan Yang Berhormat Semenyih, ianya sebenarnya di saman ini dua saman itu. Satu samannya dibuat pada November 2012 iaitu Murtini bt Kasman bersama 2,019 ibu tunggal dan saman kedua satu kumpulan lagi iaitu Zainarini bt Sidik bersama 3,010 ibu tunggal, ia dibuat sebelum pilihan raya atas mungkin ingin memberikan tekanan kepada kerajaan kononnya kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor tidak mengambil pengetahuan tentang ibu tunggal. Tetapi di sini saya ingin bacakan pada 20 Mei 2013 sejurus selepas Pakatan Rakyat menang di Selangor, Mahkamah telah pun *straight out* apa yang telah dipohon oleh plaintif iaitu Mahkamah membatalkan tuntutan plaintif. Dan selepas itu mereka lawan balik tetapi selepas itu akhirnya mereka menarik diri dalam perkara ini. Mereka menarik diri saya ingin nyatakan di sini ibu tunggal ini menarik diri sebab mereka merasakan bahawa tidak ada kes kerana program-program ibu tunggal ini telah pun ditangani dengan sebaik mungkin. Mereka sendiri datang ke pejabat saya mendengar penjelasan dan akhirnya mengambil pendekatan tidak sambung saman ataupun menyambung menyaman kerajaan Selangor. Bukan itu sahaja saya ingin ia merakamkan di dalam dewan negeri ini bahawa kita memang prihatin tentang isu kebajikan ibu tunggal kalau ikut logiknya siapa yang saman kerajaan Selangor mereka perlu menanggung segala kos tetapi Kerajaan Selangor tidak mengenakan apa-apa kos kepada ibu tunggal. Kita bayar balik peguam yang kita telah lantik RM37,700.00 bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Jadi apa yang ingin saya katakan, saya mohon kepada Yang Berhormat, terutamanya Yang Berhormat Pembangkang, janganlah ya mempergunakan dan memperdayakan ibu-ibu tunggal ini. Mereka ini adalah insan-insan yang perlu dibantu bukannya perlu diperdayakan. Jadi untuk itu, saya harap kita mengambil maklum dan saya harap tidak ada lagi isu yang mengatakan bahawa Kerajaan Selangor tidak menunaikan janji. Jadi itu sahaja ucapan penggulungan saya Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Hulu Kelang, Yang Berhormat Batu Tiga.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ini ada kaitan sedikit tentang dalam sidang yang lepas, beberapa penyata telah diterima yang menyentuh tentang program-

program yang berkaitan dengan portfolio Y.B. apakah tindakan yang telah dipertimbangkan.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan baru ini, kan. Tetapi untuk yang saya tahu penyata itu yang ada yang saya teliti adalah berkaitan dengan Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Ya, yang itu telah pun kita ambil kira dan insya Allah setelah ianya dapat persetujuan daripada pihak MMKN saya akan kemukakan perkara tersebut di dalam sidang yang akan datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sabak

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: *Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Speaker, pada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam persidangan pada kali ini. Sekadar mengambil masa dalam seminit dua untuk memberikan ucapan tahniah dan syabas di atas perbincangan dan perbahasan pada kali ini yang saya perhatikan lebih matang dan lebih ke hadapan dengan kritikan-kritikan, teguran-teguran sehingga saya rasa mengundang kenyataan yang dibuat oleh Permatang dan juga Sungai Panjang bahawa suara pembangkang kali ini adalah ramai. Sebenarnya bukan suara pembangkang ramai tetapi kerana itulah proses demokrasi yang kita dukung bersama sehingga kita boleh menegur secara terbuka dalam Dewan ini seolah-olah macam juga kita pembangkang. Makna kalau kita sendiri boleh mengkritik dengan begitu terbuka maka sebenarnya bila kita mengambil tugas pembangkang, macam seolah-olah pembangkang sudah tidak diperlukan lagi dalam Dewan ini. (Tepuk) Dan saya mengambil respons dalam beberapa kenyataan atau pun soalan yang telah dikemukakan kepada saya. Pertama kepada Kota Anggerik tetapi malangnya yang bertanya tidak ada dalam Dewan ini. Tetapi saya jawab supaya direkodkan sebagai jawapan untuk rujukan.

Kota Anggerik bertanya berkaitan dengan soal mewujudkan petani moden dan usahawan bagi menjana pendapatan melebihi RM3,000.00 sebulan. Apakah usaha yang dimainkan. Kota Anggerik membangkitkan bahawa pendapatan RM3,000.00 ke RM5,000.00 boleh dicapai melalui pewujudan usahawan-usahawan dalam projek pertanian moden dan industri asas tani. Saya ingin memaklumkan bahawa salah satu daripada usaha untuk mewujudkan usahawan terlibat dengan pertanian moden Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, taman industri dan ternakan sehingga kini keseluruhan kawasan TKPM Selangor ada 100,212 hektar yang melibatkan seramai 374 usahawan dan syarikat swasta. Pada tahun 2013, jumlah pengeluaran TKPM Negeri Selangor adalah sebanyak 28,344 metrik tan dengan nilai RM30.46 juta. TKPM di Negeri Selangor telah menyumbang sebanyak 43% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan TKPM di Malaysia.

Melalui Program ini, petani dibimbing untuk melaksanakan projek pertanian secara komersial mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang dipersijilkan dengan “Malaysia *Good Agriculture Practice* dan SOM. Sijil Organic Malaysia serta usahawan PKPM disasarkan untuk mencapai purata pendapatan bulanan sebanyak RM3,000.00 per bulan. Sehingga kini seramai 110 dari 374 orang peserta PKPM telah mencapai RM3,000.00 sebulan dan Jabatan Pertanian akan memastikan kesemua usahawan akan mencapai purata pendapatan RM3,000.000 sebulan.

Program Pembangunan Usahawan Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian dan seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil daripada aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan komersial dan dibimbing ke arah amalan pengilangan baik GMP serta persijilan halal. Tumpuan program ini adalah untuk memperkasakan usahawan industri asas tani dengan memasarkan peningkatan bilangan usahawan yang mendapat purata pendapatan melebihi RM4,000.00 sebulan. Seramai 716 usahawan industri asas tani yang dibimbing dan 429 usahawan telah mencapai pendapatan melebihi RM4,000.00 sebulan. Dan sekali gus saya apabila menyinggung menyebut tentang TKPM ini, saya suka untuk menjawab beberapa persoalan juga yang dibangkitkan berkaitan dengan isu TKPM, Permatang telah membangkitkan soal TKPM di Bestari Jaya. Dengan menyebut bahawa peserta-peserta seramai lebih kurang 23 atau pun 24 di Bestari Jaya akan dikeluarkan kerana kawasan tersebut akan digunakan untuk Projek HORAS. Dan menyebut bahawa tanah PKPM itu tanah di Bestari Jaya itu telah diserahkan kepada KDEB pada tahun 2010. Sebenarnya saya nak memaklumkan saya pun tidak tahu apa niat Permatang untuk menyebutkan tentang tahun 2010, boleh jadi untuk melahirkan rasa simpati kepada petani-petani atau pun peserta-peserta yang terlibat dan melahirkan seolah-olah menjadi kesilapan kerajaan negeri kerana menyerahkan tanah itu kepada KDEB. Cuma saya nak memaklumkan kepada Permatang, sebenarnya tarikh penyerahan itu yang disebut oleh Permatang adalah tidak betul. Sebenarnya penyerahan tanah Bestari Jaya kepada KDEB adalah berlaku pada tahun 2003. Bukan 2010. Ketika itu adalah zaman Barisan Nasional dan KDEB telah menyerahkan tanah itu kepada Kumpulan Hartanah Selangor Berhad pada tahun 2006 dan hanya tahun yang disebut 2010 itu ialah Kumpulan Hartanah memaklumkan kepada Jabatan Pertanian pada tahun 2006, 2010 bahawa tanah itu telah diserahkan oleh KDEB kepada KHSB dan memaklumkan pada tahun 2010 kepada Jabatan Pertanian. Maka notis telah diberikan ketika itu kepada petani-petani. Jadi apa yang disebut oleh Permatang bahawa sebenarnya tempat itu tidak termasuk di dalam Projek HORAS. Ini adalah tidak betul sebab Projek HORAS yang berlaku di Sungai Darah sekarang ini hanyalah sebahagian yang menempatkan kepada fasa yang pertama dan fasa yang pertama ini akan memanjangkan sampailah kepada tanah di Bestari Jaya termasuk juga tanah yang dimiliki oleh KHSB atau pun KDEB asalnya. Dan tempat petani-petani itu adalah tempat dijangka takungan yang paling dalam menurut kajian oleh pihak LUAS. Jadi apa yang kita buat ialah saya sendiri telah bertemu dengan

petani-petani dan telah panggil untuk membincangkan bersama dengan LUAS bersama dengan KHSB dan sebagainya untuk supaya ada satu tarikh ada satu ruang sedikit untuk petani-petani maka saya telah mendapatkan satu jawapan paling kurang setahun, selebihnya kita pun tak tahu lagi tetapi paling kurang setahun. Maka petani-petani akan boleh untuk terus mengusahakan di tempat itu dan waktu yang sama kita cuba untuk mencari alternatif lain tanpa supaya boleh dimanfaatkan untuk program sebagaimana TKPM di Bestari Jaya. Kemudian, seterusnya saya ..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sedikit.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Ok, Terima kasih. Yang Berhormat EXCO. Saya dapat maklumat bahawa jarak di antara tapak agrotek yang sedia ada TKPM ini dengan cadangan HORAS 5,000.00 ini ada di sekitar lebih kurang antara 12 KM daripada jarak itulah. Yang sebagaimana yang diberi kepada sayalah. Saya berdasarkan kepada laporan yang diberi ini dan yang kedua, kita sedia maklum bahawa TKPM ini merupakan satu usaha yang memang dibuat oleh pihak Jabatan Pertanian dan bukanlah usaha yang dibuat secara ceroboh atau sebagainya oleh pihak peserta memang dibuat secara tersusun dan mendapat bantuan pun dari Kementerian MOA Kementerian Pertanian dan telah menyalurkan hampir RM10 juta untuk pembangunan infrastruktur di kawasan ini. Jadi saya amat prihatin ya, dengan peserta di sini kerana ini merupakan sumber bekalan utama sayur-sayuran, ternakan dan sebagainya untuk Negeri Selangor dan saya dapat ambil laporan daripada Jabatan Pertanian dan sepanjang perjalanan beberapa tahun mereka menyertai program ini sudah hampir RM50 juta lebih sumbangan yang telah diberi oleh kawasan ini. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat EXCO masalah dia surat yang dihantar oleh pihak Kumpulan Hartanah Selangor Berhad ini dalam tempoh 2 bulan untuk mengosongkan tapak berkenaan. Keprihatinan saya ialah bahawa peserta-peserta itu menanggung sebahagian daripada hutang kerana apabila mereka memajukan kawasan ini mereka terpaksa meminjam dengan bank komersial, dengan apa ni dengan institusi-institusi kewangan jadi saya nak minta apa cadangan sama ada menempatkan yang baru sebab dia nak tempat yang baru sudah tentu perlukan infrastruktur yang baru, perlukan kos yang baru dan sebagainya. Dan mereka saya ambil contoh yang menternak ikan di sini bagaimana nak pindahkan infrastruktur yang mereka dah buat di situ. Jadi itu yang saya nak minta, jadi kalau boleh sehingga ini kalau boleh saya nak minta keprihatinan Kerajaan Negeri kalau boleh diberi peluang kepada mereka untuk tempoh sehingga HORAS ini putus bila tarikh ia bolehlah mereka untuk apa ni dan kedua kalau boleh sekiranya mereka dikeluarkan adalah sedikit bayaran kepada mereka supaya mereka boleh membayar sebahagian daripada hutang-hutang mereka yang terpaksa tanggung. Minta penjelasan...

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang. Pertama sekali tentang soalan pertama berkaitan dengan 12 km, itu betul. 12 km itu mungkin rekod yang ada pada Permatang itu ialah *last*. Projek HORAS yang di Sungai Darah sekarang ni lebih kurang 12 km tetapi sebenarnya itu yang hanya menempatkan 600 Projek HORAS yang 600 tetapi Projek HORAS ini akan meliputi 3 fasa. Yang mana selepas daripada ini iaitulah dalam tempoh 2 bulan sebagaimana disebut maka pada bila-bila masa yang seterusnya akan dibuat dia akan melibatkan satu keluasan yang paling luas sehinggalah akan membabitkan tanah-tanah milik KHSB. Jadi termasuk juga tanah yang tempat sekarang ini dibuat TKPM sedang dilaksanakan TKPM. Jadi bahasa itu mungkin ialah kalau sekiranya permohonan-permohonan itu boleh dinyatakan dalam 2000 sebelum 2003 yang dahulu, prosesnya adalah lebih mudah sebelum daripada penyerahan tanah itu dibuat. Tetapi yang dulu apabila menyerahkan tanah kepada KDEB pun tidak ada pemakluman dan perbincangan bersama Jabatan Pertanian. Tahu-tahu tanah sudah terlepas kepada KDEB maka apa yang perlu kita buat sekarang ini ialah kita akan cuba untuk mencari beberapa alternatif supaya tindakan yang kita buat nanti ialah *win-win* supaya pihak apa pun keputusan kita, kita cuba memastikan bahawa pihak peserta PKPM pun dapat beberapa keuntungan dan pihak tuan tanah pun dapat terus melaksanakan program sebagaimana yang telah dirancang ini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Ini, sikit lagi minta penjelasan. Berkenaan dengan arahan untuk mengosongkan tempoh 2 bulan ini. Bolehkah dengan jasa baik Yang Berhormat EXCO untuk ditangguhkan sementara waktu supaya ialah kita kata nak pindah ini mungkin memerlukan masa dan mereka perlukan tempat dan sebagainya.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Tempoh dua bulan ini saya telah bincangkan dalam mesyuarat yang saya sendiri pengerusikan bahawa paling kurang satu tahun. Kita telah mengambil keputusan paling kurang satu tahun. Jadi sehingga selebih daripada itu nanti akan dibincangkan semula berapa tempoh. Sebab dalam masa lima tahun ini mahu tidak mahu memang projek itu akan tetap dilaksanakan. Seterusnya saya menyebut tentang isu yang berkaitan dengan soal Masjid Zakaria oleh Bukit Antarabangsa yang bertanyakan tentang bila masjid ini akan selesai. Sebenarnya semua perkara sudah selesai. Pengambilan alih tanah itu sudah selesai, peruntukkan telah diluluskan dan dia telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan tanah untuk tapak pun sudah selesai cuma yang belum selesai lagi ialah laluan untuk masuk ke tempat itu sahaja. Laluan itu terlalu sempit dan terpaksa mengambil laluan untuk melebarkannya terpaksa mengambil tanah yang milik individu. Jadi proses ini terpaksa ada sedikit dia punya masa tapi macam mana pun saya fikir dalam tempoh sebulan dua bulan ini kita akan dapat menyelesaikan tentang pengambilalihan tanah untuk melalui lori-lori untuk masuk ke tempat ini yang selesa dengan keluasan yang munasabah. Jadi dia membabitkan soal pengambilalihan tanah milik individu dan proses ini akan dapat dilaksanakan seberapa segera. Dan apabila menyebut tentang masjid ini suka juga saya

menyebutkan tentang Paya Jaras. Tentang masjid dan saya telah dimaklumkan bahawa proses tanah apa semua sekarang ini sudah sampai ke Pejabat Tanah. Jadi bolehlah YB kalau nak akses terus ke Pejabat Tanah ataupun nanti Pejabat Tanah akan terus beri jawapan kepada Pihak Kerajaan Negeri bahawa tanah itu sudah ...sudah akan selesai untuk dilaksanakan untuk projek masjid cuma masjid ni kita akan tengok samada dia telah masuk atau pun tidak dalam RMK 10. Kalau telah masuk kita akan maknanya dalam tempoh beberapa tahun ini akan terus di bina kalau tidak kita akan masukkan dalam RMK ke 11 nanti.

Seterusnya berkaitan dengan Sg. Air Tawar. Sg. Air Tawar membangkitkan tentang makhluk perosak yang masuk ke kawasan-kawasan kampung kerana ada sedikit penggunaan apa ni....tanah PKPS yang diusahakan di Sg. Tengar. Ini sebenarnya soal makhluk perosak masuk kampung ni bukan soal baru. Bukan sahaja bermula...saya sebenarnya sudah berada dalam DUN ini dalam tahun 1999 dan saya duduk dulu di tempat Kota Anggerik duduk sekarang ini. Dan ketika itu ADUN Sg. Air Tawar selalu membangkitkan dan buat perancangan bahawa dia akan buat desa monyet, desa biawak, desa....itu dia punya perancangan dan maknanya binatang-binatang ni dah masuk kampung dah dan Sg. Burong pastikan akan dapat mengakui bahawa pada masa beliau menjadi Pegawai Daerah di Sabak Bernam isu yang paling besar pada ketika itu ialah apabila khinzir masuk ke dalam Masjid Sg. Besar. Maknanya makhluk-makhluk ni dah berkeliaran dahdah berkeliaran. Jadi bukan perkara baru. Cumanya macam mana kita menangani ialah supaya saya setuju apabila tempat-tempat yang menjadi habitat kepadakepada makhluk-makhluk ini dizonkan supaya mereka ada ruang untuk merekauntuk mereka hidup. Namun kita tak boleh untuk menyekat kehadiran mereka ke kampung-kampung sekarang ni. Bukan sahaja di Sabak Bernam, di Tanjung Karang, Kuala Selangor dan apa yang Jabatan Pertanian telah buat ialah telah melancarkan perangkap monyet dan telah menggerakkan ini pada tahun 2013 dan pada tahun 2014. Jadi perangkap-perangkap ini telah pun dibuat dan perangkap ini bukan untuk membunuh tetapi ditangkap untuk dipindahkan ke kawasan-kawasan habitat yang sesuai dengannya. Jadi apabila tangkapan telah dibuat dan melalui perangkap-perangkap monyet ini dan sebanyak seribu tiga ratus lapan puluh enam bermula daripada 2013 dan sebanyak tiga ratus empat puluh dua telah pun dilakukan diseluruh negeri Selangor membabitkan Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Gombak dan Petaling dan juga di Sepang. Jadi binatang-binatang ini akan dipindahkan ke tempat yang sewajarnya.

Dan seterusnya saya juga suka menyebut tentang yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu berkaitan dengan Ketua Kampung yang kosong. Ketua Kampong yang kosong ini apabila berlaku kematian ataupun peletakan jawatan dan sebagainya maka pihak PKM bolehlah maklumkan kepada Pejabat Daerah dan biasanya penghulu pun akan ambil '*action*' tentang kekosongan itu dan pihak Pejabat Daerah dan bolehlah memaklumkan nama untuk di...kepada kita untuk ditemuduga oleh pihak Pejabat Daerah mewakili bersama dengan beberapa komunitinya dan selepas

tu akan hantar kepada pihak negeri dan kita akan luluskan nama yang telah pun dipersetujui diperingkat Pejabat Daerah dengan menilai beberapa KPI yang telah kitakita tentukan. Jadi itu proses biasanya. Jadi kalau itu boleh dibuat cepat sampai kepada negeri kita tak ada masalah untuk luluskan dengan segera.

Dan saya suka menyebut tentang berkaitan dengan sekolah-sekolah. Sungai Tawar membangkitkan guru...ada guru yang terpaksa menjadi tukang kebun. Saya fikir agak malanglah. Dan saya tidak fikir yang sekolah ini tidak melantik untuk tukang kebun kerana sebenarnya untuk sekolah ini pihak kerajaan negeri sendiri telah memperuntukkan untuk sekolah-sekolah yang gred A, kerajaan negeri telah melantik konsultan, telah melantik untuk menyelesaikan masalah pembersihan kawasan sekolah tetapi untuk gred B dan C kerajaan negeri telah memperuntukkan lebih kurang lima ratus ringgit ketiga ratus ringgit kelima ratus ringgit untuk pembersihan kawasan sekolah. Jadi sebab itu pihak sekolah kalau tidak ada tukang kebun boleh mengemukakan....boleh melantik dan kerajaan negeri akan bayar untuk gred B dan red C ni. Jadi tak perlulah guru untuk jadi tukang kebun. Tapi kalau guru tu dia memang minat jadi tukang kebun bolehlah letak jawatan jadi guru. Jadi itu *option*...itu pilihan. Dan aa....

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Mohon mencelah....

TUAN SPEAKER: Sri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Sebagai EXCO Agama adakah kerajaan Negeri Selangor setuju subjek Dini yang menggantikan subjek Al-Zahri di dua puluh tiga buah sekolah Agama bantuan kerajaan sebagai subjek elektif. Minta penjelasan dan apakah implementasi kerajaan Selangor agar SABK ini tidak kehilangan pendidikan agama masa akan datang. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ini soalan cari gaduh ni. Baik, kita telah mendapat arahan. Isunya ialah kita telah mendapat arahan daripada kerajaan Persekutuan daripada JAKIM untuk menggunakan...guna pakai Kurikulum DINI bagi menggunakan...bagi menggantikan Kurikulum Azahari yang telah pun berjalan sekian lama di sekolah bantuan kerajaan di sekolah-sekolah menengah Agama di negeri Selangor sebanyak dua puluh tiga buah sekolah. Itu isunya. Soalannya ialah setuju ataupun tidak setuju. Tuan-tuan sekalian, setuju tidak setuju sebenarnya sekolah-sekolah ini memang dari sudut operasinya dibawah Kerajaan Persekutuan. Tapi saya suka nak memaklumkan bahawa sebenarnya penyerahan sekolah SABK kepada pihak pengurusan kerajaan *Federal* ketika itu ialah berlaku pada tahun 2003....2004 dan ketika itusebelum itu telah ada dibincangkan dalam Dewan Undangan Negeri banyak kali dan saya sendiri yang duduk di tempat Kota Anggerik ketika itu turut membahaskan dan tidak bersetuju. Tetapi akhirnya dimaklumkan kepada kita bahawadan saya telah melihat bahawa perjanjian yang dibuat ketika itu ialah hanyapengambilan itu bukan soal pengambilan kurikulum tetapi ialah bantuan

modalbantuan modal. Jadi pihak kerajaan Federal hanya nak memberi bantuan modal. Kurikulum tetap diteruskan. Tetapi kita ada satu perasaan yang ada kelainan bahawa satu hari nanti mesti dia akankerajaan *Federal* ni takkan patuh dengan janji yang merekamereka buat....dengan perjanjian yang mereka buat. Akhirnya segala persoalan itu terungkai apabila sekarang ini Federal minta supaya Kurikulum Azhari dimansuhkan dan dia bertentangan dengan perjanjian yang telah dibuat oleh Kerajaan Federal dengan juga Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor. Jadi sebab ini kita sedang berforum dan kita minta supaya kerajaan Persekutuan untuk berikan kepada kita 'public hearing'.....

TUAN SPEAKER: Y.B. Sabak boleh ringkaskan....

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:untuk memberikan kita satu pendengaran umum, apa perlunya, apa justifikasi untuk supaya semua ini nak ditukar sedangkan kita tak ada masalah dengan kurikulum, Kurikulum Al-Azhari. Dan kita telah kumpulkan ramai, Jabatan Agama Islam telah kumpulkan untuk buat forum dalaman dengan mereka-mereka pengasas-pengasas yang lama dengan yang baru melalui unit, melalui pendidikan dan memang keputusan merekasetakat ini kita menolak....setakat ini kita menolak sehinggalah pihak JAKIM boleh menerangkan kepada kita apa justifikasi....apakah keperluan untuk kita mengubah kurikulum ini daripada Al-Azhari kepada DINI yang telah disepakati

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Mencilah Y.B EXCO,

TUAN SPEAKER: Sri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Apa yang dimaklumkan bahawa MAIS telah menerima keputusan ini walaupun dalam perbincangan keseluruhan majoriti tidak bersetuju dengan subjek Dinel ini. Mohon penjelasan pihak EXCO.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Sebenarnya dari segi satu sudut kita pun tidak ada pegangan kuat kepada SABK ini dari segi dalaman sebab kerana dari segi operasinya sekarang ini pun sudah dilakukan oleh kerajaan *Federal* oleh JAKIM...oleh kerajaan Federal sendiri. Bahkan bukan sekadar itu bahkan kita sendiri...saya sendiri pun nak masuk ke sekolah ni pun tak boleh, jangankan kata kurikulum. Sekolah saya yang lama Sekolah Batu 38, pengetua pun bekas guru saya dulu, bila PIBG putus kata nak panggil saya putus saya kata boleh saya bagi. Akhirnya bila pengurusan kata tak boleh. Kalau nak datang pun duduk di bawah je, tak boleh naik pentas. Jadi, akhirnya yang dipanggil siapa, yang dipanggil ialah Naib Ketua UMNO Bahagian. Ahli Parlimen pun tidak, DUN pun tidak. Ha jadi...

TUAN SPEAKER: Lima minit lagi Y.B. Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ok baik...lima minit lagi. Baik seterusnya saya menyentuh beberapa isu yang agak yang banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan, tentang isu berkaitan dengan Al-Kitab. Dan saya harap ini dapat difahami oleh rakan-rakan semua bahawa nikmat kita berada di Selangor ini ialah apabila kita hidup dalam suasana yang kepelbagaian agama yang masing-masing perlu hormat-menghormati dan kepelbagaian agama ini sedikit pun tidak menghalang, tidak menjadi penghalang untuk kita membina satu kerukunan dan juga kedamaian di antara sesama manusia. Asal sahaja sesama kita semua agama kita boleh saling hormat dan menghormati. Dan bagi Islam sendiri kita tidak pernah diajar dan tidak boleh untuk menghina untuk mencerca agama-agama lain sehingga Allah SWT sendiri dalam Al-Quran menyebut dengan izin(bacaan ayat) yang bermaksud” *Dan janganlah kamu cerca apa-apa yang mereka sembah yang lain daripada Allah kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampau dengan ketiadaan pengetahuan*”.....

Larangan ini jelas supaya kita dididik, diajar jangan cerca-mencerca. Apa yang berlaku boleh jadi sedikit proses untuk mematangkan kita yang hari ni mengajak kita untuk mencari kedamaian ini masing-masing perlu bersabar. Dan dalam proses ini saya sekadar untuk memaklumkan dan menyatakan bahawa proses Al-Kitab ini boleh jadi sudah mengikut sampai ke Borneo walau pun nampak macam lambat. Bahawa ianya sudah sampai kepada peringkat Peguam Negara dan pihak peguam Negara telah minta supaya Jabatan Agama Islam untuk mengkaji dan menentukan samada apa yang disebut Al-Kitab itu termasuk di dalam penerbitan yang terangkum di dalam Enakmen ataupun dia bukan penerbitan. Dan waktu yang sama juga ianya perlu di ‘*compare*’ kan dengan di‘*deal*’ juga dengan KDN samada dia masuk kepada Akta Cetak dan juga ASTAN tahun 1984. Ini apa yang diputus oleh ...jadi proses itu saya fikir sudah semakin ke hujung dan kalau tidak ada apa-apa selepas selesai dalam beberapa waktu yang singkat ini maka saya fikir segala apa ni...pertanyaan permintaan oleh ramai ahli-ahli Y.B. tadi Insya-Allah akan terjawab. Jadi untuk ini supaya masing-masing saya fikir boleh bersabar dalam sedikit masa lagi dan kalau Damansara Utama dia kata dah bersabar dalam masa tiga bulan mungkin sabar sikit lagi akan kita selesaikan. Silakan..

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Y.B. EXCO, saya hanya nak berkata bersabar ini tiga bulan sudah, so saya berharap bahawa minggu depan adalah *Easter*, Hari Easter, kita untuk penganut Kristian. Saya berharap bahawa kerajaan negeri boleh berusaha untuk mengembalikan Al-Kitab ini sebagai hadiah yang terbaik untuk penganut-penganut Kristian di Selangor dan juga membawa harapan kepada semua *Malaysian all that we are living in a harmonies country*.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ha, saya tidak boleh menentukan bila, tapi apa yang boleh kita jawab ialah saya akan cuba minta supaya tafsiran dan skala

yang diminta itu boleh dilakukan dengan seberapa segera yang boleh. Jadi, minta ialah mungkin bersabar sedikit kalau Kajang boleh sabar 16 tahun sampai hari ini sabar, jadi itu sebagai jawapan saya dan akhir sekali saya juga hendak mengambil sedikit masa untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kajang dan walau pun saya fikir dalam terlalu banyaklah, mungkin 20 minit yang disebut berkaitan soal-soal yang berkaitan dengan liwat dan sebagainya.

Sebenarnya biar banyak mana pun perkataan-perkataan itu nak diungkap dan dijadikan *di ratib* dan *di wirid* tetapi bagi sebagai seorang Muslim seterusnya saya berkeyakinan bahawa selagi ianya tidak disabitkan melalui empat (4) orang saksi dan juga melalui pengakuan, maka sebenarnya dia tidak bersalah, mana-mana ungkapan mulut gerak hati ataupun diulang banyak kali sehingga menjadi wirid harian ianya hanya akan menambahkan ganjaran pahala kepada yang dituduh dan akan meningkatkan darjat waktu yang sama akan menambahkan dosa bagi orang yang menuduh.

Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB: Penjelasan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB: Kami di peringkat sekolah Agama akan mengambil tindakan sebagai kesalahan *khataf* dalam syarie Islam terhadap mereka yang meratib dan mewiridkan perkara tersebut.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ha, ia tindakan-tindakan ini berdasar kepada repot yang dibuat secara jelas kepada individu tertentu, jadi yang pihak sebenarnya pihak Anwar Ibrahim pun sudah pernah minta supaya ia dibuat di Mahkamah Syariah, tetapi tuntutan itu tidak dilayan dan tidak di endahkan, tapi bersabar lah, dan saya yakin pengalaman yang panjang Kajang hadapi ini yang cukup mematangkan beliau menjadi ibu yang baik, isteri yang baik, dan hari ini akan menjadi ADUN yang baik di negeri Selangor, Insya-Allah semua kata-kata nista dan sebagainya yang disebut itu kalau Allah menghendaki baik, walaupun ribuan kata tidak baik akan jadi baik juga akhirnya, tapi bagi siapa yang rasa dia rasa baik tapi kalau akhirnya Allah kata tak baik tak baik juga.

Semua itu datang daripada Allah dan saya juga nak ucapkan terharu dan atas kesabaran dan terimalah hukuman dengan reda walaupun mungkin kita tidak reda, menangis lah untuk seorang suami kerana kecintaan dan juga kerinduan, tangisan seorang isteri kepada suaminya adalah Syurga, air mata Syurga, *wallahua'lam. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

TUAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato', ha Puan Speaker, oleh sebab saya nak mengambil masa saya tidak akan mengambil masa lama tetapi oleh sebab Yang Berhormat Sungai Burong ada di sini, saya berterima kasih kehadiran beliau sebab saya akan tumpukan beberapa perkara, dua (2) perkara yang besar saya akan tumpukan iaitu membincangkan tentang strategi belanjawan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong sejak beberapa tahun kita bersama, kemudian saya akan timbulkan juga isu *Canal City* yang dimintakan penjelasan yang jelas yang saya tulis dan untuk diedarkan selepas ini. Tiga (3) juga saya akan membincangkan tentang saudara Anwar Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi dan bagaimana peranan dia dalam usaha membangunkan negeri Selangor dan negara Malaysia.

Pertama, saya bercadang untuk mengedarkan laporan tentang analisa belanjawan negeri Selangor daripada 2008 sampai 2013, sebab tiap-tiap kali, kita membuat kenyataan, membuat kenyataan ialah bahawa belanjawan negeri Selangor ialah belanjawan yang berimbang, bererti anggaran hasil itu pendapatan ataupun hasil serupa dengan anggaran perbelanjaan jadi apabila anggaran hasil dan anggaran perbelanjaan itu sama ataupun 1% atau 2% bererti dipanggil belanjawan berimbang. Ataupun bila anggaran hasil lebih rendah daripada perbelanjaan yang itu yang dipanggil bajet *deposit* ataupun berkurang dan anggaran hasil melebihi sangat perbelanjaan dia dianggap sebagai bajet *surplus*, jadi untuk itu apa dua (2) perkara yang paling penting untuk diambil sebagai penetapan dalam perancangan belanjawan negeri berbanding dengan belanjawan untuk negara persekutuan.

Satu (1) ialah iaitu apabila hasil tidak cukup untuk bila hasil tidak cukup untuk membayar belanjawan dia dipanggil *deposit* tetapi ia dipanggil terhutang. Untuk negeri hutang itu kena dibayar sebab dia belanjawan tetapi negeri tidak boleh membayar hutang itu kalau tidak membuat pinjaman, jadi pinjaman itu boleh dibuat melalui pinjaman bank ataupun pinjaman dengan kerajaan persekutuan, nampaknya kalau itu strategi kita ini mungkin saya tak tahu kalau dunia berubah tapi mungkin tidak berlaku untuk negeri di bawah Pakatan Rakyat untuk diluluskan pinjaman oleh kerajaan persekutuan, itu sebabnya, oleh sebab itu strategi yang baik untuk negeri ialah membuat belanjawan berimbang ataupun belanjawan *surplus* itu terlalu berhemat sangat.

Kedua (2) kenapa? Kerajaan persekutuan boleh membuat belanjawan—belanjawan *deposit* jawapannya boleh, sebab kerajaan persekutuan boleh membuat kertas pinjaman bila-bila masa itu yang dipanggil *Government Securites* atau bon bila dia tak cukup duit dia boleh terbitkan kertas pinjaman walau bagaimanapun untuk Malaysia kita hanya disekat kepada 54% daripada GDP kita sudah hampir tapi jawapan kerajaan persekutuan boleh meminjam berbilion-bilion bukan berjuta-juta berbilion-bilion, jadi oleh sebab itulah apabila saya merangka belanjawan negeri Selangor saya mengambil kira faktor tersebut iaitu negeri Selangor mesti berbelanja secukup dengan hasil yang di dapatinya.

Jadi, kalau kita tengok pada tahun 2008, saya menganggarkan hasil RM1,340 juta, jadi bajet saya pun RM1,340 juta tapi dewan agak terperanjat sebab tahun awal kita berjumpa saya kata saya buat pula bajet tambahan, bajet tambahan sebanyak 828 juta, maknanya bajet, ini kerana dalam masa 2008 itu saya dapati anggaran hasil kita bukan RM1,340 juta tapi hasil kita bertambah sebab RM1,516 juta, jadi oleh sebab itu saya berani datang ke dewan untuk membuat belanjawan tambahan, jadi hasilnya pada tahun 2008 kalau kita tengok besok kita boleh, belanja yang sebenarnya kita lakukan ialah RM1,467 ribu juta dan kita hanya mendapat lebihan, lebihan yang hasil yang sebenar dengan belanja sebenar sebanyak RM49 juta jadi, maknanya dalam kiraan biasa ia *balance*.

Tahun 2009 kita anggap walaupun kita kira semula anggaran hasil ialah RM1,400 juta bajet kita pun RM1,400 juta tapi kita dapati bajet kita perlu kita tambah lagi sebab penambahan bajet kita hasil yang kita dapat mula premium yang banyak kita dapat RM1,763 dan bila kita tolak itu kita boleh membuat bajet tambahan sebanyak 787.6 juta. Jadi kita belanja RM1,829 tetapi kita hasil kita RM1,763, jadi kita ada *deposit* RM65 juta maknanya RM65 juta itu dianggap kecil. Perkara ini berlaku 2010 kita *balance* dan lebihan sebenar RM124 juta, tahun 2011 sebenarnya RM180 juta tahun 2012 lebihan sebenar 268 dan tiap-tiap tahun kita tingkatkan bajet tambahan RM828 juta tahun 2008, RM787 juta tahun 2009, RM597 juta tahun 2010, RM620 juta tahun 2011, tahun 2012 RM667 juta dan 2013, RM712 juta.

Apa yang saya nak tunjukkan di sini strategi bajet untuk negeri ialah menganggarkan hasil dan dalam proses pendapatan tersebut, jika hasil itu berlebih barulah kita buat bajet tambahan supaya akhirnya kita ada mempunyai dana yang cukup dan tidak payah berhutang. Sebab, konsep berhutang tidak boleh dilakukan oleh negeri kalau tidak mendapat kelulusan daripada kerajaan persekutuan ataupun berhutang dengan bank. Jadi kedua-dua (2) hutang itu pun tak, jadi apa yang saya buat dalam melakukan belanjawan-belanjawan ini saya juga meningkatkan *rizab* negeri daripada RM1,000 juta sekarang Alhamdulillah sampai ke RM3,000 juta. Jadi bererti kalau apa-apa pun berlaku pada negeri Selangor ini sekurang-kurangnya kita ada dua (2) tahun hasil, kalau tak dapat hasil tapi perbelanjaan kita sekurang-kurangnya dua (2) tahun, jadi kita kena jaga seterusnya..bukan maknanya dua (2) tahun tetapi makna kita jaga seterusnya.

Jadi, jawapan saya bahawa kalau adakah, seorang akan bertanya adakah perkara ini perkara aneh? Sebab belanjawan negeri atau negara mesti dibuat secara tahunan. Yang sebenarnya tidak. Negeri-negeri yang lagi maju umpamanya Kanada dan, dia juga buat sekarang secara *quarterly*. Pakai *quarter* sebab Dewan akan dapat akaun terkini. Ini sudah berlaku umpamanya contoh pada tahun 1180an akaun untuk syarikat-syarikat yang diurus niaga di pasaran saham dibuat pada tahun berakhir iaitu biasanya 31hb. Disember. Sekarang, sesiapa yang, yang ada mempunyai saham di pasaran saham akan mendapat *statement every quarter*, tiap-tiap *quarter*. Jadi maknanya tetapi dia dipanggil, ada kalanya dipanggil *un audited*

statement tetapi kenyataan penyata kewangan itu sudah diberi. Jadi, untungnya pada Dewan ialah menentukan Pegawai Kewangan dan juga Pejabat Kewangan Negeri mesti menutup akaun setiap masa. Jadi umpamanya kalau saya bercakap dengan Pengarah Kewangan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, saya tanya berapa rizab negeri sekarang, dia tidak boleh beritahu saya pada 31hb. Disember. Iaitu, itu biasanya orang tutup buku. Dia kena beritahu saya pada hujung bulan sekurang-kurangnya. Dan sekarang saya minta dia beritahu tiap-tiap minggu. Jadi maknanya, negeri mempunyai disiplin menjaga kewangan itu dengan rapi.

Apa baiknya? Baiknya kita tahu keadaan kewangan. Kedua, walaupun kita ada kesilapan, kita boleh betulkan dengan cepat. Itu sebab saya membawa negeri ini ke satu tahap sebagai satu negeri yang mempunyai tatacara pengurusan kewangan yang baik. Jadi, dan dia diiktiraf. Saya berterima kasih kepada Pegawai-pegawai Kewangan Negeri yang sejak 2008 dia mendapat pengiktirafan 4 bintang. Makna tak ada lagi bintang, 5 bintang tak pernah dibagi. Dia akan mendapat 4 bintang. Jadi maknanya, tiap-tiap masa, tiap-tiap tahun dia dapat hadiah. Tapi tak ada banyaklah hadiah untuk itu. Jadi maknanya, kita sudah betulkan keadaan negeri. Tapi sudah tentulah Ahli-ahli Dewan akan berjumpa dengan Pegawai Kewangan yang penuh disiplin. Maknanya, kalau nak minta duit dia buat tak dengar je. Ialah, itu maknanya dengan penuh disiplin. *That's the*. Sebab dia kena jaga akaun dia berterusan. Jadi tak de, dia tak boleh, boleh bagi duit tak tentu arah saja. Jadi maknanya, dengan penuh disiplin. Bukan, bukan. Jadi itu sebab, jadi, jadi besok kalau Negeri Selangor ini kaya, dia kaya betul. Dia tak ada kaya cakap-cakap. Dia cakap betul, betul. Makna kalau dia ada RM3 ribu juta, dia ada RM3 ribu juta. Boleh dikira semalam. Jadi itu dia punya *standard* yang saya, saya buat.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ha, ya

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kita sekarang ni kaya betul ke kaya main-main?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau RM3 ribu juta dianggap kaya, kaya betullah. Tapi RM3 ribu juta belum kaya lagi untuk negeri. Jadi untuk negeri.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Saya sebenarnya saya nak mendengar dulu jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah menerangkan tentang cara-cara macam mana proses belanjawan dibuat dalam negeri ya. Dan saya melihat ini proses yang satu memantapkan hasil ataupun rizab negeri itu yang telah dilakukan sehingga ini. Tapi dalam soal belanjawan ini, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga telah menerangkan tentang cara-cara bagaimana pengawalan perbelanjaan dibuat

daripada proses tahunan kepada proses yang dipanggil sama ada *review, quarterly and monthly*. Cuma yang saya bangkitkan ini, yang saya anggap ini sebagai satu yang berlaku setiap kali dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Setiap kali kita membangkang belanjawan, tapi setiap kali itu juga dalam setiap kali membentangkan belanjawan, hari ini bentang belanjawan hari ini juga kita minta tambahan belanjawan. Jadi, kalau kita lihat dari segi perancangan ya, ada saya lihat item-item tu yang sepatutnya memang kita boleh dari segi kita tahu dan kita boleh ambil kira. Contohnya bayaran untuk air percuma. Memang dah tahu dan boleh dimasukkan dalam belanjawan. Mengapa ini tidak dimasukkan dan kemudian kita perlu mengadakan belanjawan-belanjawan tambahan sehinggakan pada hari ini sebab saya melibat belanjawan ini daripada 2 sudut. 1 dari sudut hasil dan sudut perbelanjaan. Dan saya ingin mengambil contohlah tadi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah berikan analisis dalam tempoh 5 tahun. Saya pun selalu membentangkan juga analisis dalam tempoh tahun ke tahun ini, sepanjang tahun. Itu saya punya pendapat yang menimbulkan persepsi di kalangan rakyat bahawa kita ni kalau dah buat belanjawan yang betul ni, mengapa ada keperluan kita untuk mengubah-ubah atau menambah-nambah perbelanjaan? Misalnya saya bagi contoh 2014 ya, kita dah ada kata jangkaan kutipan hasil sebanyak RM1.8 bilion ya. Dan kita telah menetapkan berdasarkan RM1.8 bilion ini ialah RM2.4 bilion untuk perbelanjaan. Itemnya adalah ya perbelanjaan itu untuk menampung sebahagiannya daripada perbelanjaan pengurusan, perbelanjaan bekalan dan juga perbelanjaan tanggungan. Kemudian, dalam pada itu juga hari ini kita dibentangkan pula ya, ini dengan anggaran orang kata perbekalan untuk tambahan

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, perbahasan untuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan boleh kita bahaskan hari Isnin depan. Bukan sekarang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BINN LIAS: Tak, saya, saya nak itu nak bertanya tadilah. Yang persepsi ni. Mengapa kalau dah dibuat tiap-tiap apa ni bulan, kita buat aje belanjawan ini 3 bulan, 3 bulan. *Next sitting* kita buat belanjawan ni terus daripada kita buat 1 tahun tetapi nanti akan berubah-berubah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kita boleh buat *quarterly budget*. Kita boleh buat. Tapi oleh kerana perancangan sekarang, budaya sekarang membawa, dia dipanggil belanjawan tahunan. Itu sebab dipanggil belanjawan tahunan. Kedua, saya ingin menyatakan itu sebab sekarang sudah tentu Sg. Burong akan bertanyakan mengapa ada bajet tambahan selepas bajet sudah dibuat? Jawapan itu ialah memberikan kuasa bagi Dewan untuk mengetahui tentang perubahan. Maknanya kita pantau seterusnya. Umpamanya ditanya saya pasal air percuma sebagai contoh air percuma. Saya buat bajet tu saya ingat penyelesaian air percuma sudah selesai pada hujung tahun 2013. Tapi saya bagi 6 bulan dia punya apalah, anggaran saya dalam 6 bulan sahaja kita buat bajet untuk air percuma sampai bulan Jun. Jadi, tapi apabila kita dah buat perbincangan dengan Kerajaan

Persekutuan, dah *sign* pun memorandum tapi birokrasi tu akan jadi supaya jangan terperanjat kita, kita, kita buat lagi 6 bulan tapi saya berharap dapat selesaikan perkara ini sebelum bulan Jun. Jadi saya akan datang balik kepada Dewan untuk tarik balik 1 kalau semua berlaku, itu tidak akan dipakai lagi. Jadi bererti kita sensitif tentang perkembangan perakaunan. Itu sebab dia mengajar kita tentang sensitif tentang perkembangan perakaunan. Kedua,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan, minta penjelasan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jadi

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak apa. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Cuma saya ada 1 persoalan. Adakah Yang Amat Berhormat bermaksud kebaikan membentang perbelanjaan tambahan ke Dewan ini ialah Dewan akan mempunyai 1 peluang setiap 2, 3 bulan sekali untuk meneliti setiap peruntukan ataupun projek ataupun kepala yang perlu dibahas di dalam Dewan ini dan Dewan perlu meluluskannya? Dan dengan itu Ahli-ahli Dewan mempunyai 1 kelebihan untuk memahami dengan lebih teliti apakah perancangan kerajaan untuk tempoh 2, 3 bulan yang lepas dan yang akan datang. Adakah ini maksud Yang Amat Berhormat

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Inilah, ini yang dipanggil *culture of continous monitoring*. *Culture* yang dibuat dan ini 1, sebab apa budaya ini kena dilakukan? Sebab saudara adalah pemegang amanah dana rakyat. Jadi saudara mesti ada *culture of continous monitoring*. Kalau saudara tak de *culture* tu besok, jawapannya kalau hanya bila cukup tahun saja saya nak tunjukkan saudara *the culture* ni yang saya nak ubah ni. Sebab bila kita bincang tentang audit, audit yang dibuat oleh Audit Negara. Audit tu dah berlaku 3 tahun baru kita bincang tahun ini. Maknanya kalau benda dah hilang, dah hilanglah. Itu sebab *we create the culture of continous monitoring*. Dan ini lebih mantap lagi, lebih. Walau pun dia lebih menyusahkan tapi lebih baik buat bajet yang secara menyeluruh. Jadi tak payah Ahli Dewan Negeri kacau kita. Kita cakap ialah tak payah, dah buat, ialah, itu sebab. Tapi saya anggap, saya anggap saya juga bertanggungjawab kepada diri saya sebab dengan itu.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan. Adakah selama ini Ahli Dewan Undangan Negeri mengacau Menteri Besar?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak, belum lagilah. (Ketawa) Tidak, saya, maknanya, kalau tidak kita tak buat macam ini kita. Jadi kedua, kedua, kita juga boleh ubah taktik bajet kita. Katalah sebagai contoh, sebagai contoh, kita umpamanya saya akan membawa belanjawan yang menyebabkan kita akan membelanja hampir *I think* lebih daripada 100 juta rumah, untuk rumah mampu milik. Ada, ada yang kita akan bincangkan. Dan Ahli-Ahli Dewan akan berbincang. Kalau dalam perbincangan itu, Ahli-ahli Dewan boleh tunjukkan cara kita menggunakannya

tak betul, kita boleh ubah. Jadi itu yang paling penting. Tapi untuk EXCO kita akan *defend our position* tapi Ahli Dewan boleh memantau tentang perkara ini. Jadi itulah sebabnya bajet *rolling budget* ini lebih baik daripada bajet yang pakai setahun. Boleh jadi di ..ini tidak boleh, saya berbincang dengan rakan saya di, di, di *Treasury* dan juga di EPU. Saya bincang dan dia pun rasa Menteri nak buat secara ini tapi dia berpendapat Persekutuan, Kerajaan Persekutuan terlalu banyak *ministry* yang mesti diubah budaya tu lagi, itu sebab dia tak berani nak buat, jadi saya berbincang, dia kata kena nanti banyak orang yang kena tak tidur malam sebab dia kena *update* dia punya akaun, itu sebab dia tidak lakukan. Tapi pada saya ini perlu, ini perlu kerana itu sebab ada orang lebih senang mengatakan 'oh, *you* bajet ini, *you* defisit ini', itu saya ingat asas utama saja. Jadi saya tidak hendak mengambil masa lagi walaupun rekod-rekod ini akan diberikan kepada Dewan.

Kedua, saya nak mengambil masa untuk bercakap tentang isu tanah *Canal City*. Jadi penjualan jual beli tanah dan pembangunan antara MBI (Menteri Besar Incorporated) PNSB dan *Dijaya Corporation Sdn. Bhd.* Latar belakangnya ialah begini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2003 yang bersidang pada 26 Februari telah meluluskan permohonan PNSB bagi memajukan projek tebatan banjir yang merangkumi keluasan seluas 5,270.72 ekar di Mukim Tanjung 12 dan Mukim Telok Panglima Garang, Kuala Langat. Walau bagaimanapun berdasarkan pada kajian terperinci, keluasan yang baru yang dipersetujui ialah seluas 4,907.5 ekar selaras dengan konsep yang diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor pada 2006. Ini tanah yang dikatakan oleh Kerajaan Negeri untuk dibangunkan sebagai kawasan menyelesaikan masalah tebatan banjir. Projek tersebut, dia berteraskan konsep *ealen water city* yang mempunyai terusan air sepanjang 18 km dan *Sub Canal* yang menghubungkan Sungai Klang dan muara Sungai Langat.

Pada 2004, MMKN EXCO Negeri telah meluluskan 2 hak milik tanah secara blok kepada Permodalan Negeri Selangor Berhad iaitu masing-masing seluas 2,176 ekar dan 417.5 ekar. Manakala tanah seluas 2,300 ekar melibatkan pengambilan tanah ke atas lot-lot persendirian, bererti Kerajaan Negeri telah mengambil tanah-tanah tanah Kerajaan Negeri dan tanah persendirian untuk dibangunkan apa yang dipanggil *Canal City*.

Satu (1) perjanjian *Share holder agreement* di antara PNSB dan *Radion Peeler Sdn. Bhd.* ditandatangani pada 5 Januari 2004 dan antara lain syarikat usaha sama *Canal City Construction* terbentuk dan mempunyai obligasi seperti berikut:

Mereka bentuk, membina dan menyiapkan terusan tebatan banjir sepanjang 18 kilometer dengan kos RM530 juta;

Kemudian Unit Pembangunan Ekonomi Selangor melakukan pengambilan balik tanah kepada orang persendirian RM430 juta, kemudian memindahkan orang asal

Bukit Kemendul dan Tanjong Rabok dengan kos RM180 juta, memindahkan setingan dengan RM4.87 juta, manakala obligasi *Rediun Peeller* adalah membangunkan perbandaran baru yang tersusun seluas 4,907.56 ekar dan membayar pulangan sebanyak RM1345 bilion secara berperingkat dalam tempoh 20 tahun kepada *Canal City Contruaction Sdn. Bhd.* Bukan syarikat milikan kerajaan negeri bukan syarikat milikan dia milikan dalam kumpulan TALAM untuk membiayai syarikat *obligasi* tersebut sejumlah RM1.28 bilion menjamin keuntungan minima berjumlah TM4 juta kepada *Canal City Contruaction* di mana PNSB memperoleh pulangan sekurang-kurangnya RM22 juta.

Kesimpulannya 4,000 ekar tanah ini akan dibangunkan oleh *Canal City Contruaction* dan juga *Rediun Peeler* yang diawasi oleh PNSB dan PNSB dalam masa 20 tahun akan menerima RM22.2 juta, ha ini dia punya apa tu, urus niaga yang dibuat dalam perjanjian itu. Jadi saya suruh Jabatan Pengairan dan Salinan Selangor membuat kajian semula sebab saya tengok Canal City 4,000 ekar tanah dan akhirnya PNSB hanya dapat RM22 juta, itu pun 10 ke-15 tahun kemudian.

Jadi saya pun buat kajian, laporan itu diserahkan kepada Menteri Besar pada 24 Disember 2008, dan mendapati takungan sedia ada yang siap dibina oleh kerajaan adalah mencukupi dan tambahan pula peningkatan paras air di Lembangan Sungai Langat akan berlaku berhampiran jeti Serita Mas Bandar Banting di mana hanya 3 sentimeter kepada 5 sentimeter, akhirnya kita menggali parit yang tiada menolong hal ini. Jadi, apa saya buat, jadi pada bulan Jun 2009 saya telah memutuskan supaya kita membatalkan projek pembinaan terusan dalam projek tebatan banjir dan satu (1) *task force* PNSB diwujudkan untuk mengkaji semula keseluruhan rancangan projek dan pembangunan tersebut.

Akhirnya pada 13 Ogos 2010 PNSB telah memutuskan untuk menandatangani *Termination Agreement* antara *PNSB, Rediun Peeler Sdn. Bhd, dan Canal City Contruaction Sdn. Bhd.* Ini rekod semua ada tetapi kalau berminat nak pergi SELCAT pun kita boleh laksana.

Kemudian selepas itu, pada 2011 bila kita dah tengok itu kita bayar dalam bentuk tanah dan akhirnya pada 2011 Lembaga Pengarah Permodalan Negeri Selangor Bhd bersetuju terhadap cadangan. Kita akhirnya bila kita bayar balik dia tengah buat *canal* apa semua akhirnya kerajaan negeri mendapat balik tanah sebanyak 1,172 ekar dan mendapat dan yang lain kita tentukan pembangunnya yang sebahagian tanah *Canal City* yang telah dibatalkan pada 2010.

PNSB telah mengeluarkan iklan notis tender bagi memiliki tawaran pembina, kata kita ada 1,172 ekar untuk dibangunkan kita tender tanah bukan kita jual, macam dulu kita hanya jual sekarang kita tender dan mereka yang menjadi ahli untuk *task force* ini ialah *Dato' Haji Ahmad bin Omar Ketua Eksekutif PNSB, Dato' Rahmat bin Jamari, seorang peguam* dan pernah bekerja *di Sen Dalamore dan partners* dalam

Sen Dalamore, Tuan Haji Mohd Yusof Husin, iaitu pernah menjadi Ketua Eksekutif Island and Peninsular Encik Azlan Kachong Pengurus PNSB, Encik Nizam bin Haji Yaakub Setiausaha Syarikat PNSB, Dato' Mohamad Jaafar bin Atan – Datuk Bandar Shah Alam, Arkitek Ahmad Kamal bin Abdullah Arkitek, Encik Mohd Ariffin bin Haji Omar, Juru Ukur Bahan, Engineer Haji Yusof Ismail Jurutera Awam, kita cantumkan mereka bersama dan mereka dan lagi seorang ialah Mohamad Ali bin Yusof bin Ismail iaitu Akauntan, jadi kita cantumkan jadi bebas untuk meminta apa tu, a cadangan.

Sebanyak tiga belas (13) syarikat telah membeli dokumen tender, kita telah membuat dokumen tender dan enam (6) syarikat telah menghantar *bidaan* yang bernilai dari 173 juta hingga 1.297 bilion, syarikat tersebut ialah *Dijaya Corporation Sdn Bhd., Port Off Jewel Sdn. Bhd., Glomac Berhad, Mah Sing Properties Sdn. Bhd, Teo Ah Kiang Design Consultant Sdn. Bhd, Teo Ah Kiang* ini daripada *Dubai, dan SP Setia Bhd.* Jadi dia akan diteliti oleh Lembaga tadi dan akhirnya lembaga telah menyenarai pendekkan dua (2) pembina yang boleh diambil iaitu *Dijaya Corporation Bhd* sekarang dikenali sebagai *Tropicana* dan *SP Setia Bhd* itu yang dua (2) tinggal dua (2).

Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Januari 2013 telah memutuskan untuk menerima syor pengurusan PNSB agar memilih *Syarikat Dijaya Corporation* sebagai pembina yang berjaya yang paling hasil yang tinggi hasil yang tinggi ialah maknanya tawaran pulangnya sebanyak RM1,297 juta bayangkan dulu kita dapat RM29 juta sekarang kita akan dapat RM1,297 juta jadi itu kita hasilkan.

Jadi itu yang akan kita hasilkan dalam tempoh 20 tahun serta tawaran ini dibuat kepada syarikat tersebut mengambilkira *termination agreement* yang kita buat dengan *RPNSP Cannel City Constructions dan Radian Pillar.* Jadi kos tanah akan dibayar dalam masa 12 tahun kita akan dapat RM587 juta, faedah terkumpul kita dapat RM257 juta, perkongsian pembangunan iaitu kadar GGV. Kita membuat penjualan itu berasaskan *Gross Government Value* yang bernilai RM8.64 bilion. Jadi pelan pembangunan yang dicadangkan *Tropicana* termasuk pembangunan prasarana maknanya daripada 1,172 ekar, 424 ekar dipulangkan balik kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk jalan dan dalam bentuk kawasan lapang, sekolah dan sebagainya. 784 ekar untuk projek pembangunan perumahan dan komersial. Pembangunan infrastruktur tersebut akan dibangunkan oleh pemaju untuk kemudahan orang awam seperti jalan raya, sekolah, kawasan perkuburan, masjid, pusat rekreasi dan infrastruktur dan prasarana awam ini apabila setelah siap dibina akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Jadi kita bukan sahaja mendapat pulangan dalam bentuk hasilnya iaitu sekurang-kurangnya RM800 juta tetapi juga dalam bentuk pembangunan prasarana untuk kemudahan rakyat. Keputusan dibuat dengan asas pertimbangan harga semasa pulangan yang diterima dan nilai pembangunan kasar GGV. Ianya bukan sahaja positif dalam bentuk pulangan nilai hartanah tetapi juga mampu memperoleh sebahagian daripada keuntungan projek

yang akan dilaksanakan pada masa yang sama membentuk kongsi antara PNSB dan Tropicana berdasarkan pembangunan. Pada April 2013, satu perjanjian penjualan tanah dan pembangunan telah ditandatangani antara MBI, Menteri Besar Incorporated dan PNSB yang diwakili oleh Pegawai Eksekutif PNSB, Ahmad bin Omar dan anak syarikat Tropicana, Sapphire Index, diwakili oleh Dato' Yau Kok Seng dan Dato' Dickson Tan Yan Luk dan status terkini perjanjian antara Tropicana dan PNSB telah berdasarkan nilai *Gross Government Value*...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Perjanjian ini dibuat waktu *caretaker government*....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tiada, *caretaker government* tiada terlibat dalam hal ini.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Maksudnya walaupun dibuat oleh PNSB tetapi masa itu masa peralihan PRU ke-13.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak menganggap itu satu keputusan yang apa yang dikatakan *conflict of interest*. Tiada.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ialah, mengapa tidak dibuat misalnya mengapa tidak boleh selepas PRU13 ditandatangani, mengapa waktu itu sebab saya ada baca dalam Harakah. Kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa semasa dalam *caretaker government* apa juga dasar-dasar baru apa semua itu tidak akan dilaksanakan tetapi hanya untuk melaksanakan apa juga keputusan-keputusan yang ada pada masa itu...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ini keputusan sudah dibuat lebih awal daripada April dan saya tidak menandatangani keputusan-keputusan ini.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ialah, saya pun bangkitkan itu ada beberapa isu yang pertama itu dari segi undang-undang sebab walaupun dari segi perundangan itu tapi sebab saya juga mengambil pandangan juga kenyataan Dato' Menteri Besar dalam Harakah yang keluar sebelum itu dan kemudian walaupun ini dilaksanakan oleh PNSB tetapi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah pengerusi PNSB...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya sebagai Menteri Besar, saya tergambar dalam semua perkara-perkara yang dibuat. Tapi kalau perkara ini betul dan sah dan

menguntungkan negeri, saya tidak akan berdolak-dalik membenarkan perkara ini dilakukan. Tidak boleh kita biarkan sahaja menunggu dalam keadaan apa sebab keputusan ini sudah dibuat oleh satu jawatankuasa pada 15 Januari 2004 lagi. Jadi ia sudah dibuat. Tinggal lagi perlaksanaannya, maknanya dia membaca *agreement*, perlaksanaannya dibuat dan Menteri Besar tidak terlibat dalam menandatangani perjanjian ini. Jadi kalau saya sendiri maknanya menandatangani, tidak. Saya tidak terlibat dan saya membenarkan perkara ini berlaku.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Minta penjelasan sedikit.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Haa...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Pertama, saya minta maaf. Saya tak nak ganggu Menteri Besar. Saya nak tanya sedikit, selain daripada RM800 juta jangkaan yang akan diperolehi, ada perkongsian GDV, ada tak dinyatakan berapa peratus yang akan diperolehi, satu. Kemudian yang kedua, walaupun tadi Menteri Besar kata perancangan sudah dibuat pada tahun 2003 atau 2004, tetapi perjanjian yang baru dengan memilih syarikat Tropicana ialah pada 26 Januari 2013. Maknanya bila kita menyatakan keadaan itu bahawa perjanjian yang lama itu sudah terbatal lah. Sebab di antara *Canal City* dan juga *Radian Pillar* sudah dibatalkan lebih awal. Maknanya dalam konteks Kerajaan Negeri yang baru ini sudah mulakan pada bulan Januari 2013. Jadi pertama saya nak tanya dulu, mengenai berapa peratus perjanjian dari segi perkongsian GDV itu dulu sebelum saya nak tambah yang lain.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: GDV itu berasaskan pada RM8 bilion. *Gross Development Value* itu berasaskan pada RM8 bilion.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Apakah faedah ataupun keuntungan yang diperolehi.....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Berasaskan pada RM8 bilion. Kalau ada kenaikan katakanlah lepas itu ada kenaikan daripada RM8 bilion GDV jadi RM10 bilion. Maknanya setiap penambahan PNSB yang sebenarnya bukan PNSB yang akan dapat. MBI yang akan dapat. Dia akan mendapat lima peratus setiap kenaikan. Itu sudah ada dalam perjanjian.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya faham RM8.64 bilion anggaran GDV, berapa peratus yang akan diperolehi MBI? 10%? 20%? 30%? Itu yang saya maksudkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebenarnya yang mempunyai tanah ialah MBI. Pendapatan itu semua akan pergi kepada MBI dan PNSB ialah pengurus yang

menjaga tanah tersebut. Pendapatan itu, tanah ini diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada MBI. Jadi soalan yang kedua mengenai.....

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Saya menurut apa yang disebut oleh Sungai Burong tadi kerana dalam konteks 26 Januari 2013 pemilihan baru kepada Syarikat Tropicana. Urus niaga ini mula ditandatangani pada April 2013 yang mana kebetulan itu ialah tarikh pembubaran Dewan Negeri. Jadi saya bukan apa, kita ingin mendapatkan penjelasan bukan nak tuduh ke apa tapi dalam keadaan *interim government* atau pun konteks kerajaan sementara ini memanglah pada dasarnya PNSB mewakili Kerajaan Negeri dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai pengerusi PNSB. Jadi kenapa ditandatangani dalam konteks itu? Itu yang kita tanya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jawapannya itu sebab saya bagi saudara tarikh, saudara tengok. Keputusan yang dibuat ialah pada 26 Februari 2013. Keputusan sudah dibuat. Pelaksanaan itu saya pun tidak tahu berapa. Jadi keputusan telah dibuat pada 26 Februari 2013. Jadi tidak jadi isu dari segi *conflict of interest* atau pun apa dan kita telah buat keputusan itu dan serupa juga macam kalau nak tanya keputusan kabinet untuk air dibuat pada bulan Februari 2008 nak membahagikan pada kumpulan hartanah KDEB. Tapi pada 8 Mac 2008 tak jadi dia bagi. Itu sebab ceritanya berbeza. Jadi maknanya kita punya keputusan boleh dibuat, bukan tidak boleh dibuat. Jadi saya teruskan. Perjanjian jual beli dan pembelian ditandatangani atas dasar RM8.6 bilion. MBI melalui PNSB akan memperoleh lima peratus keuntungan pulangan daripada nilai tersebut hasil daripada perkongsian pembangunan. Walau bagaimana pun sekiranya pemaju Tropicana berhasrat menaikkan nilai kadar kasar pembangunan dan nilai itu telah dimanterai apabila menyerahkan kebenaran merancang dan laporan cadangan pembangunan maka pulangan yang perlu diberikan kepada MBI akan turut dinaikkan selari dengan kenaikan GDV tersebut. Kesimpulan, prinsip Pakatan Rakyat dalam urusan pentadbiran aset serta hartanah Kerajaan Negeri adalah memberi nilai tertinggi kepada aset tersebut dengan cara tidak menjual tanah kosong. Kita tidak menjual tanah kosong tetapi menjual tanah dan pelan pembangunan. Kita jual *Gross Government Value*, sekarang semua orang dah tahu. Hasil ini boleh dilakukan kerana Kerajaan Negeri mempunyai pakar dalam merancang pembangunan dan kelulusan berkenaan dengan terletak sebab mempunyai kepakaran tetapi mempunyai kuasa kelulusan di dalam kuasa Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri, MMKN, Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini terbukti apabila 2008, saya nak tunjukkan pada 2003, hal ini terbukti apabila 2003 perancangan asal pembangunan *Canal City* melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM1,345 bilion manakala keuntungan keseluruhan projek ialah RM74 juta dan dalam 20 tahun PNSB hanya mendapat RM22 juta. Hari ini kita berbincang mengapa kita tidak dapat bukan RM800 juta mengapa kita tidak dapat RM1,000 juta. Itu dia. Jadi beza tahun projek. Jadi kalau kita dapat kenaikan daripada RM22 juta menjadi RM800 juta semua gaji Dewan ini boleh dibayar dalam

masa 10 tahun. Ini jauh berbeza dengan penjualan tanah dengan pelan pembangunan yang diluluskan oleh Pakatan Rakyat melalui MBI dan PNSB yang mana MBI akan memperoleh sekurang-kurangnya RM1.3 bilion dan Kerajaan Negeri akan memperoleh pembangunan infrastruktur dan prasarana seperti jalan raya, sekolah, kawasan perkuburan, masjid, pusat rekreasi atas tanah 424 ekar pada sepanjang tempoh pembangunan di *Canal City* tersebut. Inilah merupakan pendekatan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu perkongsian antara syarikat penuh Kerajaan Negeri dan pemaju dan justeru itu jika pemaju berhasrat untuk mempercepatkan proses pembangunan maka Kerajaan Negeri akan memperoleh keuntungan dalam tempoh dan jangka masa yang diambil oleh pemaju.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Saya nak membawa pertanyaan sedikit. Saya nak tanya juga mengenai apa kedudukan dakwaan mengatakan Tropicana menjual sebahagian daripada 128 hektar, daripada 474 hektar tanah yang dibeli daripada MBI ini kepada *Equal Development Group* yang bernilai RM470.67 juta secara tunai. Itu saya minta kalo boleh dijelaskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih untuk Permatang. Kita suka sebab lagi banyak dia dapat *cash*, lebih cepat kita dapat duit. Kita suka. Kalau dijual dengan harga lebih mahal, *the Gross Development Value* kita juga akan dapat lima peratus daripada tersebut. Kita tidak menghalang sebab kita dah taruh *the minimum* had yang kita mesti dapat. Dalam apa-apa hal pun kita mesti dapat *nett present value* RM800 juta. Tapi kalau dia naikkan harganya *the Gross Development* lagi tinggi, kita dapat lagi tinggi harga. Jadi ia tidak jadi masalah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Saya membangkitkan ini kerana kalau saya mengambil kiraan daripada RM844.2 juta berdasarkan daripada 474 hektar yang dibeli dan sebahagian jualan yang saya sebut tadi 128 hektar daripada 474 hektar kadar nilai yang saya nak persoalkan, yang saya nak bertanya lah. Kalau mengambil daripada KDEB dengan kadar RM844.2 juta untuk kadar 474 hektar bermakna satu kaki lebih kurang lah anggaran berdasarkan kiraan akan jatuh pada nilai RM17 dan Tropicana menjual sebahagian daripada jumlah 128 hektar tadi dengan nilai RM470 juta, Tropicana akan mendapat nilai RM35 sekaki. Jadi maknanya kalau dulu kita pernah sebut ada beberapa tuduhan kepada Seri Serdang yang lama dapat keuntungan jualan singkat, ambil nama dia sekejap. Itu sebagai tuduhan tapi dalam konteks ini Kerajaan Negeri menjual dengan harga RM17 sekaki, Tropicana pula jual dengan harga RM35 sekaki dalam tempoh yang cukup singkat. Jadi persoalannya kenapa jumlah itu hanya RM17 bukan Tropicana yang belum pun bangukan tapi sudah mendapat keuntungan jangka pendek yang amat luar biasa sebanyak RM470.67 juta. Kenapa tidak MBI menjual pada harga bukan RM35 ataupun kenapa RM17 Tropicana jual dan mendapat keuntungan jangka pendek yang cukup luar biasa. Saya minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kita sudah buat keputusan itu tapi kita tahu apabila ada kenaikan penjualan yang lebih tinggi lagi kita juga akan dapat. Itu tidak jadi masalah pada kita. Jadi itu sebabnya kalau saudara tengok kalau MBI dan PNSB jual kepada Tropicana iaitu pada harga RM1 juta satu ekar. Lebih kurang saudara boleh tengok. RM800 juta RM1 juta seekar. Tapi bila Tropicana jual kepada orang lain dengan harga kenaikan bererti *Gross Development Value* itu meningkat dan Kerajaan Negeri bukan dapat RM1 juta seekar tapi Kerajaan Negeri akan dapat RM1.5 juta seekar. Itu dia. *Next*, saudara akan bayar kita untuk membuat formula untuk ini. *So, thats the reason why* itu sebab saya *because we know, we share minimum*. Cara ini belum banyak negeri yang buat, belum. Tapi Guthrie pernah buat sebab dia buat ini di Indonesia. Saya buat di Indonesia tapi saya dapat konsultan daripada *Rothschild*. Tapi saya gunakan *the same methodology* untuk ini tapi tidak bayar lah. Saya tidak bayar *Rothschild*.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Saya masih belum dapat penjelasan. Sebuah syarikat yang mendapat keuntungan luar biasa RM470 juta dalam tempoh beberapa bulan. Jadi itu akan menjadi milik syarikat berkenaan sebab dia yang dapat. Kerajaan Negeri akan dapat kemudian bila ada *Gross Development* sahaja. Jadi apakah RM470 juta ini yang dapat dalam bentuk jualan yang meningkat harga sekaki itu akan dikongsi juga jumlah RM470 juta itu dengan Kerajaan Negeri atau pun milik sepenuhnya syarikat Tropicana.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saudara mesti ingat dia punya *statement* ialah untung ke atas penjualan. Dia tidak terangkan saudara tentang kos pembinaan yang akan dilakukan. Saudara tahu yang saya katakan tadi ada 400 ekar yang kena dibuat jalan, dia buat apa semua. Itu tidak masuk dalam kiraan keuntungan beliau. Jadi tidak apalah dia nak *declare* dia punya untung tapi dia punya kos masih lagi tertinggal dengan kita. Jadi tidak jadi masalah. Saudara boleh cakap saya membeli baju ini untungnya RM10 tapi saya pakai baju ini, saya kena juga beli seluar dengan itu. Bila saudara tolak dengan harga beli seluar itu apa jadi? Jadi saudara kena tidak apa dia cakap dia untung, negeri pun untung. Jangan marah pada orang yang buat untung asalkan kita tidak beruntung. Itu dia punya jawapan. Jadi saya nak tengok siapa nak apa itu Yang Berhormat daripada Tanjung Karang akan membawa perkara ini ke PWTC.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya galakan sebab saya akan berbincang dengan PWTC untuk memberi beberapa pandangan saya tentang perkara ini. Ini bukan apa saya nak terangkan sebab saya mengambil masa kalau tidak saya tidak boleh sudah *record* ini. Sebab kita nak menjamin standard ketelusan dalam negeri Selangor. Jadi kalau saudara kata saudara boleh dapat lebih mahal daripada ini, lebih baik daripada cara ini, saya boleh belajar daripada saudara sebab lagi banyak

esok kita ada harta yang banyak. Jadi itu sebab saya sanggup bentangkan perkara ini, saya boleh belajar daripada saudara bagaimana saudara boleh buat.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Rawang minta mencelah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ingin bertanya apa perbezaan pendekatan untuk projek ini berbanding dengan PKFZ yang mana saya difahamkan juga berhektar-hektar tanah juga diberi melalui koperasi tanah Kerajaan Negeri juga, tapi akhirnya tidak berjaya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Cara PKFZ buat ialah tanah-tanah kerajaan, dia jual kepada satu syarikat yang dikenal pasti oleh kerajaan tapi bukan harta kerajaan. Untuk ini tanah-tanah kerajaan kita serahkan balik kepada MBI, anak syarikat kerajaan. FTZ dia serahkan kepada individu, lepas itu kerajaan pula terfikir untuk membuat *Free Tax Zone*. Terfikir saya tidak tahu berapa lama terfikir tetapi terfikir, dia beli daripada syarikat yang dia jual tanah itu seperti yang saudara daripada Permatang takutlah. Saya jual kepada dia lepas itu dia jual kepada orang lain tapi dia jual kepada orang lain. Ini untuk FTZ, dia jual balik kepada syarikat kerajaan. Dia jual kepada syarikat kerajaan. Itu dia. Jadi dia jual kepada syarikat kerajaan, kerajaan yang menanggung itu. Jadi kerajaan pula pergi pinjam duit untuk membiayai projek tersebut. Jadi projek itu tidak berjaya duit hilang, tanah hilang, hutang harta masih ada. Itu bezanya yang ini bezanya dia jual kepada orang lain. Dia dapat duit. Adakah negeri tidak ada dapat duit daripada dia, negeri juga ada dapat duit. Jadi itu kita, saudara akan tanya saya beberapa soalan, pengalaman saya dalam pembelian dan penjualan. Oleh sebab saya pernah, saya ingat saya antara yang ada dalam Dewan ini saya antara yang berumur, jadi saya pernah menjaga pasaran saham. Saya pernah menjaga pasaran saham. Maksudnya hari ini kita beli, dalam dua jam kemudian harga itu boleh jadi akan naik, atau pun akan turun. Apa yang mesti kita lakukan supaya kita tidak dapat sakit jiwa. Sakit jiwa ialah bila *you* jual dengan harga RM1 lepas itu esok orang beli dengan harga RM1.20. Apa sebab, jawapannya *you* mesti tentukan harga yang *you* rasa *you can leave it*, boleh *leave it*. Jadi maksudnya kalau dia ter naik pun *you* kata *this is the profit that i want to make*. Lebih daripada itu tidak apa tapi itu kalau tidak saudara tidak akan mengurus niaga. *You can not do trading if you don't know that this is the price* yang *you can get* dan *you* buat satu rancangan supaya kalau ada kenaikan itu sebab biasanya dalam pasaran saham kita tidak jual 100%, kita jual melalui masa supaya dapat *right the market*.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, saya nak bertanya sedikit dari segi konsep, cara pendekatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri tentang *value for money*. Sebab daripada peringkat awalnya pembelian itu adalah berasaskan kepada RM1.3 bilion. Kemudian apabila didapati bahawa syarikat ada menjual tanah ini jadi PNSB minta supaya dapat dibeli tanah itu dengan lebih awal. Itu tadi tempoh 20 tahun dengan harga RM844 juta. Saya membangkitkan ini

apakah asas penilaian itu, apakah asas yang digunakan bagi penilaian sebab saya cuba buat pengiraan bahawa penilaian berasaskan kepada 1,100 lebih kurang lah 1,170 ekar ini adalah lebih kurang dalam 700 lebih dan nilai tanah pada masa ini adakah nilai ini nampaknya macam lebih rendah sebab saya difahamkan bahawa nilai tanah itu pada masa sekarang ialah lebih kurang sejuta lebih untuk satu ekar. Jadi yang ini yang saya tanyakan hari itu dari segi bagaimana cara penilaian ini supaya akhirnya kalau kita misalnya *business decision* yang dibuat ini adalah orang kata *value for money* pada Kerajaan Negeri Selangor dan juga rakyat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *The investment 101* ini yang penting itu ialah saudara tidak usah fikir tentang *the gross development value* ialah asas kita. Untungnya hasil daripada *gross development value*. Jadi kalau dia punya *gross development value* maknanya hasil *value* kita itu RM8 ribu juta yang itu barulah kita dapat seribu satu juta lebih kurang satu ekar kalau boleh terjemahkan dekat situ. Tapi kalau *gross development value* RM15 juta, saudara akan dapat lebih daripada satu juta seekar. Jadi jawapannya, jawapan yang saya boleh beri kepada saudara, bila dia menilai tanah itu pada *gross development value of eight billion*, inilah nilainya. Tapi kalau tanah itu boleh dijual pula dengan lebih mahal, maknanya *gross development value* itu lebih daripada 8 bilion, jadi 10 bilion, kita juga akan dapat dengan nilai yang 10 bilion bukan nilai yang 8 bilion. Tapi kalau dia jual tanah itu bawah pada 8 bilion, kita ambil balik tanah itulah. Maknanya tidak payah jual lah. Maknanya kalau dia lebih pada 10 bilion, lebih pada 15 bilion, kita juga akan mendapat hasil. Jadi saudara mesti fikir daripada *gross development value* bukan fikir. Jadi kalau *gross development value eight billion*, kali dengan lima peratus, berapa dapat? Jadi kalau RM15 bilion kali dengan 5%, berapa dapat? Mengapa Kerajaan Negeri boleh tahu tentang *gross development value*. Saudara akan tanya saya soalan itu. Macam mana negeri akan dapat tahu *gross development value*? Yang meluluskan *gross development value* ialah negeri. Jadi dia akan *submit development* pelan kepada negeri, negeri akan tengok dekat mana, berapa *gross development value*. Itu sebab negeri tidak gunakan kuasa tersebut. Kalau dia bayar kita RM800 juta, dia hanya dapat *gross development value eight billion*.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Tuan Speaker, saya nak sedikit lagi. *Style* pengurusan Pakatan Rakyat di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya tidak pertikai. Itu Kerajaan Negeri menentukan. Nak membandingkan dengan kerajaan yang dahulu pun saya pun tiada membuat perbandingan itu. Sebab setiap kerajaan ada cara dan juga pendekatan yang berbeza. Dalam isu mengenai Tropicana ini, saya nak bertanya kepada Dato' Menteri Besar, dari segi *value for money* yang kita sebut dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada sebut, dalam perjanjian ini yang dinilai RM1.3 bilion antara MBI dan juga Tropicana. Saya itu kesimpulan yang saya nak buat. Tropicana diperlukan untuk membayar deposit, ini kalau saya tidak betul minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar betulkan sebab ini kenyataan saya. Tropicana perlu jelaskan deposit RM50 juta dalam tempoh enam bulan pertama selepas perjanjian. Kemudian yang RM800 juta

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebutkan tadi, sebahagian daripadanya RM530 juta akan dibayar berserta dengan faedah dalam tempoh 12 tahun. Baru dapat 12 tahun. *Twelve years*, baru dapat RM530 juta dan baki RM458.2 juta adalah 5% daripada nilai pembangunan kasar tanah. Ditambah pula dengan 3% daripada keuntungan bersih daripada projek. *Statement* saya. Saya pun hairan juga, kenapa sebagai tuan punya tanah mendapat RM530 juta, kena tunggu 12 tahun. Tropicana yang dapat 474 hektar, menjual 128 hektar daripada sebahagian, dia dapat dalam tempoh yang singkat sebanyak RM470.67 juta tidak sampai beberapa bulan. Dapat RM470 juta, PNSB ataupun MBI kena tunggu 12 tahun. Ini di mana kewajarannya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak apa. Saya kena sabar untuk membetulkan minda. Jadi sebab saudara, dia menjual tapak yang dianggap sudah diselesaikan. Dia tidak mengambil kira kos untuk menyelenggarakan 1,200 ekar. Saudara tanya dia bukan dapat 1,200 ekar percuma. Negeri tidak memberi duit untuk dia membuat jalan. Negeri tidak memberi duit untuk dia membuat parit. Jadi saudara kena tengok dia punya kos. Jadi dia dapat duit itu, dia akan masukkan untuk buat kawasan-kawasan itu tetapi yang menguntungkan negeri ialah dia sudah jual lebih daripada 8 ribu juta apa itu *gross development value*. Maknanya dia dah jual lebih daripada *gross development value*, kita dapat jalan dan apa dan kita juga dapat untung penjualan tersebut. Jadi dia belum bayar untuk buat jalan pun saudara nak pergi ambil duit dia lagi? Jadi tidak apalah. Dia dah janji nak bagi kita itu. Saudara jangan marah orang juga saudara jadi dia bawak teksi, dia beli teksi daripada saudara, kali itu dia *charge* orang teksi itu lebih mahal daripada hari itu, waa, saudara kata kalau macam itu lebih baik saya tidak jual teksi pada dia, tidak apa.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Dato' Menteri Besar, saya bukan mempersoalkan itu. Persoalan saya tadi digembar-gemburkan negeri akan dapat jumlah RM500 juta tapi 12 tahun. Syarikat yang dapat ini dapat RM470 juta tidak sampai beberapa bulan. Soal dia membangunkan infrastruktur itu tanggungjawab syarikat berkenaan sebagai pemaju dan dalam terma-terma perjanjian pun itu sudah disebut. Itu tanggungjawab pemaju kena sediakan. Tetapi soalnya dia mendapat kemudahan tanpa sepatutnya dia boleh membuat pinjaman bank tetapi hanya penjualan singkat. Jadi secara moralnya itu saya nak menilai itu sahaja. Pulangan sebegitu. Itu sahaja menjadi persoalan kepada saya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Soalan daripada saudara, ya lah saudara mempersoalkan oh, dia dapat duit cepat, dia kena bayar duit cepat kepada kita. Itu saudara yang nak persoalkan. Dia dapat untung, saudara juga nak dapat untung. Jadi jawapan saya, saya akan dapat tidak mestinya. Saya akan dapat bertambah dengan 5%. *Nett present value* itu makin cepat dan dia lambat bayar, saya dapat 5%. *You* tengok pada kiraan tersebut. Ada, lagi cepat dia bayar, lagi baik pada saya, lagi lambat dia bayar bertambah lah faedah saya. Tanah lagi saya miliki, saudara nak esok *sign agreement* dengan saya, saudara kena baca betul-betul juga.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Tan Sri... mencelah untuk mohon penjelasan...

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya ingat pun contoh baju Melayu pun Tan Sri dah bagi. Contoh bawa teksis pun dah bagi. Ketua pembangkang pun mengakui membaca Harakah. Saya tengok makin lama pembangkang ni makin tanya makin *blur* dia. Dato' Pelabuhan Klang, jadi boleh tak kita rumuskan Dato' Pelabuhan Klang, Dato' Menteri Besar boleh membuat taklimat sebagaimana taklimat air. Panggil pakar-pakar supaya dengar jelas sebab saya di belakang ini boleh faham apa yang Dato' Menteri Besar sebut tapi orang sebelah sana macam tidak berapa nak faham.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Yang Berhormat Paya Jaras, saya ingat Paya Jaras dia akan kata kita *blur*, apa yang saya timbulkan...

TUAN SPEAKER: Kalau nak bersuara, tunggu. Kuang.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya bukan bidang ini Tan Sri. Tapi saya daripada tadi ni pening la, pening. Tapi bagi saya penilaian saya mudah sahaja. Satu kaki RM17 dengan satu kaki RM35, yang mana besar? Itu saya punya penilaian tadi. Tadi Tan Sri pusing saya fikir tang mana nak dapat lagi ni. Jadi ini mohon perjelaskan panggilan saya lah pergi pejabat Tan Sri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Macam ini, ada orang dia boleh jual sekeping kertas, kertas ini dibahagi kepada beberapa. Ada kalanya satu keping kertas yang katalah sepuluh ribu kaki persegi harganya A, tapi kalau dia jual satu keping kertas yang lebih kecil, tetapi dia terpaksa membetulkan semua kertas itu, dia boleh naikkan harga yang lebih tinggi, boleh. Kita tidak menghalang tentang perkara tersebut tapi asalkan kita dapat keuntungan bersama dengan dia, itu sahaja. Jadi itulah sebabnya tapi lagipun katalah sekarang Yang Berhormat Kuang takut kalau dia jual kesemuanya, Kuang dengar. Kalau dia jual kesemuanya dengan RM35, Kuang tengok, kalau dia boleh jual kesemuanya dengan RM35, Kuang akan tanya dia dapat *cash* semua. Berapa negeri akan dapat? Jadi bukan kita ambil kira yang Kuang tanya RM17, sekarang ambil kira pada harga RM35. Itu dia punya kiraan. Jadi Kuang sekarang dah kaya pada RM35 bukan harga RM17. Jadi Kuang tengok satu benda lepas itu Kuang nak ambil semua, nantilah dulu. Boleh jadi dia jual yang lain itu boleh jadi RM40 pula, bukan RM70. *You* tengok orang meniaga tanah, kalau Bukit Jelutong yang saya jual tidak sampai RM15 sekaki. Sekarang harganya ada RM100 sekaki. Jadi saya tidak jual cara macam itulah. Kalau tidak mati orang Bukit Jelutong. Tetapi itulah caranya. Saya bersetuju kalau kita adakan penerangan

serupa macam TALAM dulu lah. Saya pun nak menerang pening kepala tapi akhirnya dapat duit juga. Boleh, boleh kita buat.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker. Saya ingin ini cuma pertanyaan sebab tadi Yang Berhormat Paya Jaras katakan kena ada satu sesi khas lah. Saya rasa satu cara yang lebih jelas lagi untuk tengok pendekatan berlainan, kita bandingkan projek ini dengan PKFZ. Jelas semua orang nampak Kuang dan Permatang pun tidak akan pening. Dia tidak akan nampak beza cara BN dengan Pakatan Rakyat. Ini jelas kita boleh nampak yang mana satu pelaburan, yang mana satu sindiket jual tanah. Itu jelas kita boleh nampak.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Mohon mencelah sedikit.

TUAN SPEAKER: Permatang nak mencelah siapa?

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Saya nak minta daripada Speaker lah. Saya nak beritahu Rawang dan juga Paya Jaras. Saya rasa apa yang saya timbulkan dalam Dewan ini adalah perkara yang benar dan Dato' Menteri Besar pun terima kenyataan saya. Saya tidak kata saya *blur* cuma saya persoalkan dari segi moralnya, *value for moneynya* yang kita kata saya sendiri nampak persoalan yang digembar-gemburkan yang deal ini memang hebat sangat. Saya tidak nafikan kalau ini satu konsep yang dibawa oleh Pakatan Rakyat, saya boleh terima. Tiada masalah. Itu hak Kerajaan Negeri. Tapi saya nak persoalkan itu sahaja kenapa orang lain mendapat keuntungan yang begitu singkat sedangkan kita menunggu sehingga 12 tahun dan saya nak tanya satu lagi lah kepada Menteri Besar, ada saya mendapat maklumat bahawa Menteri Besar juga ada meminta supaya kadar bayaran RM844 juta dipercepatkan. Bagaimana dengan *statement* yang Menteri Besar buat ini, saya nak tanya adakah benar atau tidak?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu saya memang, sebagai satu strategi saya memang tulis perkara tersebut sebab kalau dia ingin membuat jualan-jualan seterusnya bererti saya boleh dapat duit yang RM800 juta itu sebab duit yang RM800 juta daripada menunggu masa 12 tahun lebih baik dapat sebab pulangan yang saya dapat untuk lambat membayar ialah 5%. Jadi kalau saya ada projek yang boleh dapat 10% tiap-tiap tahun, lebih baik saya ambil *cash* tersebut dan saya masukkan ke dalam projek lain. Saudara tengok saya punya kenyataan akhbar itu bukan untuk nak dapat duit itu sahaja tetapi menggunakan dana tersebut untuk pelaburan-pelaburan yang lebih tinggi pulangannya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Apakah deposit RM50 juta ini sudah diterima dan apa respons Tropicana mengenai hasrat Yang Amat Berhormat minta percepatkan pembayaran itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Deposit sudah diterima, respons dia ialah dia nak berbincang dengan kita lah sebab dia nak berbincang sebab semua kelulusan dan semua penandatanganan tanah itu masih lagi atas nama MBI, bukan nama tanah dia. Jadi oleh sebab itu dia kena berbincang dengan kita tapi kita akan berbincang untuk menyatakan ini pulangan kita dan seterusnya. Itu sahaja.

TUAN SPEAKER: Baiklah boleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar rumuskan dalam masa 10 minit.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak, ini rumusan tapi saya apa nak saya buat ialah saya tinggalkan kertas kerja ini untuk dibaca lepas itu banyak soalan lain tak apa teruskan. Saya nak menggulung hanya satu mengenai tindakan Yang Berhormat Sg. Burong mengenai saudara Anwar Ibrahim tentang jawatan dia sebagai Penasihat Ekonomi. Saya anggap Barisan Nasional bukanlah satu Parti yang boleh mengkritik perkara ini. Kalau saudara lihat saudara Samy Vellu, saudara bekas Tourism begitu ramai yang ramai bukan mendapat RM1 tetapi beratus ribu ringgit untuk dijadikan sebagai Penasihat Kerajaan Persekutuan. Ini bukan satu perkara baru jadi boleh jadi pergi dia ke India untuk menarik pelancong tapi dia punya pendapatan boleh jadi kurang daripada pendapatan kita dari pelancong ah..itu jadi kita tidak. Saya terima saudara Anwar Ibrahim kerana dia sudah berpuluh tahun jadi Menteri Kewangan dan dia berjaya. Kalau saudara tengok rekod dia, dia diiktiraf oleh *European Institute of Bankers* saya sependai saya pun belum diiktiraf oleh *European Institute of Bankers* ya... saya tunjukkan kepada saudara jadi apa yang saya buat untuk dia ialah saya tidak memakan masa lama dengan dia tetapi apabila saya berjumpa dengan dia saya bincangkan cadangan saya dia akan terangkan pandangan dia dan dalam masa 10 minit saya boleh tahu sama ada dia setuju atau tidak setuju dengan pandangan saya. Tapi 10 minit pandangan dia bererti 10 tahun pengalaman itu yang paling penting bukan jadi kalau itu berlaku saya rasa RM300,000 duit apa itu duit yang kita bayar pun terlalu sedikit, itu terlalu sedikit, secara bandingkan Yang Berhormat Menteri Idris Jala. Jadi saudara boleh buat kajian saya tak nak memalukan Dewan. Yang berapa banyak pendapatan dia dalam masa setahun.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh minta penjelasan. Saya berapa, saya pun kesian sebenarnya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Kita dah bagi harapan kita dah *update* Penasihat. Saya pun dah tahu banyak Penasihat mungkin kualiti punya Penasihat yang macam kata Y.A.B Dato' Menteri Besar boleh jadi 10 minit sahaja bagi nasihat tetapi kita nak tengok nasihat-nasihat ini sebenarnya telah banyak menjejaskan kredibiliti Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam beberapa perkara tetapi akhirnya saya nak tengok ini bukan nampaknya bila dia akhir-akhir ini dia bawa keburukan dan masalah. Saya datang saya nak ucap benda itu apa yang masalahnya sehingga Jadi kerana itu saya fikir, saya fikir sudah sampai masanya Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada masa lain.

TUAN SPEAKER: Soalan, soalan lain Sg Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Mencari Penasihat lainlah. Itu yang saya nak jelaskan. Carilah Penasihat lain. Saya belum, sedikit nak tambah. Cadangan itu

TUAN SPEAKER: Y.A.B. Dato' Menteri Besar benarkan atau tidak?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ialah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang terakhir, saya ingat Dewan pun mungkin dah lewat. Mengenai Penasihat Ekonomi saya baca juga kenyataan itu Surat Pelantikan beliau dalam Y.A.B. mengumumkan Pelantikan beliau dan saya ada baca satu kenyataan kalau tak silap. Penasihat Ekonomi Selangor dia ada beritahu dia akan bawa berbilion FDI dengan izin daripada Timur Tengah kerana hubungan baik dari Timur Tengah. Tetapi bila EXCO Perindustrian kita tanya mengenai hasil-hasil pelaburan Negeri Selangor saya tak nampak ada pun sebenarnya pelaburan dari Timur Tengah masuk ke negeri Selangor. Jadi itu amat kontra jika di antara *statement* beliau itu sebenarnya menjadi satu bahan mogokan akan membawa berbilion-bilion dari Timur Tengah tetapi dalam negeri Selangor yang paling banyak negara China dan tak ada pun saya tengok dalam jawapan daripada EXCO pagi tadi tak ada pun satu daripada Timur Tengah itu yang kita rasa amat terkilan dengan prestasi itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya nak membetulkan pandangan Permatang sebab saya boleh memberi kenyataan bahawa saudara Anwar ialah juga menjadi Penasihat kepada Bank-bank Pelaburan di Saudi dan juga di Timur Tengah. Beliau pernah menjadi Penasihat dalam Akhbar Harakah. Kalau saudara pergi ke orang yang belakang ditulis dah lah tu dia jadi Penasihat dan Akhbar Harakah mempunyai pelaburan beribu-ribu juta juga di seluruh dunia. Tapi dari segi dia mengatakan dia akan membawa duit dana ke Malaysia atau pun ke Selangor pun tak ada, tapi dari segi pengalaman beliau dalam Akhbar Harakah itu memang ada. Memang beliau bersama saya pun nak pergi berjumpa dengan pemilik Akhbar Harakah bersama dengan saudara Anwar jadi itu boleh saya bagi kenyataan. Dari segi pelaburan saya ingat dia memantau pelaburan negeri Selangor dan Selangor tidak jatuh dari segi penerimaan pelaburan. Kita tak apalah lain kali boleh jadi orang daripada Timur Tengah datang melabur jadi saudara mesti tahu bekerja dengan orang Timur Tengah bukannya senang. Boleh jadi rakan kita daripada Sabak pun tahu macam mana nak buat urus niaga dengan Timur Tengah. Itu sebab ada kalanya saya tidak nak buat jadi sebab dia ada dia punya beberapa masalah yang perlu kita lakukan. Walau bagaimana pun dari segi keupayaannya ada, jadi akhirnya saya gulungkan sebab saya berharap saya akan bekerja bersama-sama dengan Y.B. daripada Kajang untuk menjayakan negeri Selangor. Dan kita ada mempunyai kekuatan bersama dan kita, saya akan berbincang dengan

EXCO negeri adalah salah satu daripada tugas yang kita nak lakukan saudara semua tahu bahawa kita telah menentang ISA, ISA kita telah tentang dan kita telah berhasil memusnahkan ISA. Saya telah meminta Y.B. dari Kajang untuk meng... Yayasan Pemansuhan ISA untuk menolong keluarga-keluarga yang menerima kesan buruk daripada ISA dan Kerajaan Negeri melalui geran Selangorku mula memperuntukkan RM500,000 untuk Yayasan ini dan itu akan membuka jalan kia untuk menolong dan menjaga kebajikan-kebajikan yang dihadapi dalam Dewan kita ini juga. Ada beberapa orang termasuk yang mengalami keadaan tersebut jadi itulah sebagai contoh dan saya dan EXCO negeri akan bekerja dengan Y.B. dari Kajang dalam usaha kebajikan, kesihatan dan sekuriti negeri ini, ah itu sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian selesai sudah penggulungan pihak Kerajaan. Maka Dewan ditangguhkan sehingga ke hari Isnin 14 April 2014 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 7.11 malam)